

"MAJLIS Konvokesyen ini adalah satu peristiwa penting dalam sejarah pendidikan di negara ini. Ianya adalah bukti kebolehan, kematangan dan keyakinan kita dalam bidang pendidikan tinggi serta kemampuan kita dalam melahirkan tenaga kemahiran di peringkat ijazah di negara ini." Titah Sempena Majlis Konvokesyen Pertama Universiti Brunei Darussalam pada 21 Safar 1410/21 September 1989.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"KATAKANLAH wahai Muhammad, jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu, dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi." - Surah Ali Imran ayat 31.

TAHUN 51 BILANGAN 3

RABU 18 JANUARI 2006/1426 رابو 17 ذوالحجه

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Majlis Ibadat Korban Sunat sempena Aidiladha

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM

dayang.kasim@information.gov.bn

DAN BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

bolhassan.abubakar@information.gov.bn

KIARONG, Rabu, 11 Januari. - Majlis Ibadat Korban Sunat bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha diadakan selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis yang berlangsung di perkarangan Jame' Asr Hassanil Bolkiah, di sini dekat ibu negara.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1426 Hijrah.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatiha dipimpin oleh Yang

Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

Sebanyak 14 ekor kambing dan 34 ekor sapi dikorbankan dalam Majlis Ibadat Korban Sunat bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda.

Sejurus kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung berangkat ke tempat penembelihan binatang korban dan seterusnya baginda menitahkan supaya upacara penembelihan dimulakan.

Manakala penembelihan binatang-binatang korban yang selebihnya disempurnakan di Pusat Penembelihan Mulaat Abat-tair Sendirian Berhad.

Majlis telah diserikan dengan persembahan Tausyeh oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan mengurniakan daging-daging korban kepada seramai 20 orang yang terpilih dari seluruh negara.

Bagi memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

Daging-daging korban

tersebut diagih-agihkan kepada 4,351 orang fakir miskin di seluruh negara yang berhak menerima iaitu seramai 2,672 orang dari Daerah Brunei dan Muara; 594 orang dari Daerah Tutong; 831 orang dari Daerah Belait dan 254 dari Daerah Temburong.

Pengagihan daging-daging korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda disempurnakan penyerahannya di keempat-empat daerah.

Ibadat korban merupakan ibadat yang sangat dituntut iaitu Sunat Muakad dalam syariat Islam dan ia berperanan sebagai platform bagi seseorang untuk menzhahirkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala di atas nikmat yang dilimpahkan.

Fadilat dan hikmat yang diperolehi apabila melakukan ibadat korban antaranya supaya umat Islam sentiasa mengingati peristiwa atau kisah yang terjadi di antara Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail.

Selain itu ia juga dapat memupuk perpaduan di kalangan masyarakat kita dengan menyemai sikap prihatin dalam jiwa kita, khususnya umat Islam dengan menolok atau membantah fikiran miskin.

Seperti lazimnya apabila tiba 10 Zulhijah dan Hari-hari Tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijah), amalan berkorban semakin bertambah di mana hampir setiap masjid, mesjid, Kementerian, jabatan kerajaan, sektor-sektor swasta serta orang-orang persendirian menganjurkan Majlis Ibadat Korban.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan daging korban sambil beramah mesra bersama seorang penerima di Majlis Ibadat Korban Sunat baginda dan kerabat baginda sempena Aidiladha. - Foto : Ramli Haji Tengah.

\$250 juta diperuntukkan bagi dana sumber manusia

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

timbang.bakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Januari. - Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet yang baru bersidang pada 10 Januari lepas telah memperuntukkan sejumlah \$250 juta bagi penubuhan satu dana khusus untuk melaksanakan pelbagai program yang akan mengukuhkan pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini.

Penubuhan dana yang merupakan pertama kalinya diperuntukkan untuk tujuan tersebut diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui siaran akhbar hari ini.

Siaran akhbar tersebut antara lain menyatakan seperti berikut :

"Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet yang baru bersidang pada hari Selasa, 9 Zulhijah 1426 bersamaan dengan 10 Januari 2006 telah memperuntukkan sejumlah \$250 juta bagi penubuhan satu dana pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini."

Siaran akhbar itu juga menjelaskan projek dana berkenaan merupakan pe-

lengkap Rancangan Kemajuan Negara yang selama ini banyak tertumpu kepada pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal.

Manakala objektif-objektif utama program-program tersebut, siaran akhbar menggariskan antara lain meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia untuk setaraf dengan negara-negara maju; memenuhi keperluan pembangunan negara di bidang ekonomi, politik dan sosial; memenuhi keperluan tenaga pakar dan profesional di semua bidang strategik; meningkatkan kemahiran dan ketrampilan tenaga kerja di semua sektor; meningkatkan penghayatan budaya pembelajaran berterusan; mencapai guna tenaga penuh dan kadar pengangguran yang rendah dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing.

"Penyelarasan perlaksanaan termasuk pengawasan dasar dan ketetapan mengenai peruntukan kewangan kemajuan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi Dana Sumber Manusia ini, pada keseluruhannya adalah di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri," siaran akhbar tersebut menjelaskan.

Dana Sumber Manusia, menurut siaran akhbar itu lagi, adalah lain daripada peruntukan tahunan yang memang disediakan dalam Belanjawan Tahunan bagi sektor pendidikan dan perkembangan tenaga manusia yang pada tahun 2006 ini sahaja adalah berjumlah \$852 juta.

1. Program Khas Pembangunan Tenaga Pakar dan Profesional yang mengandungi Skim Kepakaran Khas dan Skim Kepakaran Biasa.

2. Program Biasiswa yang mengandungi Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Biasa dan Skim Biasiswa Pendidikan.

3. Program Khas Bagi Graduan Mencari Pekerjaan yang mengandungi Skim 'Employment Orientation and Job Matching' dan Skim Latihan Perkhidmatan 'Site Staff'.

4. Program Khas Lepas Sekolah iaitu Skim Latihan Kemahiran.

5. Program Pembangunan Kemahiran dan Ilmu Pengetahuan yang mengandungi Skim Peningkatan Kemahiran, Skim Perkembangan Profesion Guru dan Skim Bantuan Latihan Sektor Swasta.

6. Program Pembangunan Keusahawanan yang akan menyediakan Skim Memupuk Kesedaran Keusahawanan, Skim Latihan Keusahawanan dan Skim Melatih Tenaga Pengajar Keusahawanan.

Sementara itu, kajian-kajian kemungkinan (feasibility studies) juga akan dilakukan ke atas Skim Galakan Bekerja Di Luar Negara dan Skim Perkhidmatan Nasional.

Siaran akhbar itu juga menjelaskan projek dana berkenaan merupakan pe-

lengkap Rancangan Kemajuan Negara yang selama ini banyak tertumpu kepada pembangunan kemudahan infrastruktur fizikal.

Manakala objektif-objektif utama program-program tersebut, siaran akhbar menggariskan antara lain meningkatkan keupayaan sumber tenaga manusia untuk setaraf dengan negara-negara maju; memenuhi keperluan pembangunan negara di bidang ekonomi, politik dan sosial; memenuhi keperluan tenaga pakar dan profesional di semua bidang strategik; meningkatkan kemahiran dan ketrampilan tenaga kerja di semua sektor; meningkatkan penghayatan budaya pembelajaran berterusan; mencapai guna tenaga penuh dan kadar pengangguran yang rendah dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing.

"Penyelarasan perlaksanaan termasuk pengawasan dasar dan ketetapan mengenai peruntukan kewangan kemajuan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi Dana Sumber Manusia ini, pada keseluruhannya adalah di bawah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri," siaran akhbar tersebut menjelaskan.

Dana Sumber Manusia, menurut siaran akhbar itu lagi, adalah lain daripada peruntukan tahunan yang memang disediakan dalam Belanjawan Tahunan bagi sektor pendidikan dan perkembangan tenaga manusia yang pada tahun 2006 ini sahaja adalah berjumlah \$852 juta.

32 HARI LAGI

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara: Hadapi ujian Allah dengan tabah dan sabar

- Muka 2

Analisis: Ibadat sembahyang, zakat, jangan diabaikan

- Muka 3

Khutbah Hari Raya Aidiladha: Menabur fitnah boleh memesongkan iman, amat berbahaya

- Muka 11

Kesihatan mental dan gangguan emosi

- Muka 14

10 kawasan letak kereta di BSB diwastakan

- Muka 1 ANEKA

Melirik Masa Silam: Generasi Perubahan dan Pembaharuan

- Muka 6 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PASUKAN Polis Diraja Brunei (PDB) kini mencapai usia 85 tahun. PDB merupakan agensi kerajaan yang terulung dan tertua di negara ini dan ianya merupakan sebuah organisasi penguat kuasa undang-undang yang berorientasikan 'ala tentera' sejak ditubuhkan pada 1 Januari 1921. Sementara pada usianya ke-84 tahun, PDB telah mencatat satu sejarah dengan menubuhkan Pasukan Polis Wanita pada 4 Ogos 1974. Penubuhan itu telah memberi peluang kepada kaum wanita berganding bahu bersama Pasukan Polis Lelaki memikul tanggungjawab penting dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara. - Sumber : Pelita Brunei Januari 2005.

Selamat meluaran seorang putera

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana

Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Grand Chamberlain memaklumkan bahawasanya Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja

Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj, telah selamat meluaran seorang putera pada hari Sabtu, 13 Zulhijah 1426 bersamaan 14 Januari 2006 jam 5.50 petang.

Tembakan meriam sebanyak 17 das telah dilepaskan di perkarangan Istana Nurul Iman berikutan dengan meluaran itu.



18 JANUARI 2006 BERSAMAAN 1426 ذوالحجه 17

BERKORBAN APA SAJA

UMAT Islam perlu mengambil iktibar daripada Hari Raya Adha atau Hari Raya Korban yang kita rayakan minggu lepas. Malah Aidiladha itu penuh simbolik. Paling tidak, simbolik korban itu mustahak kita terap dan terjemahkan dalam kehidupan seharian. Mengorbankan jiwa dan harta merupakan pengorbanan yang dituntut dalam Islam ke arah usaha menegakkan syiar Islam.

Peristiwa korban yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim terhadap puteranya Nabi Ismail merupakan landasan yang jelas betapa perintah Allah mesti diutamakan tanpa mepedulikan lain-lain kepentingan, sekalipun kadang-kadang perintah itu kelihatannya berat dan membebakan.

Pengorbanan Baginda berdua sesuatu yang luar biasa. Kesanggupan mereka untuk akur kepada perintah Allah merupakan ujian keimanan yang tidak ada tolak bandingnya. Kita dapat bayangkan peristiwa sedemikian melambangkan keagungan sehingga terciptanya Hari Raya Aidiladha yang kita rayakan sehingga masa kini.

Natijahnya setelah ribuan tahun ibadat korban itu berjalan, apakah kita benar-benar sanggup berkorban? Apakah pengorbanan besar yang kita lakukan? Sejauh mana telah kita terjemahkan semangat korban itu dalam kehidupan? Persoalan ini sengaja dilontarkan agar kita selaku umat Islam di negara ini dapat memikir dan merenung bersama mengapa kita perlu berkorban apa saja dalam hidup ini.

Peristiwa ini perlu kita imbas kembali sebagai pengajaran berguna dalam kita melayari bahtera pesona kehidupan harian. Peristiwa ini cukup hebat, penuh dengan ujian yang bukan kepalang.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 2006. Baginda menegaskan 'peristiwa inilah perlu dirujuk atau diimbaskan kembali sebagai pengajaran. Kejayaan biasanya berlaku setelah mengalami ujian. Tanpa ujian belum dapat ditentukan kejayaan seseorang itu'.

Apa pun segala ujian daripada Allah memerlukan 'kehebatan dalaman'. Hanya mereka yang hebat saja yang mampu berhadapan dengannya. Ini dapat disaksikan melalui peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang telah menghadapi ujian yang getir dan tiada tolak bandingnya dalam sejarah kehidupan manusia. Pengorbanan Kedua-dua insan inilah perlu dijadikan contoh teladan yang berguna oleh semua umat Islam.

Bagaimana kita menterjemahkan pengorbanan itu dalam kehidupan masa kini? Pengorbanan besar yang sentiasa dituntut ialah kesanggupan berkorban untuk negara yang ditunjangi dengan kerja keras lagi produktif demi kesejahteraan dan keharmonian negara. Kesanggupan pada memelihara dan mempertahankan kedaulatan negara daripada musuh. Kesediaan untuk memperjuangkan maruah bangsa dan negara.

Inilah sebenarnya pengorbanan yang cukup besar untuk kita tatang dan tanai sentiasa. Namun demikian untuk mencapainya bukanlah sesuatu yang mudah. Ianya memerlukan pengorbanan yang mencakup jiwa raga, masa, wang ringgit, tenaga dan fikiran. Kita dituntut agar sanggup berkorban dalam kegiatan seharian selagi tidak tergelincir dari landasan agama Islam.

Namun demikian hanya segelintir saja umat Islam yang sanggup mengorbankan harta benda. Ini dapat dilihat, di mana umat Islam ada yang 'keberatan' dan tidak sanggup untuk mengeluarkan zakat pada setiap tahun. Jadi di mana letaknya kesanggupan kita berkorban itu. Apa lagi untuk berkorban nyawa dan darah.

Berbanding, umat Islam terdahulu yang sanggup mengorbankan nyawa dan darah bagi mempertahankan atau membela Islam, kita kini diuji supaya mengeluarkan sedikit nikmat harta kurniaan Allah untuk 'dikorbankan'.

Semoga pengertian tersirat dan tersurat di sebalik ibadat korban itu akan menjadi sumber inspirasi yang amat berguna untuk membina kekuatan di dalam melayari kehidupan. Semangatnya biarlah berterusan, bukan bermusim bagi menjana kehidupan yang lebih bahagia dan harmoni lagi diredai oleh Allah.

HASRAT NEGARA

HADAPI
UJIAN ALLAH
DENGAN TABAH
DAN SABAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Bilamana kita merayakan Aidiladha, kita akan menyebutnya sebagai Hari Raya Agung yang melambangkan kemenangan besar umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kemenangan ini disandarkan kepada kepataan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimassalam menjunjung titah peringat Allah terhadap mereka.

Mereka telah berjaya melalui ujian keimanan yang tidak ada tolak bandingnya. Apa tidaknya, cuba bayangkan, anak tunggal satu-satunya telah diperintahkan untuk disembelih, siapakah yang sanggup melaksanakannya?

Dalam perjalanan menuju tempat penyembelihan pula, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail telah dihasut oleh syaitan supaya mengingkari perintah Allah, namun mereka menolaknya dan malah melontar syaitan yang dilaknat itu.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahilhamd.

Peristiwa inilah yang perlu dirujuk atau diimbaskan kembali sebagai pengajaran. Kejayaan biasanya berlaku setelah mengalami ujian. Tanpa ujian, belum dapat ditentukan kejayaan seseorang itu.

Inilah yang berlaku kepada semua orang, khasnya orang-orang Islam.

Mereka adalah diuji dengan berbagai-bagai ujian untuk menentukan pangkat masing-masing di dunia mahupun di akhirat.

Orang Islam diuji dengan ibadat kepada Allah, dengan hukum-hukum halal dan haram serta dengan suruhan dan larangan. Barang siapa yang berjaya menjalani ujian-ujian tersebut dengan mematuhi semuanya, maka mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Ganjaran untuk mereka akan disempurnakan oleh Allah, sama ada ketika di dunia, mahupun lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Dalam era hari ini, ramai orang suka menyebut-nyebut 'cabaran', kerana ia dianggap sangat hebat, padahal cabaran belum hebat, sekali pun dari siapa atau dari mana datangnya, berbanding dengan ujian Allah.

Ujian Allah adalah yang terhebat dan bahkan berat, kecuali bagi mereka yang benar-benar bertakwa, beriman dan bersabar. Banding dengan cabaran, ia boleh dihadapi oleh sesiapa jua.

Ujian Allah berbentuk dari dua anasir: Pahit dan manis. Yang pahit itulah musibah, sementara yang manis ialah nikmat.

Musibah ialah berupa bencana-bencana seperti kematian, penyakit, kemiskinan dan seumpamanya. Malah termasuk juga sebagai ujian itu ialah perintah mematuhi suruhan dan larangan Allah.

Semua ini adalah perkara yang sungguh sukar dihadapi. Ia memerlukan 'kehebatan dalaman' seseorang. Hanya orang yang hebat sahaja yang mampu berhadapan dengannya.

Sementara ujian yang satu lagi, berupa nikmat. Ia juga bukan mudah menghadapinya. Kerana jalannya lebih pelik, terlalu banyak pesona. Orang yang diuji dengan nikmat, apabila dia tenggelam di dalamnya, akan mudah lupa terhadap siapa yang memberinya nikmat itu.

Orang begini akan mudah mengalami 'mati kesedaran', sehingga menjadikannya jauh daripada Allah.

Orang, manakala jauh daripada Allah, macam-macam kekurangan dan kesalahannya. Sebab hidayah tidak masuk kepadanya, sedang hidayah itulah suluh kehidupan. Jika suluh telah padam, maka berjalanlah kita di dalam gelap.

Apakah kesudahan orang yang berjalan di dalam gelap, jika bukan bahaya atau bencana yang diterimanya?

Bahaya atau bencana itu pula ada yang ringan dan ada yang berat. Yang ringan dinamakan hukuman di dunia, sedang yang berat dipanggil azab di akhirat.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidiladha 1426 Hijrah/2006 Masihi.

Oleh kerana takutkan hukuman berat di akhirat inilah, makanya dua individu anak-beranak, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimassalam, tidak membantah titah perintah Allah melalui satu ujian paling berat: Menyembelih dan disembelih.

Kejadian ini adalah satu isyarat bagaimana untuk menghadapi ujian Allah. Hadapi ia dengan tabah dan sabar, insya-Allah, natijahnya kita akan berjaya dan beroleh kebahagiaan.

Kita diuji dengan musibah, dengan nikmat dan dengan suruhan-suruhan agama. Semuanya itu mesti kita terima dengan tabah dan sabar.

Khasnya ujian berupa suruhan-suruhan agama, kita janganlah menganggapnya suatu beban yang menyakitkan, tetapi sebenarnya - adalah satu kewajiban - untuk membisakan kita juga.

Suruhan sembahyang dan membayar zakat umpamanya, memanglah kelihatannya seperti satu beban, tetapi sedarkah kita, dengan sembahyang dan zakat itu keadaan ummah jadi se-nonoh dan terbela?

Boleh sahaja kita bayang dan bandingkan, di antara orang yang sembahyang dan berzakat dengan orang yang tidak sembahyang dan berzakat bagaimanakah keadaan mereka?

Begitulah di antara lain hikmah yang dapat kita ambil bersukut dengan menyambut Aidiladha ini. Kita dituntut supaya tabah dan menerima ujian-ujian Allah, di antaranya dengan mematuhi semua suruhan-suruhan agama-Nya. Insya-Allah kita akan beroleh kebahagiaan serta selamat, berkat ketaatan kita itu.

Akhirnya, beta dan keluarga beta, tidak lupa mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini.

Sekian Waabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dalam tempoh dua dekad UBD terkenal pelbagai program, latihan, khidmat masyarakat

RIMBA, Sabtu, 14 Januari. - Dua dekad berlalu Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengembangkan sayap dengan memperkenalkan pelbagai program yang tidak hanya sekadar untuk memenuhi fungsinya sebagai gedung menyebarkan pelbagai disiplin ilmu tetapi juga memberikan latihan dan memberikan khidmat masyarakat melalui pelbagai pelantar kepada mereka yang berkeperluan seperti melalui seminar, forum, penyelidikan, penerbitan dan konsultasi.

Dari tahap membentuk program akademik sebagai gedung penyebaran dan penajaan ilmu, UBD kini menawarkan program yang diperlukan oleh negara dan akhir-akhir ini telah mula menawarkan program-program profesional seperti perubatan dan perakaunan, kejuruteraan dan

program-program keperluan masasi seperti teknologi informasi komunikasi.

Perkara ini terbukti dengan penawaran program pre-medicinal dengan 'partner medical school' luar negara di United Kingdom, Australia dan Kanada yang baru ditawarkan pada bulan Ogos lalu dengan mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjalan dengan baik.

Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Awang Ismail menyatakan perkara tersebut sewaktu menyebarkan kata-kata aluan semasa Majlis Pelancaran Sambutan Penubuhan Universiti Brunei Darussalam Ke-20 Tahun di Dewan Canselor UBD, di sini.

Melimpasi fungsi tradisinya, Naib Canselor UBD menjelaskan, UBD telah meneroka lebih jauh dengan membuat

hubungan dengan institusi-institusi luar negara yang terkenal dan terkenal yang dilakukan melalui program berkembar, di samping pertukaran pelajar dan kerjasama penyelidikan atas dasar persefahaman dan persetujuan.

Kejayaan mengadakan memorandum persefahaman ini bukan hanya satu pencapaian besar dan penting dari segi pengiktirafan serantau dan dunia antarabangsa terhadap kewujudan UBD di peta dunia sebagai sebuah universiti, tetapi yang lebih penting program akademik UBD ini sebanding dan diiktiraf sepe-nuhnya.

Lebih membanggakan UBD, tambah Dato Paduka apabila dapat memberikan sumbangan positif kepada negara-negara serantau dan dunia melalui program berkembar, rakan dan ahli kepada

ASEAN University Network (AUN), Association of Southeast Asian Institute of Higher Learning (ASAIHL), Association of Commonwealth University (ACU) dan Federation Of The Universities of the Islamic World (FUIW), di samping menyumbang sumber kepakaran kepada negara-negara di rantau ASEAN seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam serta menjadi Pusat Peperiksaan Serantau MRCGP (international).

Untuk menjadi sebuah universiti yang terus relevan dan berfungsi sebagai ejen perubahan dan pembangunan, UBD telah menyiapkan visi dan misi baru yang diselaraskan dengan keperluan semasa negara dan bersiap siaga sebagai warga dunia dan untuk mencapainya pelbagai persiapan dan proses ke arah perubahan yang dikenal pasti termasuklah perubahan dari

segi budaya kerja, mindset dan tindakan yang lebih proaktif oleh semua warga UBD dibengkelkan baru-baru ini dan tahun 2006 ini pula merupakan permulaan melangkah ke wawasan yang baru itu.

"UBD tidaklah merasa tercicir atau tertinggal ke belakang sebagai sebuah pengajian unggul dan tidak juga terlajak ke hadapan sehingga terlepas pandang kepentingan zaman kehidupan silam masyarakatnya. Nilai tamadun kemelayuan, nilai keislaman serta keagungan pemerintah beraja. Ini dirakamkan dalam program dan kursus yang menjurus kepada kemanusiaan, kebudayaan dan nilai-nilai keislaman. Dalam masa yang sama perkembangan semasa diikuti melalui program sains dan teknologi, perdagangan, pendidikan dan kemasyarakatan," jelas Dato Paduka.

ANALISIS

IBADAT SEMBAHYANG, ZAKAT, JANGAN DIABAIKAN

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn

UMAT Islam baru saja merayakan Hari Raya Aidiladha dengan kemuncak sambutan ialah melaksanakan ibadat korban dengan menyembelih binatang ternakan seperti kambing, kerbau lembu atau unta bagi mereka yang berkemampuan sebagaimana yang terdapat dalam syarat-syarat berkorban.

Islam mensyariatkan ibadat korban itu sebagai salah satu ciri untuk mendekatkan diri kepada Allah, justeru itu Islam telah menyusun dan mengatur tatacara berkorban dengan kemas dan sempurna.

Hikmat daripada pensyariatkan ibadat ini antaranya ialah:

* Untuk mengekalkan ingatan kita kepada kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang mengorbankan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam dengan menyembelihnya, akan tetapi Allah menggantikannya dengan kibasy.

* Memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat iaitu dengan memberi dagingnya sebagai makanan atau meluaskan rezeki fakir miskin sempena Hari Raya, meskipun pada asalnya ia bertujuan untuk memberi manfaat kepada penduduk Mekah dan orang yang datang ke sana untuk mengerjakan haji.

* Melahirkan kesyukuran kepada Allah terhadap nikmat hidup yang telah diberikan-Nya.

* Menyemai dan menanamkan sifat dan nilai-nilai murni ke dalam diri dengan me-

neladani kesabaran Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam dan sifat mereka yang mengutamakan ketaatan dan rasa cinta kepada Allah mengatasi rasa cinta kepada diri sendiri dan kepada anak.

Bersempena dengan sambutan ini juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan baginda telah menyebutkan mengenai suruhan sembahyang dan membayar zakat.

Menurut baginda, suruhan sembahyang dan membayar zakat umpamanya memanglah kelihatannya seperti satu beban, tetapi sedarkah kita, dengan sembahyang dan zakat itu keadaan ummah jadi senonoh dan terbela?

SEMBAHYANG

Sememangnya dua daripada lima Rukun Islam ini amat penting. Sembahyang yang menjadi Rukun Islam Kedua mewajibkan umat Islam bersembahyang lima waktu sehari semalam sebagaimana dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Mu'minin ayat 1 - 3 yang tafsirnya: "Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sem-

bahyangnya; dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkara yang sia-sia."

Berdasarkan ayat di atas, jelaslah kepada kita bahawa kebahagiaan dan kemenangan hidup itu hanya dapat dicapai oleh orang-orang yang beriman, orang-orang yang menjaga sembahyangnya dan orang-orang yang menjauhkan dirinya daripada perbuatan sia-sia.

Amat jelas, dengan kepentingan menjaga sembahyang itu akan membawa kebahagiaan. Tetapi dukacita sekali apabila melihat masih terdapat segelintir masyarakat Islam yang ingkar daripada melakukannya. Mereka lebih suka melepak di tempat-tempat terbuka dengan tidak menghiraukan laungan azan yang sudah memanggil untuk bersembahyang.

Gejala ingkar sembahyang ini juga akan kelihatannya di padang-padang permainan apabila mereka begitu asyik bersukan atau beriadah jogging sehingga terlepas waktu Maghrib dan Isyak. Sekalipun hasrat untuk menjaga kesihatan tubuh badan itu penting, janganlah pula mengabaikan ibadat sembahyang. Rasa kesedaran dan ketakwaan perlulah ditanam dalam jiwa ma-

sing-masing sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kegiatan-kegiatan bersukan atau riadah seumpama itu tidaklah dilarang, sebaliknya memang digalakkan. Bagaimanapun, ianya perlu diseimbangkan dari segi masa dan tempat yang sesuai tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai orang Islam.

Berkaitan dengan perkara yang sama juga terdapat pihak tertentu seperti sektor swasta yang lebih gemar mengadakan majlis-majlis bertepatan dengan waktu sembahyang. Langkah mereka ini tidaklah wajar, sebaliknya mereka perlu peka terhadap suasana beragama di negara ini.

Menganjurkan sesuatu majlis dengan menentukan masa yang sama dengan waktu sembahyang perlulah dielakkan. Sebagai mana yang kita alami di negara ini sesuatu majlis dijalankan dengan mengambil kira kemudahan dan keselesaan semua pihak dengan tidak mengabaikan waktu-waktu sembahyang, kerana sembahyang merupakan ibadat yang penting dalam Islam, malah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan dalam sabda Baginda yang bermaksud: "Mahukah kamu aku memberitahu-

kan bahawa dasar (punca) segala urusan, tiangnya dan puncaknya?" Aku menjawab: "Ya! Wahai Rasulullah," lalu Baginda bersabda: "Dasar (punca) segala urusan adalah Islam (dua kalimah syahadah) dan tiangnya adalah sembahyang dan puncaknya ialah jihad." (Hadis riwayat At-Tarmizi).

Oleh itu sembahyang merupakan satu suruhan yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam. Orang yang menunaikan sembahyang akan diberi ganjaran pahala kerana mematuhi suruhan Allah Subhanahu Wataala. Hidupnya sentiasa mendapat nikmat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala dan di akhirat nanti akan dimasukkan ke dalam Syurga bersama-sama dengan orang-orang salih.

MENGELUARKAN ZAKAT

Di samping ibadat sembahyang, zakat fitrah dan zakat harta juga wajib dikeluarkan ke atas orang Islam. Zakat bermaksud nama harta yang tertentu, diambil daripada harta yang tertentu, menurut peraturan-peraturan yang tertentu dan diberikan kepada orang-orang yang tergolong dalam lapan asnaf.

Dalam hubungan ini

kesedaran menunaikan zakat fitrah dan zakat harta di kalangan masyarakat di negara ini semakin meningkat di mana dalam tempoh empat tahun terakhir (2001 - 2004) terdapat pertambahan sekitar 25 ribu orang yang membayar zakat fitrah iaitu:

ZAKAT FITRAH

Tahun	Bilangan
2001	251,421 orang
2004	276,062 orang

Dalam tempoh yang sama pula, pertambahan membayar zakat harta juga meningkat dari 956 orang pada tahun 2001 kepada 4,112 orang pada tahun 2004.

ZAKAT HARTA

Tahun	Bilangan
2001	956 orang
2004	4,112 orang

Sehubungan dengan peningkatan itu, wang zakat telah meningkat kira-kira \$9.42 juta pada tahun 2001 menjadi \$14.24 juta pada tahun 2004 dan agihan zakat dalam tempoh yang sama juga meningkat daripada \$5.99 juta kepada \$14.6 juta.

Kesedaran terhadap mengeluarkan zakat itu memperlihatkan kepatuhan masyarakat Islam negara ini terhadap kewajipan masing-masing yang dituntut oleh Islam.

Hasil daripada wang zakat tersebut diagihkan

antaranya kepada golongan fakir miskin yang terdapat dalam senarai serta juga mereka yang tergolong dalam asnaf yang layak menerimanya. Dalam pendaftaran terdapat seramai 13,686 orang telah berdaftar menjelang bulan Ramadan dan Hari Raya 2004. Sebahagian besar mereka telah menerima agihan daripada wang zakat menjelang Hari Raya.

Selain itu bantuan kepada fakir miskin dan orang-orang yang tidak berupaya kerana cacat memang tersedia dalam skim bantuan kebajikan kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Jadi jelas sekali Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa peka terhadap kebajikan rakyat terutama golongan fakir, miskin dan mereka yang kurang upaya atau tidak berkemampuan.

Keprihatinan terhadap golongan yang susah sentiasa diambil perhatian oleh semua pihak sama ada kerajaan, sektor swasta dan orang-orang perseorangan dengan menghulurkan pelbagai bantuan yang diperlukan.

Melalui bantuan-bantuan serta sumbangan pelbagai pihak sekurang-kurangnya dapat menimbalkan bebanan kehidupan yang ditanggung dari masa ke semasa.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah semasa berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed (atas kiri) dan Duta Besar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Herianto Soepranto (atas kanan). - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Finland, Tuan Yang Terutama Lauri Eero Ilmari Korpinen (kiri). - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan terima mengadap tiga perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, hari ini berkenan menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan; Tuan Yang Terutama Herianto Soepranto, Duta Besar Republik Indonesia dan Tuan

Yang Terutama Lauri Eero Ilmari Korpinen, Duta Besar Finland. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan perwakilan berkenaan dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Tuan Yang Terutama Syed Haider Jawed telah berkhidmat selama 38 tahun dengan memegang pelbagai jawatan pemerintahan dan kakitangan di dalam Angkatan Bersenjata Pakistan. Tuan

Yang Terutama bersara semasa berkhidmat di dalam unit Perbekalan Tentera Pakistan dengan pangkat Mejar Jeneral.

Tuan Yang Terutama Herianto Soepranto merupakan Pengarah Agung Bagi Hal Ehwal Asia Pasifik dan Afrika di Jabatan Luar Negeri Republik Indonesia.

Manakala Tuan Yang Terutama Lauri Eero Ilmari Korpinen pada masa yang sama merupakan Duta Besar Finland ke Malaysia.

KEBAWAH DYMM BERKENAN KURNIA, TERIMA WATIKAH PERLANTIKAN

OLEH SAHARI AKIM sahari.akim@information.gov.bn

FOTO : HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR DAN MOHD. ZUL-IZZU HAJI DURAMAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Laos, Tuan Yang Terutama Haji Sidek bin Ali (kiri).

BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed (kanan).



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, TYT Herijanto Soeprapto.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada dua perwakilan Negara Brunei Darussalam ke luar negeri dan menerima Surat Watikah Perlantikan daripada tiga perwakilan negara sahabat ke negara ini berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada bakal Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman bin Abd. Hamid dan bakal Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Laos, Tuan Yang Terutama Haji Sidek bin Ali.

Baginda seterusnya berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Pakistan ke negara ini, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed diikuti Duta Besar Indonesia, Tuan Yang Terutama Herijanto Soeprapto dan Duta Besar Finland, Tuan Yang Terutama Lauri Eero Ilmari Korpinen.

Selesai Majlis Mengurniakan dan Menerima Surat Watikah Perlantikan, baginda kemudian berkenan menerima menghadap Tuan-Tuan Yang Terutama di ruang lain Istana Nurul Iman.

Mula-mula diterima menghadap ialah TYT Dato Seri Laila Jasa Haji Abd. Rahman, 62 tahun mula berkhidmat sebagai Inspektor Percubaan pada tahun 1965 kemudian menjadi Penolong Penguasa Polis (1975), Timbalan Penguasa Polis (1978), Penolong Pesuruhjaya Polis (1988), Timbalan Pesuruhjaya Polis (1997), berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) sebagai Ketua Pegawai Keselamatan (1999), menjadi Duta Besar ke Republik Korea (2001) dan bertugas di KHELN sebagai Ketua Pegawai Keselamatan (2004).

TYT berkelulusan Master In Police Studies dari Universiti of Exeter dan memiliki Certificate of Memberships of The Institute - British Institute Management di United Kingdom selain pernah mengikuti pelbagai kursus, seminar, peridangan dan penempatan mengenai tugas-tugas kepolisian antaranya di Kuala Lumpur, United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Jepun, Thailand, Indonesia, Uruguay, India, Filipina, Australia dan Myanmar.

Sementara itu TYT Haji Sidek, 52 tahun mempunyai

kelulusan BA (Hons) In Modern Studies di North Staffordshire Polytechnic, Stafford, United Kingdom dan Post Graduate & Certificate In Education (PGCE) di University Of Wales, Cardiff, United Kingdom.

TYT mula berkhidmat sebagai Pegawai Pelajaran di Jabatan Pelajaran (1979), Pegawai Diplomatik, Jabatan Penyelidikan KHELN (1982), Menteri Kaunselor Negara Brunei Darussalam di Jakarta (1997) dan Pemangku Pengarah Penyelidikan KHELN (2003-2005).

Kemudian baginda berkenan menerima menghadap TYT Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed diikuti TYT Herijanto Soeprapto dan TYT Lauri Eero Ilmari Korpinen.

TYT Mejar Jeneral Syed Haider Jawed, 56 tahun, berkelulusan Sarjana dalam Pengajian Peperangan dan telah mengikuti kursus-kursus di Maktub Staff, Maktub Pertahanan Nasional, Kursus Lanjutan dalam Transportation and Strategic Mobility Planning di Amerika Syarikat dan lain-lain.

Antara pengalaman TYT termasuklah sebagai Penasihat dan Timbalan Pengarah Logistik bagi Angkatan Tentera Qatar, di samping sebagai Ketua Pengarah Pertahanan (Procurement) di Kementerian Pertahanan.

Sementara itu, TYT Herijanto Soeprapto, 60 tahun, merupakan pemegang Ijazah Ekonomi dari Universiti Gadjah Mada, Indonesia, Kursus Diplomat Muda Jabatan Hal Ehwal Luar Indonesia, Kursus Diplomatik Peringkat Menengah dan Kursus Diplomatik Peringkat Tinggi Jabatan Hal Ehwal Luar Indonesia.

TYT juga pernah berkhidmat sebagai Atachi di Bangkok (1975), Timbalan

Pengarah Urusan Kerjasama Ekonomi Berbagai Hala (1980), Setiausaha Pertama Misi Tetap Indonesia ke PBB (1982), Timbalan Pengarah Urusan Hubungan Ekonomi Negara-negara Membangun (1987), Duta Menteri ke Jepun (1989), Timbalan Ketua Perwakilan Indonesia ke London (1992), Pengarah Urusan Hubungan Ekonomi Berbagai Hala, (1994), Duta Indonesia ke Chile (1998), Pembantu Khas Menteri Hal Ehwal Luar Mengenai Undang-Undang Antarabangsa dan Hak Asasi Manusia (2002) dan Ketua Pengarah Urusan Umum Mengenai Hal Ehwal Asia Pasifik dan Afrika, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri (2004).

Duta Besar Finland, TYT Lauri Eero Ilmari Korpinen, 60 tahun, pernah berkhidmat sebagai Naib Konsul ke Jerman (1971), Atachi, Jabatan Politik Kementerian Hal Ehwal Luar (1973), Atachi ke Addis Ababa (1975), Sekretari Kedua ke Warsaw (1977), Sekretari Pertama, Jabatan Ekonomi dan Hubungan Perdagangan bagi Timur Tengah, Asia dan Afrika (1979), Penasihat Kanan Menteri Hal Ehwal Luar (1981), Kaunselor Ekonomi, Ketua Bahagian Ekonomi, Kedutaan Finland ke Washington (1983), Timbalan Pengarah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (1987), Penasihat Kanan Menteri bagi Perdagangan Luar (1988), Pengarah Jabatan Kerjasama Ekonomi Eropah, Amerika Utara dan EFTA, OECD, Kementerian Hal Ehwal Luar (1990), Menteri dan Timbalan Ketua Perwakilan ke London (1993), Duta dan Timbalan Ketua Pengarah bagi Kerjasama Perdagangan dan Ekonomi (1996), Duta Finland ke Korea (2000) dan Duta Finland ke Malaysia (2004).



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Duta Besar Finland ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lauri Eero Ilmari Korpinen.

DYTM berkenan rasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 Tahun



OLEH REFA'AH ALI OSMAN DAN
ABU BAKAR HAJI ABDUL RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn
FOTO : HARUN HAJI RASHID DAN
PG. RAFAE PG. DATO PADUKA
HAJI METASSIM

RIMBA, Sabtu, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkekenan berarakat ke Majlis Pelancaran Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 Tahun yang berlangsung di Dewan Canselor UBD hari ini di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di majlis itu dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Rahman; Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berserta ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh seorang mahasiswa Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPISHOAS) diikuti selepas itu sembah alu-aluan oleh Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail.

Di majlis itu, DYTM berkekenan mengurniakan

sabda dan berkekenan melancarkan Majlis Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 Tahun.

Majlis kemudian disusuli dengan tayangan video mengenai UBD bagi mengimbas kembali pencapaian dan perkembangan UBD selama 20 tahun.

Pada majlis itu, DYTM berkekenan menerima pesambah yang disembahkan oleh ahli-ahli jawatankuasa majlis dan kemudian berkekenan menganugerahkan cenderamata kepada para pegawai dan kakitangan UBD yang mencapai perkhidmatan 20 tahun.

Sejurus selepas itu DYTM kemudiannya berarakat menyaksikan pameran kejayaan yang diperoleh UBD sepanjang 20 tahun penubuhannya yang antara lain mempamerkan bahan-bahan konvokesyen, penerbitan, artifak sejarah dan dokumen arkib yang diadakan di ruang legar Dewan Canselor.

UBD ditubuhkan pada 28 Oktober 1985, enam bulan selepas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa negara ini akan mempunyai universiti sendiri.

Sambutan 20 tahun UBD pada awalnya telah bermula dengan Majlis Doa Kesyukuran pada 28 Oktober 2005

MENERIMA ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berkekenan mengurniakan cenderamata kepada seorang pegawai UBD yang telah mencapai perkhidmatan 20 tahun (kanan).



PESAMBAH ... Duli Yang Teramat Mulia berkekenan menerima pesambah dari Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail di majlis itu.

yang bertepatan jatuh pada bulan Ramadan.

Sejak mula ditubuhkan kebanyakan kakitangan UBD adalah terdiri dari orang luar, namun pada tahun ini 55 peratus kakitangan akademiknya adalah dari kalangan anak-anak tempatan dan selebihnya orang luar negara.

UBD kini berjaya mengeluarkan lebih 8,000 graduan sejak konvokesyen pertamanya pada 1989 dengan

salah seorang daripadanya adalah pemegang Ph.D pertama dari UBD yang memperoleh Ph.D dalam Pendidikan Matematik dari Thailand.

Dengan menempatkan seramai 176 penuntut di awal penubuhannya UBD kini berjaya menampung keramaian penuntut yang mencecah lebih 3,600 orang di mana menurut perangkaan tahun lalu jumlah penuntut meningkat, sebanyak tujuh peratus dan adalah diharap ia akan

terus bertambah pada masa akan datang.

Bersempena ulang tahun ke-20 UBD pelbagai aktiviti sosial dan akademik dijalankan sepanjang tahun termasuk bengkel, forum, persidangan dan seminar. Aktiviti akademik termasuk Simposium Antarabangsa Dalam Bahasa dan Pengajaran, Persidangan Antarabangsa Dalam Modeling Mathematic and Computing 2006 serta Forum Antarabangsa Dalam Bantuan Bencana.



DULI Yang Teramat Mulia berkekenan menerima sembah penerangan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pameran, Dr. Haji Jaludin bin Haji Chuchu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkekenan menyaksikan Pameran Kejayaan UBD 20 Tahun.



BERGAMBAR RAMAI ... Duli Yang Teramat Mulia dan ahli kerabat diraja ketika berkekenan mengabadikan gambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 Tahun.

52 pegawai kanan ABRS sertai

Program Interaksi Pegawai-pegawai Kanan 2005

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Januari. - Seramai 52 orang para pegawai kanan berserta isteri-isteri Angkatan Bersenjata Republik Singapura (ABRS) tiba hari ini di Pangkalan Tentera Udara Rimba bagi mengikuti Program Interaksi Pegawai-pegawai Kanan 2005 bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Program itu merupakan acara tahunan kunjungan muhibah dalam interaksi sukan yang diadakan secara bergiliran di antara ABDB dan ABRS. Pada tahun ini program itu dikendalikan oleh ABDB.

Program ini juga merupakan landasan diplomasi pertahanan yang berguna bagi mengeratkan lagi hubungan persahabatan di antara kedua-dua angkatan tentera yang sudah lama terjalin. Di samping itu program seperti ini juga dapat mewujudkan semangat kerjasama dan kesefahaman di

kalangan pegawai-pegawai kanan kedua-dua angkatan bersenjata berkenaan.

Dalam kunjungan muhibah yang singkat ini rombongan pegawai kanan ABRS akan berinteraksi bersama pegawai-pegawai kanan ABDB dalam sukan golf, manakala sukan boling bagi

peserta wanita.

Sementara itu beberapa siri lawatan ke tempat-tempat menarik di negara ini juga akan diungkapkan.

Rombongan ABRS diketuai oleh Ketua Pertahanan ABRS, Tuan Yang Terutama Letenan Jeneral Dato Paduka Seri Ng Yat Chung dan isteri Datin

Judie Ng.

Ketibaan beliau berserta rombongan juga telah dialu-alukan oleh Pemerintah ABDB. Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan isteri Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.



ROMBONGAN para pegawai kanan Angkatan Bersenjata Republik Singapura dialu-alukan sejurus tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei, Rimba. - Gambar ihsan Kementerian Pertahanan.



PEGAUWAI Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib menyampaikan daging korban kepada seorang penerima.

608 orang terima daging ibadat korban

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM

ahmad.salim@information.gov.bn

TUTONG, Rabu, 11 Januari. - Seramai 608 orang fakir miskin dan orang yang berhak menerima daging korban bagi Daerah Tutong diadakan. Majlis Pengagihan Daging Ibadat Korban berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Para penerima daging korban merupakan penduduk daripada 30 buah kampung yang terpilih di Daerah Tutong.

Daging yang diagihkan merupakan ibadat korban

sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta keluarga baginda.

Majlis Pengagihan Daging Korban pagi itu diserahkan kepada lebih 100 orang yang berhak menerimanya bagi Mukim Telisai, manakala selebihnya diserahkan kepada ketua-ketua kampung untuk diagihkan kepada mereka yang berhak di bawah jagaan mereka.

Pengagihan daging-daging korban itu disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib bin Haji Mohd. Idris.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta keluarga baginda pada tahun ini menunaikan ibadat korban sunat sebanyak 14 ekor kambing dan 34 ekor sapi untuk diagih-agihkan kepada lebih 4,000 orang yang berhak menerimanya di seluruh negara.

MELIRIK MASA SILAM

Haji Ahmad Arshad menulis ...

GENERASI PERUBAHAN DAN PEMBAHARUAN

RATA-RATA diri kita dapatlah dikatakan sebagai generasi pencinta perubahan dan pembaharuan kerana rata-rata diri kita juga adalah ingin maju dan berkembang dalam apa jua bidang yang boleh membantu pembangunan bangsa kita dan negara kita di masa muka. Maju yang kita cita-citakan itu adalah segala sesuatu yang murni terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan harian kita. Kita memang tidak suka sebarang hal yang memungkinkan timbulnya segala kepayahan akibat dari perkara yang dikatakan pembawa kemajuan itu.

Kita juga ingin kepada sesuatu yang boleh membawa perubahan dalam kehidupan dan sudah barang tentu kita mahukan perkara yang baru dan beranjak daripada perkara yang lama terutamanya yang sudah dianggap lapok dan perlu kepada perubahan itu. Kita juga tahu kemungkinan timbulnya risiko-risiko sebagai ekor berikutan dengan tindakan dan kemajuan kita untuk beranjak dari kawasan lama ke kawasan yang baru itu.

Memasuki kehidupan yang baru akan juga dirasakan kepastian timbulnya perkara yang baru juga yang ada kalanya mahu tidak mahu kita merasakan seperti terpaksa untuk menghadapinya kalau kita benar-benar mahukan perubahan itu. Mungkin sukar kalau kita mahu berundur. Terlanjur yang kita sudah berada di dalam perubahan itu, langkah menghadapinya dengan yakin dan tabah adalah antara yang selalu disarankan dan ia seolah-

olah dijadikan penawar dalam menghadapi serba kemungkinan yang diakibatkan olehnya. Antaranya ialah akan banyak perkara yang dirasa perlu dikorbankan demi untuk melihat dan menikmati perubahan itu.

Buktinya ialah kemolekan Bandar Seri Begawan sekarang ini. Ia kelihatan sungguh menawan. Masjid Omar 'Ali Saifuddin tetap trampil megah dan semakin berseri-seri dengan tumbuhnya bangunan-bangunan baru terutamanya Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah dan bangunan-bangunan perbankan, antara yang menjadi penggerak kemajuan negara dan pembangunan ummah negara ini serta warna-warna kehidupan yang aktif bergerak dari satu usaha kepada satu usaha.

Ia tidak setakat lambang pada riak kemajuan dan perubahannya, bahkan sebagai pemacu yang lebih mengarah kepada keyakinan akan kebolehan bangsa sendiri untuk masa depan yang lebih cerah, lebih teguh, lebih perkasa dengan warganya yang lebih mantap rohani dan jasmani, warga yang jujur lagi prihatin untuk mengekalkan nama baik bangsa yang lebih bermartabat dan lebih bermaruah. Ini adalah antara perjuangan yang berterusan yang perlu dipikul dan dipupuk dari generasi ke generasi hingga ke akhir zaman. Demikian orang-orang dahulu sering berpesan.

Untuk semua itu, memang banyak perkara yang mahu tidak mahu akan terpaksa kita tinggalkan biarpun perkara-perkara yang sudah mem-

budaya dalam kehidupan kita dari sejak beberapa keturunan lagi. Umpamanya, kehidupan yang menjadi tradisi atau kebiasaan penduduk-penduduk Kampong Ayer yang berfikir hanya akan tetap hidup selesa di situ, hanya akan memperoleh rezeki yang menjamin di situ, hanya akan merasa aman dan tenteram di situ, hanya akan merasa lebih bahagia pada ekonomi dan sosialnya, kecuali ia berubah pada keadaan hidup yang lain apa lagi yang kontras total pada sudut budayanya itu.

Tetapi dengan keberanian perancangan negara setelah mempelajari dan mengkaji sekian lama, maka perubahan yang diperkenalkan oleh perancangan itu, ternyata lebih banyak menawarkan kebaikan, malah lebih baik daripada apa yang dipertahankan oleh suara-suara sesama kita di masa lalu itu. Keengganan kebanyakan datuk nenek kita untuk berpindah ke tanah kering memang sukar bertahan apa lagi setelah lebih ramai generasi baru dari Kampong Ayer semakin berpendidikan, lebih-lebih lagi setelah semakin bertambah jumlah mereka yang berpendidikan tinggi dan lebih berpendidikan luas.

Hari ini, perkembangan yang demikian itu tidak lagi 'selanjur' dahulu. Pada peringkat awal itu, setakat mengenai dengan perpindahan, tidak setakat kemudahan memiliki rumah yang bagus, rumah batu yang cukup sempurna dalam serba-serbi keperluan manusia, bahkan juga kemudahan untuk kelanjutan berhidup juga disediakan melalui penyediaan berekar-ekar tanah yang dikira

mencukupi untuk usaha perladangan dan pertanian serta penternakan. Memang adalah sesuatu yang sukar untuk membayangkan kehidupan nelayan untuk menjadi petani atau peladang. Proses peralihannya sudah tentu memakan masa yang panjang.

Memang terdapat sebilangan mereka di Kampong Ayer itu merupakan pengusaha-pengusaha yang berjaya di bidang perladangan haiwan seperti kerbau dan sapi, namun peluang untuk mereka itu kurang ditekuni, kerana waktu itu, cara moden sudah mula diperkenalkan dan perbelanjaannya juga mula dikenakan. Sedangkan pada kebiasaan mereka, semuanya 'berlepas', ladang terbuka, walaupun ada pagar, hanyalah dengan rentangan dawai berduri yang dilantik pada pancang-pancang dari kayu pokok simpur yang diunjai atau ditanam pada sekitar kawasan ladang masing-masing. Itulah antara tradisi yang sukar dimasuki oleh kemodenan yang menawarkan cara yang selamat, lebih menguntungkan dan mudah dilaksanakan.

Sistem ladang yang yang selamat itu antaranya ialah menghendaki ladang yang bersih dan teratur dengan teratak-teratak penambatan untuk memudahkan pengambilan susu bagi sapi atau lembu atau tempat pemeriksaan kesihatan untuk semua ternakan mereka. Sementara yang lebih menguntungkan itu ialah pada segi pendapatan melalui binatang-binatang ternakan yang cukup sihat, gemuk dan menambah berat timbangan. Untuk semua

itu, negara juga memberi kemudahan alat-alat jentera yang diperlukan, memberi kemudahan untuk membina ladang dengan sempurna, tunjuk ajar perladangan, pemantauan untuk pengembangan ladang dan pemeliharaan kesihatan dan pencegahan penyakit-penyakit binatang ternakan. Namun akhirnya tidak menjadi, dan ada yang ladang tinggal ladang, sawah tinggal sawah dan kemudahan tinggal sedadanya, dan ada yang tinggal menjadi beban baik pada negara mahupun pada individu yang berkenaan, dan sakitnya tertanggung begitu sahaja. Tetapi semua itu memberi pengalaman yang cukup berharga untuk mencapai sebuah kemajuan yang lebih berharga dan lebih meyakinkan. Kadang-kadang pengalaman itu dapat dijadikan penunjuk arah ke mana langkah yang hendak dihalakan.

Nasib kita tetap baik. Sungguhpun ladang tidak menjadi, ternakan dan tanaman hanya sekadar untuk makan sendiri, namun yang tetap wujud dalam pangkuan ialah rumah yang dibina untuk kelanjutan hidup yang lebih sempurna, biarpun ia tidak didapat secara percuma. Hal ini juga memberi pengalaman yang cukup baik ketika memikirkan untuk perancangan kepada mereka yang jumlahnya lebih besar dan lebih mencabar sebagaimana semakin suburnya pertumbuhan rakyat yang terus bertambah jumlahnya itu.

Hari ini, perkembangan itu berjalan terus dan tidak lagi memokus kepada mereka yang di Kampong Ayer semata-mata, bahkan meliputi kepada semua yang di tanah kering juga. Ia tidak lagi memokus kepada sumbangan balik melalui perladangan dan pertanian dan yang seumpamanya, tetapi ia memokus kepada perubahan gaya hidup orang sekarang yang semakin berkembang pesat dan semakin memerlukan kemudahan dan masing-masing berkemampuan untuk menghadapi perubahan itu.

Setiap orang harus ada mempunyai rumah adalah juga berarti bahawa setiap orang harus menyimpan rasa tanggungjawab untuk kesempurnaan diri dan keluarga, hari ini dan hari esok dan selanjutnya, biar terlanjur rasa komitmen yang mengarah ke hadapan untuk kesejahteraan bangsa dan negara. Setiap orang yang menginginkan kesejahteraan dan kesempurnaan dan bercita-cita menjadi yang terbaik itu harus melengkapkan diri dengan keperluan-keperluan yang lebih mendasar agar nilai tingginya dapat dicapai. Atau lebih mudah dikatakan bahawa yang berkualitas itu adalah tetap pada nilai kualitinya. Ini akan dijadikan satu perlumbaan yang positif dan pada yang menangannya juga harus positif juga. Semuanya akan dapat membentuk kekuatan untuk mewujudkan nilai kesempurnaan yang dikehendaki Allah Yang Maha Agung.

Melihat kepada perkembangan hari ini, khususnya Bandar Seri Begawan dan membandingkannya dengan masa yang silam, mungkin orang di waktu itu akan merasakan kekaguman yang amat sangat, kerana semua yang ada hari ini, mungkin

gambaran keinginan mereka juga. Cuma bezanya, orang sekarang mudah mencapainya, orang dahulu tak panjang, langkah juga tidak sampai ke mana. Kesemuanya adalah berkat kemakmuran, berkat keamanan, berkat ketenteraman, elemen yang menjadi teras usaha dan perjuangan mereka di masa silam itu.

Kesempurnaan yang dilihat hari ini, bukan setakat warna-warni hidup dan kehidupan, bahkan lebih daripada itu apabila semua orang dengan urusan-urusan harian untuk mengisikan erti hidup ini. Semua orang seperti berlumba-lumba yang tidak semata-mata untuk hidup, bahkan merakumi kepada erti hidup yang sempurna lagi utuh. Ia mungkin merupakan satu perubahan yang meminta perhatian bagaimana keadaan itu punya destinasi yang dituju. Ada sumber mata pencarian yang teratur dan berkeyakinan, usaha rezeki yang lebih memudahkan mereka beroperasi dan mengurangkan kiranya ada beban yang membebaskan.

Memang layak kita semua berterima kasih melihat perkembangan hari ini. Para warga emas turut tersenyum girang kerana merasakan semakin kurangnya beban mereka pada menginginkannya cucu-cicit hidup gem-bira. Keindahan pemandangan BSB, Tambing Gudang Beras 'berginggir' untuk memberi laluan kepada Tambing Yayasan, adalah lambang kecintaan terhadap keindahan dan keinginan kepada perubahan yang lebih bermakna.

9 buah sekolah baru dijangka siap pada tahun 2008

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 13 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan akan membina sembilan buah sekolah baru.

Sekolah baru itu termasuk lima buah sekolah menengah, tiga pusat tingkatan enam dan sebuah sekolah sukan yang dijangka siap dan digunakan pada tahun 2008.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan kepada pelajar-pelajar dan sekolah-sekolah cemerlang dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Senegara di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat pembinaan sekolah itu adalah bagi memenuhi keperluan infrastruktur pendidikan di mana mengikut perangkaan unjuran (projection) pelajar-pelajar yang akan mengikuti pelajaran ke peringkat menengah dan tingkatan enam dijangka akan meningkat bilangannya dari tahun ke setahun.

Dengan terbinanya sekolah-sekolah baru itu, Menteri Pendidikan ingin melihat sekolah-sekolah berkenaan nanti akan dijadikan sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, ceria dan menyeronokkan kepada pelajar-pelajar.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat menjelaskan kecermerlangan kelulusan PSR

merupakan titik permulaan kepada apa yang akan ditempuhi selanjutnya yang akan lebih mencabar dan memerlukan usaha yang gigih.

Menurutnya, usaha yang gigih dan berterusan akan menentukan kecemerlangan dan menjamin masa depan para pelajar sendiri, di samping berharap kejayaan mereka itu dijadikan sebagai pendorong kepada pelajar-pelajar dan rakan mereka.

Keputusan PSR bagi tahun 2005 meningkat secara keseluruhannya berbanding dari tahun yang sebelumnya di mana peratus lulus di peringkat nasional adalah sebanyak 89.42 peratus iaitu meningkat 11.72 peratus dari tahun 2004.

Peratus lulus bagi sekolah-sekolah kerajaan pula telah meningkat sebanyak 15.06 peratus dari 70.67 peratus di tahun 2004 kepada 85.73 peratus pada tahun 2005 yang merupakan pencapaian terbaik setakat ini.

"Peningkatan keputusan yang menggalakkan itu merupakan hasil daripada usaha gigih pelajar sendiri, dari didikan dan bimbingan guru-guru serta kerjasama para ibu bapa," jelas Yang Berhormat.

Menteri Pendidikan juga menyarankan agar keputusan penilaian atau peperiksaan itu sewajarnya menjadi sukatan yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan di dalam melihat sejauh mana berkesannya pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

"Apa yang dititikberatkan di sini ialah kualiti kelulusan yang dicapai, bukannya

hanya setakat melihat jumlah keramaian yang lulus," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyeru kepada guru-guru sekolah untuk meneruskan usaha secara lebih proaktif di dalam memastikan pelajar-pelajar memahami apa yang diajarkan, di samping juga menanamkan sikap sukakan belajar dan bagi para pelajar untuk merasa berbangga dengan persekolahan dan pencapaian pendidikan yang cemerlang.

"Adalah menjadi harapan Kementerian Pendidikan bagi para ibu bapa dan penjaga untuk memanfaatkan sepenuhnya Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang ditubuhkan di sekolah-sekolah bagi sama-sama memajukan pendidikan anak-anak kita," ujar Menteri Pendidikan.

Seramai 217 orang pelajar yang memperolehi keputusan 5A dalam peperiksaan PSR bagi tahun 2005 mendapat penghargaan dan motivasi di atas kecemerlangan mereka.

Majlis Meraikan Pelajar itu merupakan julung kali diadakan oleh Bahagian Pendidikan Rendah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan yang dihasratkan sebagai dorongan kuat kepada pelajar dan sekolah berkenaan untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian dan kecemerlangan dalam bidang pelajaran, di samping bidang-bidang yang lain di masa akan datang.

Seramai 69 orang pelajar lelaki dan 148 orang pelajar perempuan yang diraikan adalah daripada antara 29 buah sekolah yang mencapai

100 peratus lulus dan 29 buah sekolah lagi yang mencapai keputusan 90 peratus dalam peperiksaan PSR.

Pelajar cemerlang Sekolah Rendah Panchor Murai, Dayang Amal Nabilah binti Haji Jumaat menyifatkan majlis berkenaan merupakan satu dorongan dan motivasi kepada semua pelajar bukan saja yang mencapai 5A malah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan PSR.

Dayang Amal Nabilah, anak bongsu dari tujuh orang adik beradik berasal dari Kampong Batong telah membuat persiapan dengan mengulangi kaji mata pelajaran sejak beberapa bulan sebelum peperiksaan berlangsung.

Menurutnya, belajar sungguh-sungguh dan pandai membahagi masa merupakan kunci utama kejayaannya mendapat keputusan 5A dalam peperiksaan berkenaan.

Sementara itu, dorongan kuat dari ibu bapa dan guru-guru memberi keputusan yang mengembirakan buat murid Sekolah Rendah Dato Godam, Dayang Halawati binti Abd. Rahman.

"Kejayaan ini merupakan langkah awal dan sebagai dorongan kepada saya untuk lebih maju dalam bidang pelajaran," jelasnya ketika ditemu bual wakil PELITA BRUNEI.

Beliau yang bercita-cita ingin menjadi seorang guru berhasrat untuk meningkatkan usaha yang bersungguh-sungguh untuk berjaya dalam bidang pelajaran.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyampaikan penghargaan kepada seorang pelajar. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



YANG Berhormat menyampaikan hadiah kepada seorang pelajar. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Tajaan Hari Kebangsaan Ke-22 terus terima

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR bolhassan.abubakar@information.gov.bn

GADONG, Khamis, 12 Januari. - Jawatankuasa Kerja Tajaan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 hari ini menerima tajaan berupa kewangan dan barangan yang bernilai \$112,900.00 dari firma-firma swasta, gedung-gedung perniagaan dan orang-orang perseorangan.

"Perbuatan yang selarahlarnya terhadap raja tentu akan membawa kesan yang tidak diingini yang boleh menjejaskan keutuhan serta keunggulan sistem beraja yang telah teruji dan terbukti baik dan serasi dengan Brunei tanah air kita yang kecil molek ini," jelas khutbah tersebut.

Khutbah itu juga menyeru bagi semua orang untuk menepati erti kata seruan supaya bertakwa kepada Allah, takutkan balasan daripada Allah dan jika terlanjur menimbulkan fitnah dengan bibit-bibit hasutan, menaburkan benih-benih kebencian terhadap satu orang yang lain apa lagi terhadap raja candik negara, hendaklah mengambil ingatan amaran firman Allah yang tafsirnya:

"Dan peliharalah diri kamu dari fitnah (yang akan mendatangkan bencana seksaan) yang tidak khusus menimpa orang-orang zalim di kalangan kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksanya." - (Surah Al-Anfaal ayat 25).

lah \$10,000.00 sementara Abdul Razak Holdings, GHK Motor Sendirian Berhad, Gadong Properties, Kumpulan Syarikat DST dan NBT (Brunei) Sendirian Berhad masing-masing menderma \$5,000.00.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, usaha yang telah dilakukan oleh jawatankuasa berkenaan dalam mendapatkan tajaan dan sumbangan dari pelbagai pihak di negara ini adalah amat disanjung tinggi.

Menurut Yang Berhormat, kesempurnaan acara gilang-gemilang Hari Kebangsaan yang diadakan setiap tahun adalah hasil usaha dan kerjasama bersepadu semua Jawatankuasa Kerja Tajaan.

Dalam pada itu Yang Berhormat turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada dermawan yang telah menghulurkan bantuan dan tajaan bagi sama-sama menjayakan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Yang Berhormat menambah, seperti tema Hari Kebangsaan tahun ini, 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa', usaha sama dan sokongan semua pihak, sama ada pihak anak-anak sekolah dan belia, institusi-institusi awam dan swasta, badan-badan NGO, firma-firma perniagaan, korporat dan penaja menunjukkan kekuatan daya saing dalam dan perpaduan kental untuk menjayakan sambutan yang penuh bermakna bagi setiap warga bangsa di negara ini.

Rakyat wajib taat kepada pemerintah

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM dayang.kasim@information.gov.bn dan BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR bolhassan.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Unsur budaya taat beraja yang telah diwarisi di negara ini sejak 600 tahun atau lebih yang mana ketaatan beraja itu dikuatkan dan diperkukuhkan dengan ajaran agama yang mewajibkan rakyat taat kepada ulil-amri atau raja atau pemimpin, selama mana ulil-amri berkenaan tidak memerintahkan kepada perkara-perkara yang mungkar dan keji-hatan.

Perkara ini terkandung di dalam Khutbah Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha dari Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

"Sistem pemerintahan beraja yang didasari dan dipengaruhi oleh Islam, raja itu mempunyai kedudukan tertinggi dalam negara yang mana telah menjadikan raja itu berkedaulatan dan memegang amanah untuk dilaksanakan demi keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," jelas khutbah berkenaan.

Menyentuh mengenai

cabaran dan ujian, khutbah juga menyebutkan bahawa dalam konteks negara ini, sistem beraja itu telah sehati dan serasi menjiwai hal-ehwal kita dan ianya telah teruji dan mengalami peristiwa dan saat-saat yang 'decisive', detik-detik genting dan penentu, namun ia bukan sahaja 'survive' tetapi juga terus dengan keunggulannya.

Sehubungan dengan itu, tambah khutbah itu lagi, bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita selaku rakyat untuk mempertahankannya dari dicemari dan dicacatkan kerana ia adalah lambang dan mercu tanda ketuanan kita serta menjadi sebahagian terpenting bagi maruah serta kehormatan Brunei.

Khutbah itu seterusnya mengingatkan bahawa adalah tidak patut sama sekali jika ada sebarang perbuatan, perkataan ataupun niat yang tidak selaras dengan hakikat beraja itu seperti adanya perkataan, bertulis atau dituturucapkan, di kertas atau di laman-laman web yang kelihatannya sudah sampai nakal dan tidak berperawis terhadap raja dalam sistem pemerintahan beraja yang kita dukung tinggi itu.

Perbuatan seumpama itu, tambah khutbah itu lagi, boleh

menjejaskan kehormatan, keaulatan dan ketinggian yang selayaknya bagi raja yang menjadi ulilamri.

"Perbuatan demikian itu hendaklah dibanteras dan dihentikan, jangan sampai menjadi melarat-larat yang mungkin saja diambil kesempatan oleh anasir-anasir yang memang dengan agenda-agenda tertentu untuk menyebabkan semacam gangguan bahkan goncangan terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita dan negara kita yang tercinta ini," tambah khutbah itu lagi.

"Kenakalan-kenakalan yang kita maksudkan itu kelihatannya adalah oleh segelintir orang. Mungkin saja dari luar negara, tetapi dengan kecanggihan ICT- teknologi perhubungan dan maklumat ianya mudah melarat-melarat yang mengundang juga kenakalan orang-orang di dalam negeri," jelas khutbah berkenaan.

Khutbah Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha juga mengimbau perhatian orang ramai bahawa bagi orang Brunei, tingkah laku, pembawaan, sifat dan perangai kita beraja telah masyhur manis dan sempurna di samping berkepercayaan agama bahawa ulilamri mempunyai ketinggian dan kehormatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Ibadat Korban Sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di perkarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

MAJLIS IBADAT KORBA DYMM DAN KELUARGA



FOTO : PENGIRAN
PADUKA HAJI META
RAMLI TENGAH DA

BAGINDA ketika berkenan berangkat di Majlis Ibadat Korban Sempena Hari Raya Aidiladha (kiri).

BAGINDA dan DYTM menyaksikan dengan lebih dekat lagi upacara penyembelihan (kanan).

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan daging korban kepada penerima lelaki yang terpilih (bawah).



JUGA menyaksikan upacara penyembelihan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



HADIR ... Menteri-menteri Kabinet dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga hadir di majlis tersebut.




DOA selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan sejurus selepas Majlis Ibadat Korban Sunat.

AN SUNAT KEBAWAH SEMPENA AIDILADHA

RAFAE PENGIRAN DATO
ASSIM,
N HALIM HAJI SULAIMAN



MEMERHATI Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia memerhati upacara penyembelihan.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan daging korban kepada penerima wanita di majlis tersebut.



KERJA-KERJA melapah dan pembahagian daging sedang dilakukan.



PARA pekerja sibuk melakukan kerja-kerja melapah daging-daging korban sebelum diagihkan.

HALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada pihak UBD yang telah berkesudian memberikan peluang kepada saya untuk menjadi tetamu kehormat di Majlis Orientasi bagi pelajar-pelajar baru ke UBD pada pagi ini.

Sehubungan itu saya ingin mengalu-alukan awang-awang dan dayang-dayang semua pelajar baru yang telah berjaya diterima untuk memasuki Universiti Brunei Darussalam bagi mengikuti berbagai program dan kursus yang dikendalikan oleh berbagai institut dan fakulti di UBD ini.

Awda semua adalah bernasib baik kerana tidak semua pemohon dapat diterima ke pusat pengajian tinggi kita yang ulung ini, kecuali mereka yang telah mencapai tahap akademik yang tertentu dan memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

Saya menganggap awda semua adalah pelajar-pelajar yang berkebolehan dan berkeupayaan untuk menjadi seorang intelektual di masa hadapan. Perahu sudah disediakan dan pengayuh sudah berdaya. Hanya yang diperlukan ialah ilham, komitmen dan kesungguhan awda semua untuk berjaya dalam pengajian masing-masing.

Saya percaya awda semua menyedari bahawa dalam logo UBD ada satu ungkapan yang berbunyi: Ke arah Kesempurnaan Insan. Apakah maksud dari ungkapan ini? Maksudnya ialah UBD ingin membentuk dan membimbing awda sekalian untuk menjadi insan yang sempurna.

Sempurna bagaimana? Sempurna dari segi mempunyai tahap pelajaran yang tinggi, sempurna dari segi mempunyai akhlak yang mulia, sempurna dari segi memiliki akhlak yang betul, sempurna dari segi kelayakan dan amalan fardu ain masing-masing serta sempurna dalam menghayati falsafah Melayu Islam Beraja dan lain-lain lagi aspek kesempurnaan. Hanya tinggal lagi ialah kesediaan awda sekalian untuk dihibing, dididik, dipimpin, mematuhi semua peraturan-peraturan UBD, memiliki keazaman dan semangat yang tinggi untuk berjaya.

Awang-awang dan dayang-dayang sekalian sebagai pelajar baru di pusat pengajian tinggi yang walaupun baru namun saya kira sudah mulai matang berfikir, awda patut menyual diri sendiri: "Mengapa saya perlu berada di sini? Adakah kerana nasib atau kerana dipaksa oleh ibu bapa atau kerana melihat kawan masuk universiti maka saya

juga mahu masuk universiti."

Saya kira jawapan sedemikian jika ada dalam diri awda rasanya belum tepat dan tidak memberi motivasi yang kukuh dan kuat untuk menolak awda maju ke hadapan. Ia hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Tahukah awda bahawa motivasi yang kuat ialah lahir dari dalam jiwa murni awda sendiri misalnya: "Saya berada di sini kerana saya memang bercita-cita mahu berada di sini, saya mahu menjadi seorang yang bijak pandai, menjadi seorang intelektual calak tempatan, saya ingin mengubah nasib saya sendiri, nasib keluarga saya, nasib bangsa saya dan nasib negara saya, saya ingin menyumbang bakti dengan ilmu yang akan saya perolehi."

Barangkali kesedaran seperti inilah yang perlu disemai dalam jiwa pelajar sendiri, kesedaran untuk berubah kepada yang lebih baik, kesedaran bahawa kejayaan cemerlang tidak mudah dicapai kalau malas berusaha. Kesedaran untuk akhirnya mencurahkan bakti kepada agama, bangsa, negara dan raja yang kita kasih.

Selaras dengan hasrat UBD bagi menjana kecemerlangan saya rasa UBD perlu sentiasa peka dan memantau faktor-faktor yang boleh membawa ke arah kecemerlangan tersebut antaranya ialah pengambilan para penyarlah yang berkualiti dan berkemahiran dalam bidang ilmu masing-masing dan cara pengajarannya yang berkesan, pengambilan para pelajar yang berkualiti dan mencapai tahap kelulusan yang ditentukan, perpustakaan yang mempunyai cukup buku-buku dan bahan-bahan rujukan yang diperlukan oleh semua kursus yang ditawarkan di UBD, mempunyai segala alat kemudahan pengajaran dan pembelajaran terkini dan mempunyai suasana yang kondusif.

Saya yakin banyak hal-hal yang berhubung kait dengan faktor-faktor tersebut sudah pun wujud atau telah diwujudkan. Cumanya ia memerlukan perhatian dari semasa ke semasa.

Termasuk dalam tanda-tanda kecemerlangan sesebuah univer-

LIBATKAN DIRI DALAM ECA AGAR LEBIH BERWIBAWA, DIGALATI, 'MARKETABLE'

siti ialah berupaya melahirkan graduan-graduan ijazah lanjutan di peringkat sarjana, apatah lagi di peringkat doktor falsafah dalam berbagai bidang, sesuai dengan hasrat negara kita untuk melihat pakar-pakar tempatan dalam bidang sains, kejuruteraan, ekonomi, kesusasteraan, sejarah, agama dan sumpamanya. Graduan-graduan yang lulus dengan cemerlang dalam peringkat sarjana muda sebenarnya berpotensi untuk mencapai tahap tersebut jika diberikan galakan dan motivasi yang bersesuaian.

Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam mengharungi dekad kedua usianya, Universiti Brunei Darussalam telah menempuh pelbagai cabaran dalam bentuk akademik, pentadbiran dan yang paling besar sekali ialah kewibawaan UBD dalam meyakinkan masyarakat di Negara Brunei Darussalam ini akan kemampuannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang setanding dan setara dengan universiti-universiti yang sudah 'established' di luar negara. Semua cabaran sumpama ini telah dapat ditempuhi dan diatasi dengan semangat kecekalan, ketabahan dan kegigihan serta iltizam dari semua pihak.

Walau bagaimanapun dalam apa jua cabaran yang menghambat UBD, namun banyak lagi yang perlu ditambah dan diperbaiki dalam mengukuhkan kursus-kursus dan latihan-latihan yang ditawarkan di universiti ini bagi memenuhi kehendak dan aspirasi negara.

Waktu 20 tahun jika ia seorang insan biasanya dianggap sebagai akhir remaja atau pasca remaja iaitu suatu zaman yang agak celaru dan kompleks bagi seseorang remaja. Period remaja digelar juga oleh ahli psikologi sebagai zaman 'storm and stress'. Bagi Universiti Brunei Darussalam bingkai waktu selama 20 tahun telah menjadikannya dewasa dan matang malah telah memantapkan dirinya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang gigih lutanan, berwibawa dan mampu bersaing dengan universiti-universiti luar negara yang sudah established.

Saya merasa bangga dengan keupayaan UBD dalam melangkah ke dekad ketiga dari penubuhannya dan berharap UBD akan terus berupaya menghadapi cabaran-cabaran

baru khususnya dalam menempuh perubahan-perubahan dan hambatan-hambatan yang dibawa bersama oleh arus 'globalisasi' dan ledakan ICT yang semakin canggih dan sofistikated. Dalam hubungan ini saya yakin dan percaya UBD sentiasa peka dan menyedari akan perannya untuk memastikan bahawa program-program yang dilaksanakan dan graduan-graduan yang bakal dilahirkan akan dapat menghadapi perubahan dan cabaran-cabaran tersebut.

Satu fenomena biasa dalam perkembangan pendidikan di sebuah negara yang membangun ialah jumlah pelajar yang memohon untuk meneruskan pengajian di peringkat tinggi pada setiap tahun adalah meningkat. Demikian juga halnya UBD sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam tentunya menghadapi masalah yang sama.

Saya difahamkan peningkatan bukan hanya datang dari kalangan pemohon dalam negara malah pelajar-pelajar antarabangsa dari luar negara juga semakin bertambah bilangannya dari tahun ke setahun. Hal ini menunjukkan Universiti Brunei Darussalam sudah menjadi salah satu universiti pilihan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi. Ini pastinya akan mewujudkan persaingan yang sihat dan persaingan pula akan meningkatkan kualiti. Walau bagaimanapun dalam menghadapi fenomena ini UBD perlu berhati-hati dalam perkembangan itu selaras dengan keperluan dan aspirasi negara.

Dari segi akhlak pula, saya ingin menasihatkan dan berseru kepada semua pelajar baru, malah juga kepada pelajar-pelajar lama untuk tidak akan terpengaruh dan terikut-ikut dengan trend akhlak dan cara berpakaian segelintir orang di luar kampus. Saya difahamkan pihak UBD dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar sudah membuat langkah-langkah memberigakan kesedaran dan usaha ke arah 'membudayakan' bagi mematuhi 'Etika Pelajar' dan 'Etika Pakaian Pelajar' (Students Dress Code). Saya difahamkan bahawa publisiti melalui surat permakluman Naib Canselor dan Dekan Pelajar sudah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu dan mulai musim peperiksaan se-

mester lepas pihak UBD telah menerbitkan poster yang memperagakan Etika Pakaian Pelajar yang dikehendaki bagi setiap mahasiswa-mahasiswa mematuhi di sepanjang mereka berada di dalam kampus UBD.

Sebagai sebuah negara yang mendukung falsafah negara MIB, pelajar-pelajar mestilah mematuhi peraturan dan menunjukkan keperibadian Islam dengan semangat cintakan bangsa, negara dan agama. Kita ingin melihat mahasiswa-mahasiswa UBD sebagai golongan intelektual yang bersopan santun dan bertatasusila, memiliki jati diri berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja dan berbangga menghayatinya. Hal inilah sebenarnya yang membezakan mahasiswa-mahasiswa UBD dengan mahasiswa-mahasiswa luar negara.

Hal inilah juga yang menjadikan UBD sebagai sebuah institusi yang unik dan mempunyai keistimewaan sendiri. Sungguhpun begitu, saya mendapat maklumat bahawa terdapat setengah pelajar UBD yang tidak memahami sistem pentadbiran pemerintahan negara kita, tidak memahami selok-belok adat istiadat negara kita yang penting untuk diketahui dan malah ada yang tidak tahu nama-nama menteri kabinet dan gelaran-gelaran mereka.

Saya rasa tentu ada perkara yang perlu diperbaiki dengan segera dalam mengajarkan kursus MIB kepada para pelajar kita supaya mereka memahami sejarah kesusutanan, sistem pemerintahan dan sumpamanya dan supaya mereka relevan untuk berhadapan dengan masyarakat luar negara dan malah masyarakat di negara kita sendiri.

Selaku insan yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran di UBD, saya menaruh harapan kepada awda semua untuk mematuhi etika pelajar dan etika pakaian pelajar yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Selaku institusi yang unggul di Negara Brunei Darussalam, mahasiswa-mahasiswa UBD adalah merupakan 'role model' kepada para pelajar dan para penuntut di sekolah menengah dan rendah di negara ini baik dari segi pelajaran, berpakaian, keperibadian, keterampilan dan juga kepimpinan.

Mahasiswa-mahasiswa adalah generasi pelapis yang akan memim-



UCAPAN Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pendidikan di Perasmian Minggu Orientasi Universiti Brunei Darussalam (UBD) Sesi 2005/2006 pada 25 Julai 2005 di Dewan Canselor UBD.

pin bangsa dan negara di masa akan datang.

Schubungan dengan itu, saya menyeru semua mahasiswa-mahasiswa supaya di samping tekun belajar juga akan dapat mengasah bakat atau mengasah bakat mereka sebagai seorang pemimpin pelajar di universiti.

Saya difahamkan bahawa terdapat lebih kurang 40 buah kelab di bawah Persatuan Mahasiswa UBD di mana para mahasiswa-mahasiswa bebas memilih mana-mana kelab atau persatuan yang sesuai dengan minat atau kegemarannya. Dengan lain perkataan, awda haruslah melibatkan diri dalam ECA seperti menjadi ahli jawatankuasa dalam mana-mana persatuan atau kelab di universiti ini. Supaya dengan jalan itu para pelajar akan dapat pengalaman berharga yang tidak diperoleh dalam bilik-bilik kuliah. Pengalaman itulah yang akan membantu awda setelah keluar dari kampus dan memasuki alam pekerjaan di suatu hari nanti.

Oleh itu saya harap para mahasiswa-mahasiswa akan menggunakan peluang yang disediakan semasa berada di univer-

siti ini sebaik mungkin. Keaktifan pelajar dalam ECA dan ketokohnya sebagai pemimpin ditambah lagi dengan kecemerlangan akademiknya, maka secara langsung akan menjadikan graduan UBD lebih berwibawa, digalati dan 'marketable'.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pelajar baru dan kepada semua ibu bapa kerana kejayaan anak-anak biskita dipilih memasuki UBD. Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur yang telah berjaya mengukuhkan Majlis Orientasi yang bermakna ini. Maka dengan melafazkan kalimah:

Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma salli 'ala sayyidina wabahibina wasayyali 'ina wamaulana Muhammadin wa'ala alihi wasahbihi wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Minggu Orientasi Universiti Brunei Darussalam Sesi 2005/2006.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Januari. - Seperti lazimnya umat Islam di negara ini tidak melepaskan peluang mengerjakan ibadat korban sepanjang empat hari dan Hari-hari Tasyrik pada Hari Raya Aidiladha tahun ini.

Bermula dari hari pertama membawa ke akhir Hari Tasyrik

(11, 12, 13 dan 14 Zulhijah) Majlis-majlis Ibadat Korban diadakan di seluruh negara oleh orang-orang perseorangan, kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan dan penduduk-penduduk kampung.

Daging-daging binatang korban diagih-agihkan kepada fakir miskin dan mereka yang berhak

menerimanya seperti yang disyariatkan oleh syarak.

Selain tuntutan ibadat, majlis-majlis yang diadakan juga boleh memupuk persefahaman dan mengeratkan silaturahim di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, masyarakat kampung dan umat Islam umumnya.

Umat Islam di negara ini

MAJLIS IBADAT KORBAN

OLEH SAHARI AKIM sahari.akim@information.gov.bn

menyambut Hari Raya Aidiladha tahun ini yang jatuh pada hari Rabu, 10 Zulhijah 1426 Hijrah bersamaan 11 Januari 2006 Masihi.

Menurut Mazhab Al-Imam As-Syafie, menyembelih binatang korban adalah sunat muakadah iaitu sunat yang dituntut, sementara menurut jumhur ulama, sunat hukumnya bagi orang yang mampu dan makruh jika tidak melakukannya tetapi tidak berdosa jika tidak melakukannya.

Ibadat korban sunat dilakukan sebagai tanda ketakwaan dan jalan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala selain menghidupkan syiar Islam.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang tafsirnya:

"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amalan yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikian ia memudahkan binatang-binatang bagi kamu supaya kamu membe-

sarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk. Dan sampaikan-

lah berita gembira dengan balaasan yang sebaik-baiknya ke-

pada orang-orang yang berusaha supaya baik umarnya."



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz menyempurnakan pengagihan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Kesyukuran Sempena Ibadat Korban yang diugkayahkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) berlangsung di Surau RBA Centre, Jalan Terunjing Lama pada 12 Januari yang baru lalu. - Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada seorang penerima di Majlis Ibadat Korban anjuran Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolikiah, Kampong Jangsak pada 13 Januari lepas. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

KHUTBAH PERTAMA

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana telah memanjangkan umur kita sehingga kita masih berpeluang merayakan Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban pada tahun ini. Dengan ketibaan Hari Raya Haji yang mulia ini, bererti para jemaah haji sedang menunaikan ibadat haji telah pun selesai mengerjakan sebahagian besar daripada perkara-perkara ibadat haji mereka.

Sungguh beruntung dan berbahagianya saudara-saudara kita yang pada masa ini sedang mengerjakan ibadat haji, khasnya mereka yang benar-benar memanfaatkan kesempatan dan peluang yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wataala dengan sebaik-baiknya. Ini kerana masih ramai di antara kita yang dilihat mempunyai kuasa dan kemampuan tetapi masih belum terdorong untuk menunaikan ibadat haji, atau dengan kata lain yang selalu dikatakan 'belum ada lambaian'. Yang sebenarnya syarat menunaikan ibadat haji ialah ada kuasa dan kemampuan, bukan disebabkan ada lambaian. Gunakanlah nikmat dan rezeki yang dikurniakan Allah itu dengan sebaik-baiknya sebelum terlambat, semoga Rukun Islam Kelima itu dapat dikerjakan dengan segera.

Bila kita bercakap tentang Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban, sudah tentu akan mengingatkan kita kepada peristiwa yang bersejarah dalam Islam iaitu ketaatan Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam dan kesabaran Nabi Allah Ismail Alaihissalam ketika Allah memerintahkan Nabi Allah Ibrahim sebagai ayah, menyembelih anaknya Nabi Allah Ismail sebagai korban. Dari sinilah titik tolak sejarah ibadat korban bermula dan kita amalkan sehingga sekarang.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Sesungguhnya apa yang berlaku ke atas Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Ismail Alaihissalam itu merupakan ujian yang memerlukan kesabaran dan ketabahan. Perkara ini diceritakan di dalam Al-Quran Surah Ash-Shaaffat ayat 102 tafsirnya:

"Maka tatkala anaknya itu sampai ke peringkat umur yang membolehkan dia berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihimu; Maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar."

Dari ayat tersebut jelas menunjukkan kekuatan dan keteguhan iman serta takwa yang dimiliki oleh mereka berdua sehingga tidak ada sedikit pun keraguan atau was-was dalam hati mereka untuk melakukan apa yang diperintahkan demi mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 103 - 106 tafsirnya:

"Setelah keduanya berserah bulat-bulat menjunjung perintah Allah itu dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tempok tanah. Kami sifatkan Ibrahim dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami. Serta Kami menyeru: Wahai Ibrahim! Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu, demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan."

Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya. Maka dengan berkat kesabaran dan ketaatan kedua beranak itulah, Allah Subhanahu Wataala menggantikan tempat Nabi Allah Ismail dengan seekor kambing (kibasy) untuk disembelih sebagai korban.

Sememangnya ujian Allah Subhanahu Wataala ke atas Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Ismail Alaihissalam itu suatu yang amat berat yang sukar dilakukan oleh manusia biasa seperti kita, tetapi apakah kita juga tidak sanggup berkorban dalam bentuk yang lainnya semata-mata untuk mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala.

Pengorbanan mempunyai pengertian yang amat luas. Pengorbanan bukan hanya tertakluk pada satu perkara sahaja tetapi meliputi pengorbanan harta benda, waktu, tenaga, fikiran, perasaan, kepentingan diri dan bermacam-macam lagi.

Sebagai contoh orang yang memiliki harta bolehlah mengorbankan hartanya untuk membantu orang yang susah dan memerlukan pertolongan seperti fakir miskin dan orang yang ditimpa bencana musibah, manakala orang yang berilmu pengetahuan berkorban mengajarkan ilmunya yang bermanfaat kepada orang lain sehingga menyebabkan orang lain itu pandai, berpelajaran dan berbakti pula kepada orang lain. Pengorbanan seumpama inilah yang akan memperoleh pahala yang sangat besar sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Dari Mas'ud Al-Ansari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa menyeru kepada kebaikan, maka baginya pahala kebaikan sebanyak pahala orang yang mengerjakannya." (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Kita hendaklah sedar dan janganlah mudah lupa bahawa kemajuan yang kita capai dan kehidupan yang kita nikmati sekarang ini adalah hasil pengorbanan orang yang terdahulu daripada kita. Kita lihat pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat dalam menegakkan dakwah Islamiah sehingga berkembang ke seluruh dunia. Mereka sanggup berkorban apa saja demi memperjuangkan agama Allah Subhanahu Wataala. Pengorbanan itulah yang patut ditcontohi dan dijadikan ikutan agar pe-

ngorbanan kita juga dapat dirasai oleh generasi akan datang.

Dalam kehidupan di dunia ini sifat sanggup berkorban adalah menjadi suatu kemestian dan tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan. Kerana itu setiap orang perlu menanamkan sifat ingin berkorban pada diri mereka yang didorong oleh ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Ismail Alaihissalam dalam peristiwa korban tersebut.

Oleh itu percayalah jika sifat taat menjadi darah daging dan akar umbi dalam diri seseorang maka akan mudahlah lahir semangat ingin berkorban, kerana Allah Subhanahu Wataala memerintahkan umat-Nya supaya berlaku taat sebagaimana perintah-Nya dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulilamri (orang yang berkuasa dari kalangan kamu)."

Taat kepada Allah bererti kita beriman dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Manakala taat kepada Rasul adalah beriman kepada Rasulullah dengan mentaati dan mengamalkan segala ajaran yang diajarkan dan dibawa oleh Baginda. Demikian juga ketaatan kepada ulilamri iaitu ketua atau pemimpin, seperti suami, ibu bapa, ketua pejabat apatah lagi pemerintah negara adalah menjadi satu kewajipan dan

KHUTBAH KEDUA

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillillahilhamd

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala kerana telah mengurniakan kita anggota yang cukup dan sempurna, dengan anggota itulah kita dapat bergerak dan melakukan apa jua yang kita kehendaki, tetapi jangan lupa anggota inilah juga yang akan menjadi saksi terhadap apa yang kita lakukan di dunia ini dan di akhirat nanti. Di antara anggota itu ialah lidah.

Sesungguhnya lidah itu merupakan nikmat yang amat berharga yang jika digunakan dengan sebaik-baiknya akan membahagiakan dan jika disalahgunakan akan membinasakan.

Semua orang tahu bahawa lidah itu boleh mendatangkan bahaya dan bencana jika tidak dikawal dan dijaga dengan baik, kerana itulah agama Islam melarang umatnya dari menyalahgunakan lidah, di antara perkara yang mudah dilakukan lidah ialah memfitnah.

Menurut Kamus Dewan, fitnah ialah tuduhan, khabar atau kisah yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburukkan atau mencacikan seseorang. Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas terhadap satu sama lain boleh juga menimbulkan fitnah. Ketahuilah bahawa fitnah itu amat buruk dan keji dan hukumnya adalah haram. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qalam ayat 10 - 11 tafsirannya:

"Dan janganlah kamu menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah lagi yang hina, yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan untuk memecah-belahkan orang ramai."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya: *"Dari Abi Saïd Al-Khadri Radiallahuanhu ia berkata: Saya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa di antara kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya, dan jika ia tidak berkuasa maka dengan lidahnya, dan jika ia tidak berkuasa, maka dengan hatinya, yang demikian adalah lemah-lemah iman."*

Dari hadis ini jelas mengingatkan manusia supaya tidak membiarkan perkara mungkar berleluasa dan berlaku kerana dalam perbuatan mungkar itulah mudah berlakunya fitnah dan kejahatannya. Oleh itu setiap Muslim bukan sahaja diwajibkan menjauhkan dirinya daripada perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wataala, tetapi juga berkewajipan mencegah perbuatan tersebut daripada merebak dan berleluasa di dalam masyarakat.

Sesungguhnya perbuatan menabur fitnah adalah suatu perkara yang boleh memesongkan iman seseorang. Menabur fitnah dengan berita yang dipalsukan atau yang telah diubah suai dari hakikat dan kenyataan sememangnya mudah, tetapi kesannya amat merbahaya. Kerana itulah Allah Subhanahu Wataala mengingatkan hamba-hambanya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 191 tafsirnya: *"Dan ingatlah bahawa angkara fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan."*

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillillahilhamd

Di zaman yang moden dan canggih ini, fitnah bukan lagi dilakukan dengan lisan sahaja, bahkan kecanggihan teknologi maklumat juga disalahgunakan dan dijadikan tempat kemudahan untuk menabur fitnah. Semua orang tahu

PELIHARA KEAMANAN, KESEJAHTERAAN DAN HARGAI NIKMAT KURNIA ALLAH

dituntut dalam Islam selagi perkara-perkara yang dilakukan bukan perkara maksiat, kerana ketaatan kepada ulilamri itu mampu mewujudkan kehidupan yang aman makmur dan sentiasa berpegang teguh dengan tali Allah (agama Islam).

Dalam konteks bernegara yang berbilang bangsa dan agama setentunya memerlukan kepada pemerintahan raja yang adil lagi bijaksana, usaha integral rakyat dalam memelihara dan mempertahankan nikmat kesejahteraan, kerukunan, kesentosaan dan keharmonian hidup bermasyarakat yang ideal yang diharapkan oleh Islam iaitu masyarakat yang penuh dengan keceriaan, kebahagiaan, ketenangan dan kestabilan hidup adalah mereka yang berkorban untuk menyeru orang lain untuk melakukan kebaikan dan mencegah orang lain dari perbuatan mungkar, kejahatan dan ketidakadilan. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 tafsirnya:

"Kamu wahai umat Muhammad sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman."

Justeru itu, seorang mukmin yang berpegang kepada prinsip melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya, tentu saja tidak akan sanggup melihat dan membiarkan ketaatan yang diamalkan dicemar dengan ansur-ansur dan elemen-elemen yang tidak sihat,

seperti bersifat hasad dengki, iri hati, bermusuhan, berpecah belah, huru-hara dan bermacam-macam lagi yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian bermasyarakat dan bernegara. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memelihara keamanan dan kesejahteraan yang telah wujud dan menghargai nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala, dalam apa jua keadaan dalam menempuh keadaan dunia yang serba canggih dan mencabar ini. Jangan jadikan diri kita kufur nikmat yang menyebabkan Allah murka dan menarik balik nikmat yang dikurniakan-Nya

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Semua orang mahukan hidup bahagia dan berjaya baik di dunia mahupun di akhirat. Apakah ianya dapat dicapai dengan hanya kata-kata tanpa perlu berkorban? Percayalah kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat tidak akan menjelma sendirinya melainkan dengan adanya usaha dan pengorbanan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 15 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benar beriman hanyalah orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka terus percaya dengan tidak ragu-ragu lagi serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar pengakuan imannya."

MENABUR FITNAH BOLEH MEMESONGKAN IMAN, AMAT BERBAHAYA

bahawa teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT merupakan salah satu elemen yang penting dalam bidang pengurusan, perkhidmatan dan kini telah menjadi suatu keperluan yang penting dalam kehidupan masyarakat moden.

Ledakan ICT dalam era globalisasi, era digital dan ekonomi baru yang melanda dunia masa ini memaksa masyarakat agar celik komputer dan celik IT. Pengaruhnya dapat dirasakan oleh semua pihak baik sekarang mahupun masa akan datang tanpa memilih peringkat umur terutamanya generasi muda, kerana dengannya manusia boleh berinteraksi dengan lebih mudah, cepat dan efisien serta maklumat boleh diperolehi dengan cepat yang sekali gus menambah ilmu pengetahuan.

Maklumat adalah faktor utama dalam proses keilmuan. Cuba kita sama-sama fikirkan, Allah Subhanahu Wataala menggunakan Malaikat Jibril sebagai pengantara untuk menyampaikan wahyu kepada Rasul-rasul-Nya, wahyu itu mengandungi maklumat dan ilmu untuk dijadikan petunjuk bagi mereka yang bertakwa dan bagi memandu hati nurani dan akal fikiran manusia untuk menyempurnakan akhlak yang mulia dan membangun tamadun yang tinggi nilainya.

Tetapi lain halnya dengan sekarang, di mana maklumat yang diisi dan dimuatkan dalam komputer dan alat-alat perhubungan tidak semuanya betul dan berfaedah yang memerlukan kepada penggunaan berhati-hati dan meneliti maklumat berkenaan. Kerana itu Allah Subhanahu Wataala awal-awal lagi memberikan peringatan sebagai mana firman-Nya dalam Surah Al-Hujuraat ayat 6 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

Pada masa ini, internet digunakan dengan meluasnya, penggunaannya juga tanpa mengira apakah perkara baik ataupun tidak. Ini terbukti apabila bahan-bahan lucah, ajaran-ajaran sesat dimuatkan ke dalam internet dan yang lebih dahsyat lagi internet dijadikan landasan mencemar dan men-

jatuhkan maruah orang seperti perbuatan memfitnah, berbohong, mengumpat, mengeji dan bermacam-macam lagi. Kita sepatutnya sedar bahawa kita ini manusia yang diberikan akal, tahu bahawa melakukan perkara-perkara mungkar seperti memfitnah itu berdosa besar dan mengakibatkan orang yang difitnah menghadapi tekanan perasaan dan kesengsaraan yang boleh menggugat keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara. Cubalah rasakan jika diri sendiri atau orang yang dikasihi menjadi sasaran fitnah dan umpatan, sudah tentu perasaan akan gelisah dan bergelora, kecewa dan merana.

Dalam hal ini kita tidak boleh menyalahkan kemajuan dan kecanggihan teknologi maklumat tetapi yang perlu disalahkan ialah penggunaannya. Bukankah penggunaannya terdiri dari manusia yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wataala akal fikiran yang boleh menilai kebaikan dan keburukan, jangan bertindak mengikut hati dan hawa nafsu dan hasutan syaitan. Kita perlu ingat bahawa peranan kita dalam menghadapi perkara-perkara negatif seperti ini ialah memanfaatkan internet itu bagi perkara-perkara yang berkebaikan, perkara-perkara yang betul dan lurus, bagi memper tahankan iman dan nilai-nilai akhlak serta bagi memperluaskan lagi dakwah Islamiah yang menjadi tanggungjawab kita semua umat Islam.

Kita hendaklah bersikap positif dalam menguasai kemahiran teknologi maklumat ini, kerana komputer umpamanya sudah menjadi budaya hidup masa kini. Penggunaan internet dan e-mel semakin meluas sebagai alat penting berkomunikasi dan berinteraksi. Oleh itu gunakanlah ia dengan bijak dan betul.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Ingatlah para jemaah sekaliian bahawa fitnah itu amat dipandang berat dalam Islam kerana ia boleh menimbulkan permusuhan dan persengketaan yang membawa kepada perpecahan dalam keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Berfikirilah dengan bijak atas setiap tindak-tanduk yang hendak dilakukan, jangan mengikut hawa nafsu kerana ia hanya membawa diri kepada kecelaan yang disesali kemudian hari nanti. Akhirnya peliharalah diri dengan mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, semoga mendapat rahmat dan perlindungan dari Allah Subhanahu Wataala. Amin.

MAJLIS 'GRADUATION' PENUNTUT PRA UNIVERSITI MSPSBS 2005

BERAKAS, Sabtu, 14 Januari. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) hari ini mengadakan Majlis 'Graduation' Bagi Para Penuntut Pra Universiti MSPSBS bagi Tahun 2005 yang berlangsung di Auditorium maktab berkenaan di sini.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah yang menuntut dalam Pra U 2 adalah antara yang diarakkan di majlis itu.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Perlaksanaan Pendidikan dan Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL
aliddin.moktal@information.gov.bn
FOTO: HARUN HAJI RASHID
DAN HALIM HAJI SULAIMAN

Mahmud dalam ucapannya antara lain menyeru para lepasan agar dapat menyumbang dan melibatkan diri dengan apa jua usaha maktab di dalam mempertingkatkan kualiti dan mutu pendidikan serta program yang dilaksanakan.

Beliau menjelaskan bahawa kajian-kajian menunjukkan penglibatan alumni maktab di dalam program-program maktab sangat berkesan di dalam meningkatkan prestasi dan kualiti

maktab tersebut.

Seramai 129 pelajar termasuk 78 pelajar perempuan diarakkan di majlis itu dan menerima sijil penghargaan sebagai pelajar yang menamatkan pengajian di maktab tersebut.

Penyampaian sijil-sijil penghargaan itu disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Perlaksanaan Pendidikan dan Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud

bin Haji Mahmud.

Juga hadir di majlis itu ayahanda dan bonda serta kekanda YTM,

Majlis seumpama itu diadakan buat kali keempat khusus bagi meraikan para pelajar Pra U 2 bagi tahun 2005 yang telah menamatkan pengajian di MSPSBS pada bulan Disember yang lalu dan ianya dijadikan projek tahunan maktab berkenaan bagi menghargai kecekalan dan kesungguhan mereka menamatkan pengajian di maktab tersebut.

Kali pertama majlis ini diadakan pada tahun 2003 dengan keramaian pelajar yang diarakkan seramai 138 orang.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika berkenan menerima sijil penghargaan sebagai pelajar yang menamatkan pengajian di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) daripada Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Perlaksanaan Pendidikan dan Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa berangkat ke Majlis Graduation (atas kiri), semantara gambar atas kanan, Yang Teramat Mulia ketika merakamkan gambar kenangan bersama ayahanda, bonda dan kekanda Yang Teramat Mulia selepas Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Para Pelajar Pra U 2 yang telah menamatkan pengajian di MSPSBS.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah antara pelajar di MSPSBS yang diarakkan dalam Majlis Graduation Bagi Pelajar Pra Universiti maktab berkenaan tahun 2005.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ketika bergambar bersama rakan seperjuangan di maktab berkenaan.

HARI PENERANGAN BAGI MUKIM KOTA BATU, DAERAH BRUNEI DAN MUARA 2006

Tingkatkan tekad, azam bagi meninggikan mutu kerja, perkhidmatan

PINTU MALIM, Ahad, 15 Januari. - Agensi-agensi kerajaan hendaklah sentiasa mempertingkatkan lagi tekad dan azam bagi meninggikan mutu kerja dan perkhidmatan kepada negara dengan sentiasa bersikap positif, cekap dan penuh dedikasi di dalam melakukan tugas dan tanggungjawab masing-masing serta bebas daripada rasuah, penyalahgunaan kuasa dan mengamalkan sifat jujur dan amanah.

Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan juga hendaklah meletakkan tugas utama mereka ke hadapan daripada perkara-perkara lain yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah digariskan dalam syarat perkhidmatan mereka didalam menjalankan tugas serta tanggungjawab sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan.

Bagi jabatan-jabatan kerajaan yang sentiasa dihubungi oleh orang ramai secara langsung hendaklah sentiasa bersikap terbuka dan melayani orang ramai dengan cara bersopan santun dan mengambil berat ten-

tang apa jua masalah yang dihadapkan kepada mereka.

"Khidmat yang cekap, cepat dan berkesan akan memberikan imej yang baik kepada pihak kerajaan dalam sama-sama menangani tanggungjawab berkerajaan dan bernegara," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Hamid ketika melancarkan perasmian Hari Penerangan di Mukim Kota Batu di sini.

Pengiran Dato Paduka ketika memetik sebahagian daripada kandungan surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 14/1985, mengingatkan supaya semua warga Perkhidmatan Awam termasuk Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan ahli-ahli berpakaian seragam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk tidak melibatkan diri dalam mana-mana parti atau pertubuhan politik.

"Penguatkuasaan ini adalah lumrah diamalkan di mana-mana negara demokratik dengan tujuan untuk menjaga integriti Perkhidmatan Awam dan kepenti-

ngan kewajipan-kewajipan awam," jelasnya.

Juga menarik perhatian beliau mengenai kandungan khutbah Hari Raya Aidil Adha yang berhubung dengan larangan menabur fitnah dan juga kewajiban kita untuk taat kepada ulul amri iaitu raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Saya mensyorkan supaya kandungan penuh khutbah itu akan kita amat-amati dan ambil perhatian serta patuhi kerana ianya merupakan ramuan bagi penerusan sebuah negara yang makmur dan diberkati Allah," tambahnya.

Beliau juga menyifatkan majlis Hari Penerangan yang dianjurkan merupakan salah satu manifestasi perkhidmatan pihak kerajaan kepada orang ramai di samping menjalin hubungan erat diantara kerajaan dengan rakyat serta mencari huraian permasalahan orang ramai selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan kita masyarakat bermuzakarah dan bermufakat.

Beri perhatian berat masalah yang merosak, merugikan bangsa

LIPUTAN SAMLE HAJI JAIT
samle.jait@information.gov.bn

PINTU MALIM, Ahad, 15 Januari. - Rakyat dan penduduk hendaklah terus menumpukan perhatian terhadap peningkatan kesedaran sosial dan ketenteraman negara dengan memberikan perhatian yang berat kepada masalah-masalah yang boleh merosakkan dan merugikan bangsa sendiri.

Masalah-masalah negatif seperti penyalahgunaan dadah, menghidu gam, merosakkan harta benda awam, kurang berdisiplin, menyebarkan dakwah dan ajaran sesat serta juga mereka-reka dan menyebarkan khabar-khabar angin itu boleh menimbulkan kekecohan dan kegusaran di kalangan masyarakat awam di negara ini.

Perkara itu dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Hamid ketika melancarkan Hari Penerangan Mukim Kota Batu di Dewan Sekolah Rendah Pintu Malim di sini.

Menurutnya, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut tahun baru Masihi 2006 telah menekankan keamanan dan kesejahteraan merupakan kurnia paling berharga kepada sesuatu bangsa kerana tanpa keamanan dan kesejahteraan, kehidupan akan menjadi tidak bermakna justeru usaha memelihara keamanan dan kesejahteraan itu perlu menjadi agenda yang utama.

"Adalah menjadi harapan kita semua supaya kita berusaha dengan lebih gigih pada tahun-tahun mendatang agar negara kita akan sentiasa maju dan berkembang didalam pelbagai sektor dan dalam bidang pembangunan selaras dengan aspirasi negara," ujarnya yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Beliau percaya dengan wujudnya sebuah masyarakat yang sihat dan bebas daripada gejala-gejala sosial dan sentiasa berdisiplin, perhatian sepenuhnya kepada perkem-

bangsan ekonomi dan pembangunan sosial dalam semua peringkat dan lapisan masyarakat akan dapat ditumpukan.

Selubungan dengan itu, kita semua perlu saling bantu-membantu diantara satu sama lain di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara dengan mengamalkan sikap pemedulian terhadap keadaan dan masyarakat di sekeliling di samping patuh kepada undang-undang dan peraturan.

Beliau seterusnya berkata, Keberangkatan bersiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta para pemimpin dan pembesar negara ke kampung-kampung dan mukim-mukim di seluruh negara telah membayangkan keperihatinan kerajaan terhadap permasalahan dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di samping membolehkan mereka berkenalan mesra dan mendengar apa jua kemusykilan atau masalah yang dihadapi oleh para penduduk kampung dan mukim.

"Dengan langkah seumpama inilah, kita dapat mengatasi kesulitan dan seterusnya memperbaiki dan meningkatkan kemajuan rakyat dan penduduk di seluruh negara," ujarnya.

Menurutnya, rakyat dan penduduk di negara ini sudah lama mempunyai saluran-saluran dalam kerajaan bagi membolehkan orang ramai menghadapkan pengaduan dan kemusykilan mereka kepada pihak kerajaan khususnya kepada pegawai-pegawai daerah atau kepada kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun kepada Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga memetik



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Haji Abdul Hamid.

titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Keberangkatan baginda di Majlis Perjumpaan dengan Penduduk-Penduduk Mukim Pekan Tutong, pada 12 Februari 1987 yang mana telah mengingatkan kepada orang ramai bahawa pihak Kerajaan sentiasa bersedia mendengarkan dan menyiasat mengenai dengan pengaduan-pengaduan orang ramai untuk membantu mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

Menurutnya, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar rakyat dan penduduk tidak segan-segan untuk menghadapkan kesulitan-kesulitan dan kemusykilan mereka kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan sama ada secara bertulis atau pun menjumpai pegawai-pegawai berkenaan dan bukannya kepada orang-orang yang tidak kena-mengena dengan pentadbiran kerajaan.

Baginda juga bertitah mengingatkan jika rakyat dan penduduk mengadukan mengenai dengan kemusykilan-kesulitan mereka kepada orang yang tidak kena-mengena dengan kerajaan, maka itu adalah perbuatan yang sia-sia kerana orang-orang sedemikian yang tidak bertanggungjawab mungkin menggunakan aduan-aduan itu untuk kepentingan me-

reka sendiri dan bukannya untuk kepentingan rakyat dan penduduk.

Pengiran Dato Paduka seterusnya menekankan, titah baginda yang menegaskan para penghulu, ketua-ketua kampung dan rakyat di mukim-mukim tersebut supaya akan sentiasa bersatu padu dan bermufakat di dalam kehidupan seharian untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan mereka semua.

Menurutnya, keharmonian itu akan dapat dicapai dengan mengamalkan dan menghidupkan semua amalan hidup yang telah diamalkan oleh orang-orang tua kita dahulu kala, yang sentiasa mengadakan permuarakahan dan kata sepakat sesama anak-anak buah kampung dan dalam kehidupan mereka di samping mengamalkan sikap hormat-menghormati dan hidup bersopan santun dan beradab istiadat.

"Ini akan mewujudkan suasana harmoni, dengan wujudnya suasana harmoni dan stabil, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berupaya melaksanakan pelbagai projek yang bermanfaat bagi rakyat dan penduduk di daerah ini," ujar beliau.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (2001-2005) telah memperuntukkan pelbagai bentuk program pembangunan bagi daerah Brunei Muara yang juga melibatkan pelbagai program pembangunan sosio-ekonomi di Mukim Kota Batu.

Oleh yang demikian, beliau mengingatkan agar orang ramai hendaklah menggunakannya sebaik mungkin dan sentiasa memelihara keselamatan kemudahan dan infrastruktur yang disediakan secara sistematis dan bertanggungjawab dalam menikmati hasil pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jaga dan perkukuh keharmonian, perpaduan

PINTU MALIM, Ahad, 15 Januari. - Kehormatan dan perpaduan merupakan sebahagian dari rukun bernegara yang penting untuk dijaga dan diperkukuhkan oleh setiap individu kerana ia menuntut semangat kebersamaan, kekitaan dan kekeluargaan yang tinggi bagi menyatukan masyarakat sehingga dapat diwujudkan persaudaraan manusia sejagat.

"Program komunikasi bersemuka yang telah diinikayahkan telah menyumbang kepada perpaduan yang menjadi asas pembentukan bangsa Brunei yang bersatu serta membangun, maju dan makmur," jelas Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah ketika menyampaikan kata-kata aluan di majlis Perasmian Hari Penerangan bagi Mukim Kota Batu, di sini.

Ketika ini, Jabatan Penerangan telah mengendalikan program berkenaan dengan meliputi siri Personal Konteks, Perjumpaan Penerangan, siri taklimat Penerangan, Perjumpangan Sivik, Pentarama, Hari Penerangan dan beberapa siri Ceramah Kenegaraan dan Identiti Nasional.

Hari penerangan merupakan salah satu lagi 'platform' bagi merapatkan hubungan di antara kerajaan dengan orang ramai melalui

aktiviti-aktiviti yang dipimpin dan bercorak kemasyarakatan.

Pemangku Pengarah Penerangan berkata program dihasratkan sebagai satu lagi wadah ke arah menjadikan masyarakat yang bermaklumat, dalam masa yang sama interaksi sedemikian akan dapat menyuburkan lagi suasana muhibah sambil menjaga kerjasama dan meningkatkan persefahaman di antara kerajaan dengan orang ramai.

Beliau menambah program berkenaan juga akan memberi laluan kepada pertukaran maklumat penerangan di antara rakyat dan penduduk negara ini dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan bagi sama-sama mengadakan dan melutani kehidupan berbangsa dan bernegara.

Beliau juga melahirkan penghargaan dan perasaan sukacita di atas sambutan yang diberikan oleh penduduk mukim Kota Batu sekaligus menggambarkan keprihatinan dan komited mereka terhadap peranan dan tanggungjawab bernegara.

Tema sambutan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' adalah selaras dengan pencapaian dan kemajuan negara dalam kepeantasan dan perkembangan teknologi maklumat.

"Persekitaran kita mula



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria.

sudah sarat dengan pelbagai maklumat, terpujanglah kepada kita bagaimana untuk memanfaatkan maklumat-maklumat tersebut," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan Jabatan Penerangan merasakan masih ada ruang yang tidak dapat dipenuhi oleh kecanggihan teknologi maklumat seperti komunikasi bersemuka khususnya di negara kita yang dirasakan lebih praktis dengan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Kemuncak sambutan Hari Penerangan bagi Mukim Kota Batu ialah acara sesi dialog wakil penduduk kampung dalam mukim berkenaan dengan agensi kerajaan.

Pentarama Hari Penerangan serlah isu semasa

LIPUTAN HAJI AHMAD HAJI SALIM
ahmad.salim@information.gov.bn

SUBOK, Sabtu 14 Januari. - Jabatan Penerangan hari ini menganjurkan Persembahan Pentarama sempena Hari Penerangan bersama Mukim Kota Batu yang berlangsung di Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan di sini.

Persembahan Pentarama adalah anjuran Jabatan Penerangan yang merupakan projek tahunan dan salah satu acara yang terkandung di dalam sambutan Hari Penerangan. Hari Penerangan pada tahun ini di adakan di Mukim Kota Batu.

Drama yang bertajuk 'Gerimis di hujung senja' hasil tulisan Haji Johari HO merupakan salah satu acara dalam persembahan penta-

rama yang dapat memukau perhatian para hadirin yang menyaksikan persembahan tersebut dengan memberikan persembahan lakonan yang menarik dan memberikan beberapa perutusan kepada masyarakat tentang masalah harian yang sering berlaku dalam kehidupan berkeuarga.

Drama yang berkisar tentang anak kedua daripada tiga orang keluarga ibu tunggal dan anaknya yang bernama Kamil mempunyai masalah kewangan di sebabkan oleh beban hutang yang tertunggak dan tidak mampu dijelaskan dengan pendapatan gaji yang sederhana. Oleh sebab masalah itu anak

kedua iaitu Kamil bersama dua orang teman wanitanya telah merancang untuk menipu wang ibunya sendiri dengan pelbagai cara.

Atas kepintaran anak ketiga ibu tunggal itu segala rancangan yang dibuat oleh Kamil akhirnya terbongkar. Sebenarnya Kamil tidak menghadapi sebarang masalah mengenai hutang tetapi hanya merupakan tipu helah untuk mendapatkan wang daripada keluarganya iaitu ibunya.

Terdahulu daripada itu acara persembahan bermula dengan persembahan tarian Dang Mengalai dan Adukan oleh dua persembahkan oleh Kumpulan AJ Dancer dan merupakan pembuka tirai persembahan pentarama malam tersebut.

Kemudian diikuti dengan beberapa persembahan lagu iaitu tema pentarama, nyanyian solo dan berduet juga turut didendangkan. Antara tajuk lagu-lagu yang dinyanyikan adalah seperti Gadis Melayu, Angan, Kasihnya Laila dan Cinta.

Turut memeriahkan persembahan pentarama ideal penduduk Mukim Kota Batu dan acara pada malam itu juga menghidupkan kuiz pentarama yang dibukakan kepada para hadirin yang menyaksikan persembahan tersebut.

Antara yang hadir menyaksikan persembahan itu ialah Penghulu Mukim Kota Batu, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar Haji Ibrahim.

KANAK-KANAK dan remaja adalah harapan negara masa hadapan. Masalah kesihatan, fizikal dan mental adalah satu cabaran yang penting yang banyak menghalang mereka untuk mengharungi dunia moden yang semakin berkembang.

Walaupun mendapat cemuhan dan diskriminasi setelah menghadapi gangguan emosi dan tingkah laku, mereka masih meneruskan kehidupan harian mereka dengan menjalani hubungan dengan kawan-kawan dan membuat sumbangan terhadap masyarakat.

Bunuh diri adalah penyebab kematian yang ketiga. Penyalahgunaan dadah merupakan masalah global yang kian meningkat. Akibat kanak-kanak terdedah dalam kancah peperangan atau menjadi mangsa malapetaka menjadikan mereka mengalami stress. Gangguan pemakanan juga telah menjadi lebih kerap dalam semua masyarakat dan budaya.

OBJEKTIF

* Untuk bersama komuniti lain di seluruh dunia meraikan Bulan Kesihatan Mental dan membuktikan Negara Brunei Darussalam merupakan ahli masyarakat antarabangsa

yang bertanggungjawab dan berwawasan serta mengambil berat mengenai kesihatan mental rakyatnya.

* Untuk memberikan maklumat kepada masyarakat tempatan kepentingan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja serta kesedaran mengenai penyakit mental yang dihidapi oleh kanak-kanak dan remaja.

* Untuk memberikan panduan kepada ibu/bapa penjaga kanak-kanak dan remaja serta guru-guru di semua peringkat mengenai kesihatan mental dan gangguan emosi serta tingkah laku. Panduan ini boleh membantu mereka menjaga kanak-kanak dan remaja mereka sebaik mungkin serta menyokong perkembangan kesihatan mental mereka. Panduan ini juga membolehkan mereka mengenal pasti kanak-kanak dan remaja yang mengalami gangguan mental dan mendapatkan rawatan serta bantuan untuk mereka.

* Memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kemudahan bagi merawat kanak-kanak dan remaja di negara ini yang menghidap gangguan emosi dan tingkah laku.

Masalah gangguan mental di kalangan kanak-kanak dan remaja boleh menyebabkan:

- * Gagal dalam persekolahan.
- * Masalah konflik dalam keluarga.

- * Bertindak ganas dan terlibat dalam jenayah.
- * Penyalahgunaan dadah.
- * Membunuh diri.
- * Mencederakan diri sendiri.
- * Penderaan.

Penyebab-penyebabnya:

DARI SEGI BIOLOGICAL

- * Keturunan.
- * Ketidakseimbangan bahan-bahan kimia dalam badan.
- * Kerosakan pada sistem pusat saraf.

DARI SEGI PERSEKITARAN

- * Pendedahan pada pencemaran persekitaran misalnya pembuangan bahan-bahan toksik yang tidak mengikut cara yang betul.
- * Pendedahan pada keganasan di rumah dan di sekolah.
- * Tekanan yang berhubung kait dengan kemiskinan, pengabaian dan lain-lain.
- * Kehilangan seseorang yang penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak atau remaja berkenaan, misalnya kematian, penceraihan atau perpecahan keluarga.

Kesihatan mental dan gangguan emosi

Perkhidmatan Jabatan Psikiatri

SUMBANGAN HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)



PERANAN IBU BAPA DAN PENJAGA DALAM MENANGANI MASALAH-MASALAH BERKENAAN

- * Menggalakkan kanak-kanak atau remaja yang bermasalah meluahkan masalah mereka.
- * Memahami perasaan mereka dengan tidak memberikan kritikan.
- * Bersabar dan toleransi apabila mereka memberitahu masalah mereka berulang kali.
- * Biar mereka tahu yang awda akan tetap memberikan sokongan dan pertolongan bila-bila masa mereka memerlukan.
- * Tenangkan mereka dan terangkan yang itu bukan kesalahan mereka.
- * Beri perhatian pada setiap aktiviti mereka.

BILA MASA YANG SESUAI UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN PROFESIONAL

Sekiranya kanak-kanak atau remaja berkenaan memperlihatkan tanda-tanda seperti berikut:

- * Mengasingkan diri dari keluarga, rakan sebaya dan masyarakat.
- * Kemerosotan dalam penumpuan pembelajaran.
- * Merasa takut meninggalkan rumah ataupun membuat aktiviti yang biasa ia lakukan sebelumnya.
- * Pengurangan aktiviti sosial.
- * Terganggu dengan perasaan-perasaan bersalah, ketakutan dan kesedihan.
- * Keengganan ke sekolah.

BAGAIMANA CARA MENGHUBUNGI KAMI?

Sekiranya biskita ingin mendapatkan perkhidmatan Jabatan Psikiatri, sila hubungi melalui talian telefon 2242424 sambungan 427/625/432 atau boleh terus datang ke Jabatan Psikiatri pada waktu pejabat dari jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari, 1.30 petang hingga 4.30 petang. Tempat: Jabatan Psikiatri, Hospital RIPAS, Bandar Seri Begawan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama lawat tapak projek di Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 29 Disember 2005. - Siri lawatan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad ke tapak-tapak projek jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (KPSSU) di Daerah Tutong untuk mengetahui kedudukan operasi-koperasi secara dekat, di samping ingin mengetahui kemusykilan-kemusykilan yang dihadapi oleh pihak-pihak koperasi terutama mengenai aktiviti-aktiviti yang mereka jalankan.

Malah semua yang disaran dan disampaikan semasa lawatan tersebut akan ditangani oleh kementerian berkenaan dalam usaha membantu koperasi-koperasi di negara ini untuk lebih berkembang maju.

Setakat ini koperasi-koperasi yang terbabit berkembang dari awal-awal penubuhannya sejak dulu hingga sekarang, malah pertumbuhan bilangan ahli-ahlinya, pertambahan aktiviti-aktiviti dan juga pertambahan dari segi modal serta saham-saham yang ada di koperasi.

Perkara ini dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Awang Haji Mohd. Zain menyatakan salah satu faktor yang perlu diperbaiki adalah untuk menambahkan lagi kegiatan-kegiatan koperasi seperti kedai-kedai runcit, di samping berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti supaya ahli-ahlinya dapat terus membeli di kedai-kedai koperasi terbabit.

Mengulas empat siri lawatan ke daerah ini sebelumnya dan yang kelima hari ini, Awang Haji Mohd. Zain menyatakan salah satu faktor yang perlu diperbaiki adalah untuk menambahkan lagi kegiatan-kegiatan koperasi seperti kedai-kedai runcit, di samping berusaha meningkatkan aktiviti-aktiviti supaya ahli-ahlinya dapat terus membeli di kedai-kedai koperasi terbabit.

Atur cara lawatan kerja

Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama bermula dengan meninjau lebih dekat Koperasi Kampong Keriam Dengan Tanggungan Berhad (KKKDTB).

Koperasi yang didaftarkan sejak 6 April 1976 bergiat aktif dalam perusahaan pasar raya, penyediaan perkhidmatan stesen minyak, perkhidmatan pengangkutan, di samping aktif dalam penyewaan bangunan dan perkhidmatan insurans serta menjadi penjual alat-alat ganti.

Melalui keramaian 194 ahli KKKDTB mempunyai modal saham sebanyak \$383,822.49, di samping jumlah harta keseluruhan sebanyak \$772,709.55 dengan mempunyai 18 orang pekerja terdiri 12 pekerja tempatan dan enam pekerja asing.

Rombongan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama kemudian meneruskan lawatan ke Syarikat Kerjasama Persatuan Ikatan Melayu Kampong Telisai (PRIMET) DTB.

Syarikat kerjasama yang aktif dalam perniagaan dan perusahaan kedai runcit, perkhidmatan bas sekolah dan penyewaan bangunan

serta restoran mula didaftarkan pada 6 April 1978.

Modal saham dalam syarikat kerjasama ini terdiri daripada perusahaan kedai runcit sebanyak \$42,206.00 dengan bilangan ahli seramai 206 orang; penyewaan bangunan berjumlah \$146,580.00 dengan keahlian seramai 135 orang dan perkhidmatan bas sekolah sebanyak \$122,950.00 dengan keramaian ahli 86 orang serta modal perusahaan restoran sebanyak \$55,650.00 dengan keahlian 94 orang.

Yang Berhormat juga meninjau Tapak Telisai Fasa II, 459 hektar bagi ternakan udang dalam sangkar. Jabatan Pertanian; Twinwood Klin Dry Treatment Industries, Sabli Food Industries Companies dan Sandy Marketing.

Turut serta dalam siri lawatan kelima ialah Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah berserta pengarah-pengarah jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad semasa melawat sebuah koperasi. Foto: Halim Haji Sulaiman.

Penghadan pembelian minyak langkah optimistik, betul

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin aliddin.moktal@information.gov.bn

KUALA LURAH, 8 Januari. - Bahagian Tenaga di Jabatan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa bermula pada 1 Januari 2006 yang lalu, semua pemandu atau pemilik kenderaan dan pengguna hanya dibenarkan membeli gasolin atau diesel dalam jumlah yang terhad.

Pada sebahagian kes, pembelian minyak hanya dihadkan kepada pemegang kad pengenalan Negara Brunei Darussalam dan syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama orang ramai dan pengguna, melihat arahan-arahan terbaru itu sebagai langkah optimistik dan betul bagi menjaga hasil bumi negara ini terus mengalir keluar ke negara asing.

Langkah tersebut menurut mereka bukan saja mengurangkan pengeluaran ke luar sumber-sumber subsidi itu ke negara-negara asing, tetapi juga menghalang orang asing mengambil kesempatan dalam menikmati subsidi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang hanya dikhususkan kepada penduduk tempatan di negara ini.

Di samping itu juga yang lebih penting membantu pihak kerajaan dalam melindungi kekayaan negara.

Dengan adanya kawalan yang digariskan oleh pihak kerajaan itu diharapkan akan dapat mengurangkan

pengaliran sumber minyak di negara ini keluar ke negara asing. Di samping itu dengan adanya arahan terbaru dari Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri itu juga akan dapat mematahkan cubaan penyeludupan minyak ke negara jiran dapat dibendung.

Arahan-arahan baru ini merupakan langkah yang betul memandangkan kepada kerugian yang dialami oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hasil daripada penyeludupan minyak ke negara asing.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dalam siaran akhbarnya mendapati peningkatan penjualan minyak-minyak kenderaan terutamanya jenis diesel yang melonjak dari tahun lepas.

Menurut arahan tersebut penjualan minyak mengikut isipadu telah melonjak sehingga 63 peratus bagi sebahagian stesen dan pelanggan-pelanggan bagi stesen-stesen ini rata-rata antara 25 hingga 30 peratus adalah datang dari luar negara.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa jumlah subsidi yang dihulurkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga meningkat kepada B\$178

juta iaitu peningkatan sebanyak 144 peratus dari tahun lepas yang hanya berjumlah kira-kira B\$73 juta sahaja. Ini menunjukkan perbezaan kenaikannya ialah B\$105 juta.

Yang Berhormat menambah, terdapat perbezaan harga pam di negara ini dengan harga pasaran sebenar bagi minyak-minyak ini dan ini telah menyebabkan berlakunya penyeludupan keluar negara.

Ekoran dari pengumuman yang dibuat oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri mengenai arahan-arahan terbaru itu, pihak PELITA BRUNEI membuat tinjauan ke stesen-stesen minyak yang berdekatan dengan sempadan negara bagi menyaksikan aktiviti-aktiviti mereka dan semasa tinjauan itu beberapa buah kenderaan asing ke negara ini mengambil kesempatan terhadap minyak yang murah di Negara Brunei Darussalam dengan membawa bekas untuk diisi dengan petrol atau diesel dengan alasan sebagai 'spare' di jalanan dan jika kehabisan minyak bolehlah digunakan, kata mereka.

Menurut pelanggan dari Malaysia yang kebetulan

hendak balik ke Kota Kinabalu selepas dari Miri dan singgah di Stesen Minyak Badan Tanmiah di Kuala Lurah untuk mengisi minyak kenderaannya, bahawa harga minyak di negara ini jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga minyak di tempat mereka.

Menurut penjaga atau penjual minyak di kawasan itu, lebih 30 buah kenderaan luar negara datang ke stesen minyak ini untuk mengisi kenderaan mereka setiap hari.

Cuba kita fikirkan dalam masa lima tahun dengan jumlah subsidi yang berterusan, berjuta-juta wang Negara Brunei Darussalam akan terbazir yang boleh dilaburkan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan negara bagi kepentingan rakyat Brunei.

Dengan adanya arahan-arahan baru itu sokongan dari semua pihak adalah amat perlu bagi memastikan kejayaan perlaksanaannya berjalan dengan lancar terutamanya pentadbir stesen-stesen minyak memainkan peranan utama dalam memantau pengendalian gasolin yang diamanatkan kepada mereka.

Ralat

STATISTIK orang yang baru dijangkiti HIV dalam 2005 di bawah tajuk, ANGGARAN SEDUNIA MENGENAI WABAK HIV & AIDS DI PENGHUNG JUNG 2005, di muka surat 3 keluaran 11 Januari lepas sebetulnya ialah jumlah 4.9 juta; orang dewasa 4.2 juta; kanak-kanak 0.70 juta. - *Ketua Unit Produksi.*

SUKAN

DYTM kekal Presiden BDNOC 2006 - 2008

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 7 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah kekal menjadi Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) sesi 2006 - 2008.

Pemilihan Duli Yang Teramat Mulia itu dilakukan semasa Mesyuarat Agung BDNOC di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini.

Timbalan Presiden BDNOC disandang oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Tiga daripada empat Naib Presiden BDNOC pula diisikan dengan muka baru dan hanya mengekalkan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat. Tiga muka baru yang menjawat Naib Presiden ialah Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Matassan, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad dan Haji Rosli bin Mohiddin.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol menyandang

jawatan Setiausaha Agung manakala Penolong Setiausaha Agung disandang oleh Pengiran Anak Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim.

Jawatan Bendahari pula disandang oleh Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Haji Bahar.

Setakat ini sejumlah 35 buah Persatuan Sukan Kebangsaan telah berdaftar di bawah naungan BDNOC.



PRESIDEN Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC), DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.



NAIB Presiden, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Matassan.



NAIB Presiden, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad.



NAIB Presiden, Awang Haji Rosli bin Mohiddin.

Kematangan, kecekapan, kecerdasan, kekuatan sesebuah organisasi

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 30 Disember 2005. - Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin berkata, kekuatan sesebuah organisasi bergantung kepada kematangan, kemampuan dan kecekapan serta kecerdasan setiap individu yang menganggotainya.

Justeru itu, katanya, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) tidak terkecuali di dalam hal tersebut.

Yang Dimuliakan berkata demikian semasa merasmikan Kejohanan Olahraga Antara Cawangan PDB Tahun 2005 di Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini.

Yang Dimuliakan berkata, PDB setakat ini telah

berkemampuan menghasilkan ramai individu yang mempunyai ciri-ciri yang telah beliau gariskan, namun ciri-ciri tersebut hendaklah dipertahankan dan sentiasa dipertingkatkan.

PDB akan menjadi kuat dan menempa kecemerlangan jika anggota-anggotanya sihat dari segala sudut, bersatu di dalam melaksanakan agenda yang teres, di samping mempunyai semangat berpasukan yang tinggi yang tersemat dan disuburkan dalam hati setiap anggota pasukan, kata Yang Dimuliakan.

Ke arah itu Yang Dimuliakan menegaskan bahawa keadaan masa kini menghendaki anggota PDB untuk lebih profesional menangani dan menyahut

'expectation society' yang kian meningkat dalam menghadapi atau menjalankan undang-undang yang sentiasa berubah ataupun bertambah sejajar dengan keadaan masyarakat masa kini.

Untuk menghadapi semua cabaran tersebut anggota PDB memerlukan kecergasan fizikal yang mantap bagi membenarkan mereka menghadapinya dengan baik dan kemas, jelas Yang Dimuliakan.

Kerana itu, tambahnya anggota PDB memerlukan latihan jasmani yang teratur dan berterusan walaupun itu merupakan suatu pencapaian individu, di samping ianya penting bagi kesihatan yang secara tidak langsung meningkatkan lagi

kecekapan dan mutu profesionalisme PDB.

Menyentuh mengenai semangat perpaduan dalam PDB melalui acara sukan, Yang Dimuliakan berpendapat ianya boleh meningkatkan kerjasama di kalangan pegawai dan anggota PDB.

Menggalakkan anggota polis bersukan, Yang Dimuliakan menekankan boleh menjadi salah satu strategi pasukan bagi menangani masalah obesiti dan pada dasarnya di peringkat kepimpinan perkara ini adalah menjadi satu kemestian dan program-program sukan telah dirancang sama ada di peringkat daerah mahupun ibu pejabat melalui Majlis Sukan PDB.

Dalam hubungan ini Yang Dimuliakan berharap agar semua ketua-ketua formasi supaya memastikan program-program yang telah dan akan disediakan berjalan dengan efisien di semua peringkat serta menjadi harapan agar ianya dilaksanakan dengan sempurna demi mencapai matlamat yang dituju.

Sukan yang diadakan setiap dua tahun itu dibagikan kepada dua acara iaitu acara trek dan padang.

Majlis pembukaan pagi itu dimulakan dengan Majlis Menaikkan Bendera Kejohanan Olahraga diikuti menyalakan obor sukan yang dibawa oleh WPC 4901 Noraisah Haji Aji.

Manakala ikrar sukan dipimpin oleh P/ASP Haji Mohd. Khairul Amilin dan seterusnya diikuti persembahan Pancaragam PDB.



PENGURUS Kelab Bolasepak DPMM, Awang Haji Eady menerima dokumen perjanjian daripada seorang penaja. - Foto : Samle Haji Jait.

Kelab Bolasepak DPMM, lima syarikat tempatan tandatangan perjanjian

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 13 Januari. - Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Kelab Bolasepak DPMM bersama penaja-penaja tempatan telah diadakan di sebuah hotel di sini.

Kelab Bolasepak DPMM menerima tajaan berbentuk kewangan, tiket penerbangan dan penginapan daripada lima buah syarikat tempatan sebagai sokongan mereka kepada pasukan berkenaan yang bersaing dalam kancah Liga Perdana Malaysia 2005 - 2006.

Majlis Menandatangani Perjanjian di antara kelab berkenaan bersama penaja-penaja telah disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila

Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Kelab Bolasepak DPMM telah diwakili oleh Pengurus Kelab, Awang Eady Shardi dan Pegawai Pemasarannya, Awang Haji Momin.

Majlis bermula dengan penandatanganan Syarikat Sri Sentosa yang diwakili oleh Pengarah Urusannya, Pengiran Anak Basheer dan Francis Loo.

Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Sendirian Berhad diwakili oleh Pengurus Penjualan, Awang Haji Rozman Haji Junaidi

dan Abd. Nasir Bolhassan, sementara Syarikat Maju Motor telah diwakili oleh Chan Key Hung dan Chan Fui Ying.

Awang Haji Marsad Haji Ismail dan Radin Sufri Radin Baswani menandatangani bagi pihak DST Communications Sendirian Berhad, sementara Narayan Kutty dan Ted Teo mewakili bagi pihak Riverview Hotel.

Pegawai Pemasaran Kelab Bolasepak DPMM, Awang Haji Momin melancarkan penghargaan kepada para penaja berkenaan sambil menyifatkan sumbangan itu merupakan sokongan dan kerjasama yang positif bagi membantu perkembangan pasukan berkenaan yang sedang beraksi dalam kancah Liga Perdana Malaysia.

Cawangan A muncul juara Kejohanan Olahraga Antara Cawangan PDB

BERAKAS, Jumaat, 30 Disember 2005. - Cawangan A Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) muncul sebagai johan di Kejohanan Olahraga Antara Cawangan Pasukan PDB Ke-XXV 2005.

Cawangan A memungut 15 pingat emas, 16 perak dan 20 gangsa secara langsung menyingkirkan saingan terdekat mereka Cawangan C yang memungut 14 pingat emas, 12 perak dan 13 gangsa menduduki tempat kedua dari lima buah pasukan yang bertanding.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan Cawangan B setelah memungut 14 pingat emas,

11 perak dan 12 gangsa.

Pelari jarak jauh negara, Sefli Ahar muncul sebagai olahraga terbaik yang mewakili Cawangan B dengan mencipta dua rekod baru di kejohanan ini bagi acara 1,500 dan 5,000 meter.

Sementara Alinawati Aliakbar muncul sebagai olahragawati terbaik setelah mencipta rekod baru dalam acara buang peluru sekali gus menerima pingat emas yang diperolehinya dalam acara lari pecut 100 meter, manakala dalam acara lempar cakera beliau hanya menerima pingat perak.

Inspektor Haji Syawal muncul sebagai olahraga

veteran terbaik setelah berjaya mengutip dua pingat emas masing-masing dalam acara 200 dan 400 meter, di samping pingat gangsa bagi acara lempar lembing.

Olahragawati veteran terbaik telah diperolehi oleh Staf Sarjan Hajah Asmah apabila unggul dalam dua acara iaitu 100 dan 200 meter.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin yang berlangsung di Stadium Negara Hassan Bolkiah di sini.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin menyerahkan piala kepada wakil Cawangan A yang menjuarai kejohanan. - Foto : Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah. Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Kebawah DYMM berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha

OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM

dayang.kasim@information.gov.bn

DAN BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

bolhassan.bakar@information.gov.bn

KIARONG, Rabu, 11 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai ribuan umat Islam menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, dekat ibu negara di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba baginda berserta kerabat-kerabat diraja

dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1426 Hijrah.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha telah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Dalam Khutbah Pertama Hari Raya Aidiladha yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin telah menyentuh mengenai peristiwa dan kelebihan ibadah korban, sementara khutbah kedua menggesa rakyat dan penduduk di negara ini supaya taat kepada pemimpin khususnya raja.

Sebelum berangkat meninggalkan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, baginda berserta ahli kerabat diraja telah berkenan menerima junjung ziarah para jemaah.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha juga dilangsungkan serentak di semua masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

UBD berperanan melaksanakan perancangan strategik, program bersepadu hasilkan pembangunan sumber tenaga manusia

OLEH REFA'AH ALI OSMAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (UBD) semasa bersabda di Majlis Pelancaran Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 Tahun.

RIMBA, Sabtu, 14 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersabda menegaskan bahawa UBD berperanan sebagai salah satu agensi penting dalam melaksanakan perancangan strategik dan program-program secara bersepadu untuk menghasilkan pembangunan sumber tenaga manusia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, kejayaan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara sebahagian besarnya adalah bergantung kepada sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan dan mempunyai kemahiran jati diri yang tinggi.

Adalah dihasratkan, sabda DYT, senario proses pembangunan negara diwarnai dengan ciri-ciri positif seperti pembangunan sumber tenaga manusia seimbang dengan kehendak atau keperluan perkembangan ekonomi; bilangan

dan kualiti usahawan tempatan meningkat dan berjaya meraih peluang-peluang yang terserlah; kadar pengangguran sentiasa di tahap yang rendah; tenaga kerja meneroka inisiatif dan insentif yang menggalakkan atau mendukung proses perkembangan ekonomi; tenaga kerja sentiasa peka terhadap peluang-peluang dan tidak bersandarkan kepada budaya makan gaji semata-mata.

Ke arah itu, sabda DYT, negara memerlukan anak-anak tempatan yang mempunyai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam semua disiplin supaya proses pembangunan negara termasuk bidang pentadbiran, pengurusan, perniagaan, sains dan teknologi dapat ditangani dengan efektif.

"Sejauh ini, UBD telah berupaya mengeluarkan lebih 8,800 graduan dalam berbagai disiplin ilmu sesuai dengan hasrat awal untuk menyediakan keperluan tenaga manusia di Sektor Perkhidmatan Awam dan swasta dalam sama-sama mendukung pembangunan negara," sabda DYT di Majlis Pelancaran Sambutan Penu-

buhan UBD Ke-20 Tahun yang berlangsung di Dewan Canselor UBD di sini pagi ini.

Selubungan dengan itu, DYT mengambil maklum bahawa UBD kini mempunyai seramai 3,600 mahasiswa berbanding 176 orang pada pengambilan sulungnya yang mana tenaga akademik tempatan lebih separuh dari keseluruhan tenaga akademik UBD adalah satu pencapaian yang positif.

Pencapaian tersebut, menurut DYT, adalah sumbangan yang sangat bermakna kepada pembangunan negara di mana UBD hendaklah sentiasa memandang jauh ke hadapan dengan berusaha meningkatkan kualiti dan prestasinya dengan mengemaskinikan dan mengkaji semula program-program pengajian yang ditawarkan itu selaras dengan perkembangan semasa, relevan dan 'marketable' bukan hanya dalam negara, malah juga layak diketengahkan ke pasaran tenaga kerja serantau dan antarabangsa.

Menurut DYT, dalam masa yang sama, bidang Penyelidikan Terapan atau Applied Research juga perlu dipertingkatkan bagi mendukung perkembangan industri kecil dan sederhana (SMEs) sekali gus membantu pembangunan daya saing produk tempatan.

"Penglibatan anak-anak tempatan sebagai pelopor dalam melaksanakan penyelidikan dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh negara, di samping memajukan program-program di peringkat lepasan ijazah, setentunya akan memantapkan lagi kewibawaan dan imej UBD sekali gus menyumbang kepada proses pembangunan negara," sabda DYT.

Justeru itu, sabda DYT, bidang penyelidikan tersebut merupakan sukut-sukat dalam menilai kejayaan sesebuah universiti di mana penglibatan pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan dapat mengemanglaskan program pengajian, di samping memberikan sumba-

ngan berbentuk dana khusus atau tajaan bagi menggalakkan keberhasilan program sesebuah institusi pengajian tinggi.

"Dalam masa yang sama, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta juga diharapkan akan dapat memanfaatkan secara optima kemudahan dan kepakaran yang terdapat di UBD terutama dalam bidang penyelidikan," sabda DYT mengharapkan.

Menyentuh mengenai moto UBD 'Ke Arah Kesempurnaan Insan', Duli Yang Teramat Mulia bersabda agar ia benar-benar dapat melahirkan insan yang sempurna, bukan hanya berilmu pengetahuan, tetapi mempunyai akhlak, keperibadian dan akidah yang kukuh.

"Hasrat ini boleh dicapai jika kursus wajib iaitu 'Melayu Islam Beraja' yang diajarkan secara berkesinambungan, insya-Allah akan dapat menjadi benteng atau utap supaya ahli intelektual kita tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak diingini."

Inilah kelebihan dan keunikan UBD berbanding dengan lain-lain pusat pengajian tinggi di dunia di mana graduan diharapkan dapat menghayati falsafah MIB yang mempunyai ciri-ciri 'kebrucian', tatatertib, beradab istiadat, berilmu, bertakwa, di samping berpadanan luas dalam menghadapi cabaran globalisasi," sabda DYT lagi.

Terdahulu, DYT bersabda, Sambutan Penubuhan UBD Ke-20 ini, merupakan satu 'milestone' penting sebagai institusi pengajian tertinggi di negara ini yang mana pengalaman dan pencapaian yang diperolehi sejak penubuhannya telah mendewasakan UBD.

Sambutan hari ini, sabda DYT, digunakan selayaknya oleh ahli akademik dan pentadbir dalam menilai kemampuan UBD sesuai dengan visinya iaitu untuk 'Menjadi Sebuah Universiti Antarabangsa Terunggul Dengan Beridentitikan Kebangsaan Yang Tersendiri'.

Lawatan kerja DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke Kementerian Kewangan

JALAN KEBANGSAAN, Selasa, 17 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri hari ini berangkat memulakan siri lawatan kerja di tahun 2006 ke Kementerian Kewangan di Commonwealth Drive.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agak; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Ali, Dato Paduka Awang Haji Metassan dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Awang Haji Mohd. Rozan serta pegawai-pegawai kementerian berkenaan.

Hadir sama Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk bergambar ramai dan menandatangani buku lawatan serta berkenan menerima pesambah.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung berangkat ke Bilik Mesyuarat disembahkan taklimat oleh Dato Paduka Awang Haji Ali yang antara lain menyentuh struktur organisasi dan fungsi serta peranan Kementerian Kewangan.

Sesi sembah taklimat tersebut diadunai dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat melawat Pejabat Menteri Kewangan II dan Pejabat Setiausaha Tetap serta Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap.

Selepas itu Duli Yang

Teramat Mulia dijunjung berangkat ke Bahagian Penyelidikan dan Antarabangsa; Bahagian Perbelanjaan dan Pejabat Sub Treasury; Bahagian Lembaga Tawaran Negara; Bahagian Pentadbiran dan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung ke Bahagian Institusi Kewangan dan Bahagian Hasil.

Di sebelah tengah hari Duli Yang Teramat Mulia berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Kementerian Kewangan sebelum berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Dewan Persidangan Antarabangsa.

Di majlis santap itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima sumbangan daripada seluruh warga Kementerian Kewangan berjumlah \$8,000.00 kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang disembahkan oleh Menteri Kewangan II.

Setelah itu Duli Yang Teramat Mulia dijunjung merasmikan pembukaan Galeri Matawang, Lembaga Matawang dan Monetari Brunei dan seterusnya melawat ke bahagian-bahagian di lembaga itu.

Keberangkatan lawatan kerja ini membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kementerian itu selaras dengan visinya untuk mewujudkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik.

Lawatan itu merupakan kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan agensi-agensi kerajaan akan sentiasa peka dan responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam sama-sama menaati aspirasi negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri disembahkan penerangan ketika berangkat melawat ke Bahagian Hasil semasa keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia ke Kementerian Kewangan. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

MENINGKATKAN PROFESIONALISME PERKHIDMATAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

دربیتکن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراچان، جباتن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



SALAH satu pondok Metro Parking (B) Sendirian Berhad sedang beroperasi yang terletak di bekas tapak Jabatan Kerja Raya.

SEPULUH buah kawasan letak kereta baru kini diperkenalkan kepada orang ramai oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) sebagai usahanya menambah petak letak kereta bagi para pengunjung ke ibu kota.

Kesemua 10 buah kawasan letak kereta baru itu diswastakan oleh jabatan berkenaan kepada Metro Parking (B) Sendirian Berhad dengan kadar bayaran 50 sen setiap setengah jam.

Pihak Metro Parking juga memperkenalkan sistem langganan bulanan kepada mereka yang berminat dengan dikenakan bayaran \$85.00 sebulan serta bayaran cagaran \$50.00 dikenakan bagi keperluan kad pengguna.

Namun pihak Metro Parking juga menyediakan kadar istimewa sebanyak \$50.00 sebulan bagi tempat-tempat letak kereta tertentu seperti di kawasan tapak Kastam dan Eksais Diraja dan Dermaga Kastam, akan tetapi permohonannya adalah terhad.

Setiap kawasan letak kereta baru itu pengguna hanya perlu mengambil tiket dari mesin khas dan hanya membuat pembayaran ketika hendak meninggalkan kawasan berkenaan di kaunter pembayaran tempat keluar.

10 kawasan baru itu ialah Tambatan Penumpang Jalan McArthur; bekas tapak Kastam dan Eksais Diraja, Dermaga Kastam, bekas tapak Jabatan Kerja Raya, Dewan Bandaran Jalan Elizabeth II; Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Dewan Majlis, Jalan Kianggeh; Residency I, II dan III di Jalan Residency.

Walaupun bagaimanapun, sistem caj tiket yang lama masih lagi dikekalkan oleh jabatan berkenaan di beberapa kawasan dan jalan di ibu negara dan berharap ia dipatuhi dengan menjelaskan caj tiket yang dikenakan.

Menurut jabatan berkenaan, melalui

pengenalan 10 kawasan letak kereta baru yang diswastakan, akan dapat menyelesaikan sebahagian dari kekurangan letak kereta di ibu negara khasnya di hujung minggu dan cuti awam di mana para pengunjung selalunya bertambah dengan tujuan tertentu.

Di samping itu pihak Jabatan Bandaran BSB juga berharap dapat mengurangkan bilangan pemilik kenderaan yang tidak menjelaskan bayaran letak kereta dengan sistem lama di mana setakat ini terdapat jutaan ringgit tunggakan caj letak kereta yang belum diselesaikan oleh orang ramai.

Ketika wakil PELITA BRUNEI membuat tinjauan ke beberapa kawasan letak kereta berkenaan, orang ramai mendapati ia selesa dan mudah digunakan tetapi sebahagian pengguna menyuarakan supaya pihak Jabatan Bandaran BSB memperkenalkan lebih banyak kawasan seumpama itu dan dilengkapi dengan kawalan keselamatan bagi mengelakkan kes-kes jenayah curi dan merosak kenderaan.

Mereka berpendapat sistem tersebut mungkin sesuai diperkenalkan kerana orang ramai merasa terjamin keselamatan kenderaan mereka walaupun caj tiket mungkin mahal sedikit daripada biasa.


PIHAK Jabatan Bandaran BSB juga berharap dapat mengurangkan bilangan pemilik kenderaan yang tidak menjelaskan bayaran letak kereta dengan sistem lama di mana setakat ini terdapat jutaan ringgit tunggakan caj letak kereta yang belum diselesaikan oleh orang ramai.

10 KAWASAN LETAK KERETA DI BSB DISWASTAKAN

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn
FOTO: MOHD. ZUL-IZZI HAJI DURAMAN



JABATAN Bandaran Bandar Seri Begawan berharap langkah penswastakan dapat menyelesaikan kekurangan letak kereta di ibu negara khususnya di hujung minggu dan cuti awam.



BELIA PERLU BERDIKARI

Elakkan pengangguran, terokai perusahaan kecil dan sederhana

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

PENGANGGURAN merupakan isu yang dihadapi oleh semua negara di dunia. Bezanya cuma dari segi tahap dan kadarnya sahaja, sama ada di peringkat serius atau sebaliknya. Atas alasan apa pun pengangguran akan sentiasa bertambah, seiring pertambahan penduduk sesebuah negara selain disebabkan pelbagai faktor lain.

Faktor-faktor penyebab wujudnya pengangguran itu termasuklah sikap masyarakat terlalu memilih pekerjaan, kekurangan peluang-peluang pekerjaan, kelayakan atau kemahiran yang tidak sesuai dengan pasaran kerja, sikap malas berusaha dan sebagainya.

Meskipun mereka yang menganggur terdiri dari pelbagai peringkat umur tetapi sering dikaitkan dengan para belia kerana ramainya lepasan sekolah yang tidak mempunyai pekerjaan.

Umum menyedari bahawa pengangguran perlu diatasi kerana ia boleh menyebabkan berlakunya pelbagai masalah seperti bertambahnya golongan miskin dan meningkatnya gejala sosial di kalangan masyarakat.

Semua ini boleh menggugat kestabilan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Pihak kerajaan terpaksa memperuntukkan belanja yang besar untuk membantu golongan tersebut sekali gus menangani permasalahan yang timbul daripadanya.

Walaupun tahap pengangguran di negara ini belum begitu serius tetapi usaha menanganinya perlu diteruskan secara lebih mantap dan berkesan. Pihak kerajaan sememangnya memberikan perhatian utama kepada isu ini dan akan terus mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk menanganinya.

Bagaimanapun tugas menangani isu ini tidak seharusnya dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan semata-mata, tetapi hendaklah dipikul bersama secara

bersepadu oleh pelbagai pihak termasuk sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat umumnya.

Sikap memilih kerja, tanggapan para majikan terhadap pekerja tempatan, perancangan dan peranan kerajaan serta keupayaan sektor swasta dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan telah beberapa kali disentuh dalam ruang ini pada masa yang lepas. Kali ini kita akan fokuskan pula kepada 'belia berdikari' sebagai salah satu usaha mengatasi pengangguran.

BELIA

Belia sering diuar-uarkan sebagai aset penting dan generasi penerus kepimpinan masa hadapan sesuai dengan ungkapan 'pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara'. Pada masa yang sama belia juga sering dicemoi kerana sebilangan mereka terlibat dengan pelbagai gejala sosial.

Pada hakikatnya belia atau remaja itu jika terpingin merupakan golongan yang bertenaga, bersemangat, kreatif, inovatif, kritis, dinamik, ingin kepada kemajuan dan perubahan serta bermacam-macam lagi potensi yang mereka miliki.

Golongan remaja atau belia ditakrifkan sebagai mereka yang dalam lingkungan umur selepas

zaman kanak-kanak dan sebelum memasuki usia dewasa. Umumnya mereka yang berusia 15 ke 25 membawa ke 30 tahun.

Ia juga ditakrifkan sebagai mereka yang sudah baligh hingga berumur sekitar 25 tahun. Ini menepati syariat Islam yang mewajibkan perlaksanaan Rukun Islam seperti sembahyang, puasa dan lain-lain ibadat.

Definisi di atas menyamai takrif 'belia' menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PPB) iaitu antara 16 hingga 25 tahun.

Peringkat remaja belia merupakan tahap transisi dari alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Peringkat ini sangat kritikal dalam kehidupan individu. Pada peringkat ini mereka terlibat dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi kehidupannya di masa hadapan.

Tanpa bimbingan yang mantap, keputusan dan hala tuju yang akan mereka ambil boleh mempengaruhi kehidupan dewasa mereka kerana ketika itu mereka terdedah kepada pelbagai gejala dan ideologi yang bukan mudah bagi mereka untuk menghadapi dan menangkisnya.

Di tahap ini mereka menghadapi pelbagai kemungkinan yang boleh membawa kepada kegagalan seperti terjebak dengan gejala-gejala sosial yang tentunya akan memudaratkan masa depan mereka.

Seperti yang disebutkan oleh pakar, umumnya para remaja atau belia itu bergolak dalam proses menstabilkan identiti mereka meliputi pandangan, amalan, perwatakan dan sebagainya.

Kefahaman mengenai remaja dan belia mengendaki pendekatan yang mantap untuk membentuk peribadi dan keupayaan mereka. Secara asasnya program-program pembangunan belia hendaklah mantap dan berkesan agar mudah mereka hayati selaras dengan tahap keilmuan, kebolehan dan pengalaman mereka.

BERDIKARI

Selain menyemai kesadaran dan membentuk keperibadian mereka agar menjadi insan yang berakhlak mulia, berjaya dalam pelbagai bidang serta berguna kepada keluarga, bangsa dan negara, mereka juga harus dijurus dan digerakkan untuk memiliki jati diri yang kental.

Dengan keperibadian dan jati diri yang mantap akan menjadikan mereka mampu 'berdikari' tanpa mengharap bantuan dari orang lain. Jika ramai belia-belie yang mampu berdikari maka tentunya ia dapat membantu mengatasi masalah pengangguran di negara ini.

Seperti yang dikatakan di awal tadi, pengangguran berpunca dari pelbagai sebab. Bagi mereka yang masih menganggur maka cara mudah untuk membantu diri sendiri ialah dengan berdikari.

Berusaha dan berdikarilah mengikut minat, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki. Umpamanya jika berminat dalam bidang perniagaan, pertanian, pertukangan, perikanan, pelancongan dan seumpamanya maka mulakanlah secara sederhana atau kecil-kecilan. Apa yang penting mereka perlu berani mencuba.

Selain dari berdikari dengan menggunakan

modal kewangan, sebilangan orang juga mampu memanfaatkan bakat semula jadi, kemahiran dan pengalaman mereka untuk mencari sumber pendapatan.

Sebilangan orang mampu meraih pendapatan melalui kefasihan bercakap umpamanya sebagai pengacara, penceramah bebas, juru atau pakar motivasi dan lain-lain. Ada pula yang berkemahiran dalam pertukangan kraf tangan dari logam, kayu, kain dan seumpamanya.

Industri kotej atau produk kampung sebagai contoh juga berpotensi meraih pendapatan tanpa menggunakan modal yang banyak. Bagi mereka yang belum mendapat pekerjaan bidang ini boleh dikembangkan bersama keluarga.

Satu perkara yang patut kita perhatikan bersama ialah kebanyakan kedai-kedai runcit tidak kira di kawasan-kawasan bandar atau di kampung-kampung pedalaman, hampir keseluruhannya dijalankan oleh orang asing.

Orang asing menggunakan lesen peniaga tempatan dalam perniagaan seperti kedai jahit, restoran, pembinaan, memotong rumput, kedai gunting rambut dan bermacam jenis lagi perniagaan lain.

Perkara ini sepatutnya tidak berlaku jika peniaga tempatan kita tidak memikirkan keuntungan cepat dan mudah. Kita perlu sedar bahawa tabiat 'menyewakan' lesen kepada orang asing tidak akan membantu perkembangan peniaga Melayu di negara ini.

Jika sikap seperti ini berterusan dan berleluasa maka mereka tidak mempunyai modal, tidak mem-

punyai keyakinan diri, tidak mempunyai daya tahan dan daya saing.

KEMAHIRAN

Seperti yang dimaklumi ramai belia-belie kita yang telah menjalani latihan-latihan dan kemahiran-kemahiran di pusat-pusat vokasional baik di dalam mahupun di luar negeri. Ada di antaranya yang berkemahiran di bidang kejuruteraan, mekanik, pembinaan, pendawaian letrik, masakan, menjahit, dandan rambut dan banyak lagi.

Seperti yang disebutkan di atas, sebahagian besar peniaga tersebut ketika ini dijalankan oleh orang asing walaupun sudah berkemahiran dalam bidang ini. Kita ambil sahaja contoh perniagaan bengkel membaiki kenderaan. Berapa ramai orang Melayu yang terlibat dalam perniagaan ini?

Secara rambang, lulusan dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan pusat-pusat kemahiran yang lain khususnya kemahiran di bidang ini sudah mencapai ribuan orang. Ini belum termasuk lulusan bidang yang sama dari luar negeri. Ke mana perginya lulusan-lulusan ini?

Perkara ini patut diam-bil perhatian dan dicari puncanya. Mungkin banyak persoalan yang boleh ditimbulkan dan perlu dijawab. Umpamanya adakah orang katani memangnya lebih suka terus-menerus menjadi pekerja atau 'kuli' kepada orang lain. Ataukah kerana mereka tidak mempunyai modal, tidak mem-

BANTUAN

Mungkin jugaklah disebabkan tidak biasa atau kurang faham mengurus perniagaan. Sebenarnya agensi-agensi kerajaan yang terlibat banyak menyediakan skim-skim bantuan untuk para peniaga terutama pengusaha kecil tempatan.

Bantuan ini termasuklah skim-skim pinjaman kewangan, penyediaan kawasan tapak perniagaan dan industri, bantuan-bantuan teknikal termasuk bantuan-bantuan pengu-rusan syarikat dan seumpamanya.

Para belia terutama yang belum bekerja perlu memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan ini sebaiknya. Adalah lebih baik jika mereka menubuhkan perniagaan atau perusahaan bersama rakan-rakan yang lain.

Khusus bagi para profesional yang menceburi bidang-bidang perniagaan yang mengendaki kemahiran teknikal yang agak canggih, mereka juga boleh mengadakan usaha sama dengan peniaga-peniaga yang sudah berkeupayaan di negara ini atau berkongsi niaga dengan peniaga luar negara untuk mendapatkan kepakaran yang diperlukan.

Berkongsi niaga memang tidak salah tetapi perniagaan 'Ali Baba' atau menyewakan lesen perniagaan kepada orang asing bagi mendapatkan 'sedi-kit' keuntungan secara cepat dan mudah seharusnya dihindarkan kerana akan membantutkan hasrat untuk menjadikan orang Melayu sebagai 'peneraju' sektor perniagaan di negara ini.



MENGEKORI terlalu dekat kereta tanker minyak boleh mengundang berlakunya bahaya jika sesuatu perkara yang tidak diinginkan terjadi.

Dalam rakaman Lensa Pelita memberikan peringatan kepada pengguna agar tidak mengekori terlalu dekat kereta tanker minyak. Jika perbuatan sedemikian berlaku, perbuatan ini mendatangkan bahaya sedangkan di tanker berkenaan terpampang tulisan amaran 'jauhkan jarak anda'.

Para pemandu perlu memberikan perhatian serta peka terhadap perkara ini bagi keselamatan diri anda dan kesemua pengguna jalan raya.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
(Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan dan Teknikal)
Bahagian III

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pemeriksaan kelayakan persendirian, motosikal dan kenderaan perniagaan (tidak termasuk semasa menunggu giliran)	7 minit
2.	Pemeriksaan kenderaan yang melibatkan kemalangan/tangkapan agensi penguatkuasaan	1 hari
3.	Pendaftaran nama syarikat dan pengiktirafan bengkel kenderaan	21 hari
4.	Membaharui sijil pengiktirafan bengkel kenderaan	7 hari

JANGAN LAKUKAN AMALAN BERTENTANGAN DENGAN AGAMA ISLAM

MARILAH kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kini jemaah haji yang berada di Tanah Suci Mekah hampir selesai mengerjakan haji mereka, sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan amalan mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan para jemaah haji beroleh haji yang mabrur, seterusnya kembali ke tanah air dengan selamat, insya-Allah.

Sementara itu kaum keluarga dan sanak saudara jemaah haji yang berada di tanah air pula menunggu-nunggu detik kepulangan mereka ke tanah air dengan penuh rasa syukur dan gembira.

Dalam suasana kesibukan membuat persediaan menyambut ketibaan Dhuyufur Rahman (tetamu Allah) ini perlulah kita sama-sama beringat supaya cara sambutan yang diadakan itu hendaklah berse-suaian dan jangan sekali bercanggah dengan hukum agama kita, kerana sambutan ini adalah sebagai menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas kepulangan mereka dari Tanah Suci Mekah dengan selamatnya, jangan sampai berlaku pembaziran sehingga berlebih-lebihan berbelanja apatah lagi dengan melakukan amalan yang bertentangan dengan ajaran-ajaran agama Islam.

Sebagaimana kelaziman yang dilakukan oleh orang-orang kita Brunei, ada di antaranya yang mendirikan pintu gerbang dan kain rentang yang bertulis dengan kata-kata, 'Semoga Beroleh Haji Yang Mabrur' dan ada pula dengan perkataan, 'Selamat Pulang Ke Tanah Air'. Perbuatan sedemikian jika diniatkan kerana semata-mata untuk memuliakan dan menghormati kedatangan orang-orang haji atau menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wataala, di atas dif-dif Allah itu tidaklah menjadi kesalahan. Tetapi janganlah menganggap perkara itu sebagai suatu dari amalan agama Islam apatah lagi jika ianya dibuat secara membazir kerana membazir itu perbuatan syaitan. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 27 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Di dalam Islam ada diajarkan adab-adab dan di-


galakkan kita melakukannya ketika menyambut kepulangan jemaah haji. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan supaya orang-orang haji itu sendiri apabila ia hendak sampai ke rumah, sunat baginya untuk singgah ke masjid terlebih dahulu dan melakukan sembahyang sunat dua rakaat. Dan apabila sampai ke rumahnya pula, dia bersembayang lagi dua rakaat dan berdoa serta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas selamatnya dia kembali ke pangkuan kaum keluarganya.

Manakala adab bagi orang-orang yang menyambut kedatangan orang-orang haji pula di antaranya ialah:

Pertama: Kita disunatkan untuk bersalaman dan berjabat tangan serta berpelukan, sambil mengucapkan, "Semoga Allah menerima ibadat haji engkau dan mengampunkan dosa engkau serta menggantikan perbelanjaan yang telah engkau keluarkan."

Dalam perkara bersalaman dan berpelukan itu, perlulah diingat bahawa hendaklah di antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan sahaja. Bukan sebaliknya sebagaimana yang pernah didapati ada setengahnya tidak menghiraukan antara lelaki dan perempuan dalam perkara ini. Walaupun yang berpelukan itu di antara keduanya ada hubungan muhrim tetapi adalah tidak manis ianya dilakukan di khalayak ramai, kerana perbuatan sedemikian boleh menimbulkan fitnah, tetapi memadailah dengan bersalaman atau berjabat tangan sahaja.

Kedua: Seeloknya bagi mereka yang menyambut ketibaan orang-orang haji itu meminta kepada orang-orang haji yang balik itu mendoakannya. Sebagaimana hadis dari Ahmad bin Hambal dari Ibnu



Omar Radiallahuanhuma maksudnya: "Apabila engkau bertemu orang haji (yang baru balik haji) maka bersalamlah dengannya dan berjabat tangannya dengannya dan suruhlah dia berdoa memohon keampunan untuk dirimu sebelum dia masuk ke rumahnya, maka sesungguhnya dia itu telah mendapat keampunan Allah Subhanahu Wataala (doanya adalah dimakbulkan). Doa yang dibacakan itu ialah maksudnya: "Ya Allah berikanlah keampunan kepada orang yang mengerjakan haji dan kepada mereka yang dipohon keampunan oleh orang yang haji."

Ketiga: Sunat bagi sanak saudara jemaah haji itu mengadakan walimah (kenduri) secara ala kadar mengikut kemampuan sebagai tanda syukur, bukan kerana menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah.

Demikianlah wahai kaum Muslimin di antara beberapa amalan dan adab bagi orang yang balik dari menunaikan ibadat haji dan orang yang menyambut kedatangan mereka, maka ikutlah panduan tersebut dan janganlah melakukan amalan-amalan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dan tidak diajarkan dalam Islam dengan semata-mata mengikut kebiasaan dan adat resam. Jangan

sampai kita melakukan perkara-perkara yang dianggap bidaah sayyiah atau bidaah dhalalah, yang boleh menyebabkan kita masuk Neraka, nauzubillahi minzalik.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 31 tafsirnya:

"Katakanlah wahai Muhammad, jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu, dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi."

وقت سمبھيڻ، امساڪ، شوروق دان ضھر

وقت ۲ سمبھيڻ، امساڪ، شوروق دان ضحي ٻاڳي دائره بروني دان موارا مولائي دري هاري رابو، 17 ذوالحجه، 1426 برسمان دغن 18 جانوري، 2006 هيڱگ كهاري ثلاث، 23 ذوالحجه، 1426 برسمان دغن 24 جانوري، 2006 اداله سفرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساڪ	صبح	سوروق	ضحى	مسيحي
نوالجه									جانوري
17	12.32	3.54	6.27	7.41	5.03	5.13	6.34	6.59	18
18	12.32	3.54	6.27	7.41	5.03	5.13	6.34	6.59	19
19	12.32	3.54	6.28	7.41	5.03	5.13	6.34	6.59	20
20	12.33	3.54	6.28	7.41	5.03	5.13	6.34	6.59	21
21	12.33	3.55	6.28	7.42	5.04	5.13	6.34	6.59	22
22	12.33	3.55	6.29	7.42	5.04	5.14	6.35	6.59	23
23	12.34	3.55	6.29	7.42	5.04	5.14	6.35	7.00	24

وقت ۲ سمبھيڻ ٻاڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيڻ فرض جمعة دسلوروه نڱارا بروني دارالسلام دمولائي دري فوڪل 12.45 تڏھاري.

DI DALAM Islam ada diajarkan adab-adab dan digalakkan kita melakukannya ketika menyambut kepulangan jemaah haji. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan supaya orang-orang haji itu sendiri apabila ia hendak sampai ke rumah, sunat baginya untuk singgah ke masjid terlebih dahulu dan melakukan sembahyang sunat dua rakaat. Dan apabila sampai ke rumahnya pula, dia bersembayang lagi dua rakaat dan berdoa serta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas selamatnya dia kembali ke pangkuan kaum keluarganya.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

FADILAT SEMBAHYANG SUNAT TASBIH

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan kepada bapa saudaranya bahawa kelebihan Sembahyang Sunat Tasbih itu sangatlah besar sebagaimana hadis Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma yang maksudnya:

"Jika engkau membuat yang sedemikian itu, Allah menghapuskan dosamu, baik yang terdahulu, yang sekarang, yang sudah lama, yang baru, yang tidak di sengaja, yang sengaja, yang kecil, yang besar, yang tersembunyi mahupun yang terang-terangan." (Hadis riwayat Abu Daud).

Menurut Imam Taj As-Subki dan ulama-ulama yang lain, apabila orang telah mendengar kelebihan Sembahyang Sunat Tasbih itu dan ia tinggalkan yakni tidak membuatnya maka ia tergolong daripada orang yang mencuaikan agama.

BOLEHKAH SEMBAHYANG SUNAT TASBIH DIQADA?

Sebagaimana yang dijelaskan terdahulu bahawa Sembahyang Sunat Tasbih adalah sembahyang sunat mutlak yang tidak berkaitan dengan waktu dan sebab dan sunat melakukan di waktu malam dan siang selain waktu yang diharamkan bersembahyang, ia juga boleh dilakukan pada setiap masa dan dianjurkan supaya selalu mengerjakannya walaupun dalam masa yang berdekatan kerana ia mempunyai fadilat yang sangat besar.

Dari itu, Sembahyang Sunat Tasbih tidaklah dapat diqada disebabkan ianya adalah sembahyang sunat mutlak yang tidak ada waktu tertentu.

HUKUM BACAAN TASBIH DALAM SEMBAHYANG SUNAT TASBIH DAN DALAM SEMBAHYANG-SEMBAHYANG SUNAT SELAINNYA

Bacaan tasbih dalam Sembahyang Sunat Tasbih itu adalah dikategorikan sebagai sunat hai'ah seperti bacaan takbir dalam sembahyang dua Hari Raya. Jika tertinggal bacaan tasbih tersebut itu dalam sembahyang, tidaklah disunatkan mengantiannya dengan sujud sahwi.


Begitu juga jika seseorang berniat untuk mengerjakan Sembahyang Sunat Tasbih, akan tetapi dia tidak membaca tasbih tersebut semasa sembahyang, sembahyangnya adalah dikira sah dengan syarat tempoh masa iktidal dan duduk di antara dua sujud dan duduk istirahat tidak dipanjangkan, kerana perkara sedemikian boleh membatalkan sembahyang. Dengan demikian menjadilah ia sembahyang sunat mutlak sahaja bukanlah Sembahyang Sunat Tasbih.

Jika sekiranya seseorang berniat untuk sembahyang sunat biasa sahaja, kemudian mendatangkan bacaan tasbih-tasbih tersebut dalam sembahyangnya itu, maka dalam perkara ini diharuskan baginya membaca tasbih berkenaan selagi dia tidak memanjangkan rukun yang pendek seperti iktidal kerana niatnya itu niat sembahyang sunat biasa sahaja bukan Sembahyang Sunat Tasbih. Dengan demikian ianya tetap dianggap sebagai sembahyang sunat mutlak biasa bukannya Sembahyang Sunat Tasbih.

Selain itu, disunatkan mengisrarkan (tidak menyaringkan) bacaan tasbih itu, sama ada ianya dilakukan di waktu malam ataupun di waktu siang. Adapun bacaan-bacaan lain dalam

SEMAHYANG SUNAT TASBIH

Kerjakanlah! Walaupun sekali seumur hidup



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 217 Bahagian Akhir

Sembahyang Sunat Tasbih itu disunatkan juga membaca dengan israr jika dilakukan di waktu siang akan tetapi disunatkan membaca dengan bacaan pertengahan antara jahr (dinyaringkan) dan israr jika dikerjakan di waktu malam seperti mana sembahyang-sembahyang sunat yang lain.

Akan tetapi jika bernazar untuk menyaringkan bacaan tasbih itu dalam Sembahyang Sunat Tasbih tersebut, maka menjadilah bacaan jahr itu wajib disebabkan nazar itu, seperti mana yang disebutkan dalam bab nazar.

Jika sekiranya terlupa membaca tasbih dalam rukun tertentu sehingga berpindah pada rukun selepasnya, tidak harus kembali kepada rukun tersebut untuk membacanya. Sekiranya dia tahu akan perkara itu dan dengan sengaja mengulang rukun itu, maka batallah sembahyangnya.

Oleh kerana tidak dapat mengulang rukun tasbih tersebut untuk membaca tasbih, maka gantilah bacaan tasbih itu pada rukun seterusnya selain semasa iktidal, duduk antara dua sujud dan duduk istirahat. Ini kerana memanjangkan tiga rukun ini boleh membatalkan sembahyang walaupun dalam Sembahyang Sunat Tasbih, sebab bacaan tasbih dalam tiga rukun tersebut di dalam Sembahyang Sunat Tasbih hanyalah dikhususkan untuk bacaan yang asal sahaja.

Oleh itu, jika sekiranya terlupa membaca tasbih ketika rukuk, maka janganlah diganti bacaan tasbih yang tertinggal itu semasa iktidal, kerana tidak boleh memanjangkan bacaan padanya akan tetapi gantilah bacaan itu semasa sujud, kerana sujud adalah dikategorikan sebagai rukun yang panjang sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Baghawi.

MANAKAH YANG LEBIH AFDAL, WASHLATAU FASIL?

Washl ialah Sembahyang Sunat Tasbih dikerjakan secara bersambung iaitu empat rakaat dengan satu salam. Sementara fashl ialah Sembahyang Sunat Tasbih dikerjakan secara berceraai iaitu setiap dua rakaat sekali salam.

Ibnu Hajar mengatakan dalam kitabnya Fatawa Kubra Al-Fiqhiyah, kedua cara tersebut ada diterangkan di dalam hadis. Oleh yang demikian, harus melakukan kedua cara tersebut, akan tetapi Imam Ghazali mengatakan dalam kitabnya Ihya 'Ulumuddin, jika dikerjakan di waktu siang sambungkanlah empat rakaat dengan satu salam dan jika dikerjakan di waktu malam ceraikanlah empat rakaat dengan dua salam, seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila Baginda ditanya oleh seorang lelaki tentang bagaimana sembahyang malam itu, Baginda pun menjawab:

"Sembahyang malam itu dua rakaat dua rakaat." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

HARUSKAH SEMBAHYANG SUNAT TASBIH DILAKUKAN SECARA BERJEMAAH?

Selain daripada sembahyang fardu, ada juga sembahyang sunat yang disebut dalam kitab fiqh sebagai sembahyang At-tathawwu' dan An-Nawafil.

Sembahyang-sembahyang An-nawafil itu menurut pengertiannya dari segi bahasa ialah tambahan, kerana ia merupakan tambahan ke atas sembahyang-sembahyang yang telah difardukan oleh Allah Subhanahu Wataala. Ia terbahagi kepada dua bahagian:

1. Yang sunat dilakukan secara berjemaah, seperti Sembahyang Hari Raya, Sembahyang Gerhana Bulan dan Matahari, Sembahyang Witir pada bulan Ramadan.

2. Yang tidak sunat dilakukan secara berjemaah, seperti Sembahyang Ar-Rawatiib yang mengiringi sembahyang-sembahyang fardu, Sembahyang Witir bukan di bulan Ramadan dan Sembahyang Dhuha, Sembahyang Tahajjud, Sembahyang Tasbih.

Ketika mengulas tentang sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah, Asy-Syeikh Muhammad Al-Khatib Asy-Syarbini dalam kitab beliau Mughni Al-Muhtaj menjelaskan, adapun sebab ianya tidak disunatkan berjemaah kerana muwazabah (kebiasaan) Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melakukannya secara bersendirian. Adapun sunatnya itu hendaklah tidak dilakukan secara berjemaah, tetapi tidak dihukumkan makruh, kerana Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma pernah mengikut Nabi Sallallahu

Alaihi Wasallam bersembahyang Sunat Tahajjud di rumah emak saudaranya, Maimunah.

Imam Jalaluddin Al-Mahalli dalam Syarh Al-Minhaj berkata ketika menjelaskan bahagian sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah yang artinya:

"Bahagian yang tidak disunatkan berjemaah itu, jika dilaksanakan secara berjemaah tidaklah makruh. Demikian menurut Imam An-Nawawi di dalam kitab Ar-Raudhah."

Asy-Syeikh Qalyubi di dalam Hasyiyatan ketika mengulas perkataan Imam Jalaluddin Al-Mahalli "tidaklah makruh" di atas, katanya yang artinya:

"Bahkan ia (bersembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah jika dilakukan secara berjemaah) menyalahi yang utama (khilaf al-awla) dan maksudnya, tidak disunatkan dilakukan berjemaah secara berterusan."

Dengan penjelasan di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa Sembahyang Sunat Tasbih walaupun tidak disunatkan berjemaah, namun apabila ia dilakukan secara berjemaah tidaklah ia makruh, dan jauh sekali dianggap sebagai bidaah, hanyalah ia khilaf al-awla yakni menyalahi yang utama sahaja.

Orang ramai boleh memilih melakukannya secara berjemaah ataupun bersendirian. Melakukannya secara berjemaah itu tetaplah mendapat pahala kerana berjemaah. Sebagaimana telah dinaqal oleh Asy-Syeikh Abdul Hamid Asy-Syarwani daripada Ali Asy-Syabramallisi katanya yang artinya:

"Dan diberi ganjaran pahala berjemaah secara mutlak, akan tetapi adalah awla (lebih utama) meninggalkannya yakni berjemaah itu."

PENUTUP

Dari penjelasan yang di atas dapatlah difahami bahawa Sembahyang Sunat Tasbih mempunyai fadilat yang tersendiri selain dapat mendekatkan diri kita kepada Allah Taala dengan bertasbih, tahmid, tahlil dan takbir, Sembahyang Sunat Tasbih juga dapat menghapuskan segala dosa.

Oleh yang demikian, janganlah kita abaikan, kerana sesuatu yang mengetahui akan fadilat dan kelebihan Sembahyang Sunat Tasbih ini tetapi tidak mengerjakannya, maka orang itu tergolong di antara orang yang mencuaikan agama sebagaimana yang dikatakan oleh Imam Taj As-Subki dan ulama-ulama yang lain. Dari itu, kerjakanlah Sembahyang Sunat Tasbih itu walaupun sekali seumur hidup.

WALLAHUALAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

FIRMAN Allah dalam Al-Quran Surah An-Nisaa' ayat 36 yang tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa..."

Jelas dari maksud firman Allah Subhanahu Wataala tersebut memerintahkan supaya setiap hamba-Nya beriman kepada-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, di samping itu dikehendaki berbuat baik dan ihsan terhadap kedua-dua ibu bapa.

Setiap anak yang beriman kepada Allah Subhanahu Wataala dan taat beribadat kepada-Nya serta ikhlas dan jujur berbakti kepada ibu bapanya akan mendapat ganjaran yang tinggi nilainya. Jelasnya cuba kita tinjau mengapa sebabnya si anak yang bakti tersebut perlu diberi ganjaran?

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa dengan kuasa Allah Subhanahu Wataala, dengan adanya ibu dan bapa maka setiap anak dapat lahir ke dunia. Dengan kekuasaan-Nya jualah bakal zuriat (anak) lazimnya sama ada akan diadakan atau ditidakan mengikut kehendak-Nya jua. Dari itu, sebagai ibu bapa hendaklah bersyukur dan sebagai anak sepatutnya turut sama bersyukur kepada-Nya dan sedia mencurahkan bakti serta kasih sayang terhadap kedua ibu bapa mereka yang berkorban nyawa melahirkannya, memelihara, melindungi, memberi kasih sayang sepenuhnya, mendidik anak-anak mereka dari awal kelahiran hingga dewasa dan menjadi manusia yang berguna di dunia dan bakal sempurna di akhirat kelak. Justeru melalui pengorbanan dan jerih payah ibu dan bapa bila ianya dibalas dengan jasa bakti oleh anak maka ganjaran pahala dan balasan yang baik akan tetap diterima-Nya.

Mengenai cara kebaktian anak terhadap ibu bapanya ada disebutkan melalui firman Allah dalam Al-Quran Surah Al-Israa' ayat 23 dan 24 yang tafsirnya:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau

ANAK YANG BERBAKTI MENDAPAT GANJARAN

berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam juaan dan peliharaanmu, maka janganlah kau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'Ha', dan janganlah kau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang baik (yang bersopan santun)."

Berikutnya:

"Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka dengan berkata): Wahai Tuhan! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil."

Jelas melalui maksud firman Allah Subhanahu Wataala supaya beribadat kepada-Nya semata-mata dan diperintahkan supaya masing-masing berbuat baik kepada ibu bapa, taat kepada kedua-duanya, menghormatinya, memelihara semasa tua dengan sebaik-baiknya dan mendoakan semoga Allah memberi rahmat kepada mereka kerana merekalah yang telah bersusah payah memelihara dan mendidik kita semasa kecil.

Dalam ajaran agama, Islam amat menitikberatkan segala pengajaran yang baik terutama untuk berlaku takwa dan beriman serta taat mengikut dan mematuhi segala perintah Allah Subhanahu Wataala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Selain itu digalakkan supaya berbuat baik terhadap kedua ibu bapa dengan mencurahkan bakti dan ihsan yang ikhlas serta jujur kerana Allah Subhanahu Wataala. Segala kebaktian dan kebaikan yang dilakukan oleh anak yang solih dan solihah pasti akan dibalas dengan ganjaran dan pahala yang antaranya perlu diingat bahawa keredaan ibu bapa terhadap anak mereka adalah keredaan Allah Subhanahu Wataala. Fahamilah seorang anak tidak akan mendapat kebaikan dan keuntungan apa-apa selagi belum mendapat reda dari kedua ibu bapanya. Amal kebaikan seseorang anak akan dikira apabila mendapat keredaan daripada ibu bapanya. Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-

Tarmizi, Ibnu Hibban dan Thabarani seperti berikut:

Dari Abdullah bin Umar Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Keredaan Allah terletak pada keredaan kedua ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan kedua ibu bapa."

Hasil berlaku taat kepada kedua-dua ibu bapa makanya si anak akan dipanjangkan umur dan ditambah rezekinya seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad seperti berikut:

Dari Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa yang suka dipanjangkan umurnya dan ditambah rezekinya maka hendaklah ia berbakti kepada kedua ibu bapanya dan menghubungkan silaturrahim."

Sememangnya amalan berbuat baik dan berbakti kepada ibu bapa tidaklah sia-sia sebaliknya memberi kesempatan dan peluang untuk meraih keberkatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak. Bahkan kebaktian anak membolehkan dirinya masuk ke dalam Syurga seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Hakim, An-Nasai dan Ibnu Majah seperti berikut:

Dari Jahimah Radiallahuanha bahawa ia datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata:

"Ya Rasulullah, aku ingin mengikuti peperangan dan aku datang kepadamu untuk meminta pendapatmu." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya: "Adakah ibumu masih hidup lagi?" Jawabku: "Ya". Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Berbaktilah kamu kepada ibumu, sesungguhnya Syurga itu berada pada kedua kaki ibu."

Keuntungan bagi anak yang tahu berbakti kepada ibu bapanya kerana ganjaran Syurga sedia menanti baginya. Makanya elakkan dari per-

buatan menderhakai ibu bapa yang hanya mengakibatkan kerugian di dunia dan akhirat kerana perbuatan derhaka hanya sia-sia. Malahan keuntungan besar bagi anak yang tahu menghargai dan mengenang serta tetap berbakti kepada ibu bapanya sama ada yang masih hidup mahupun mereka telah tiada. Dalam keadaan ini si anak masih dapat meneruskan bakti kepada mereka apatah lagi bila dipatinya bahawa ibu bapanya telah meninggal dunia maka ia masih berkesempatan untuk menjalin hubungan baik dengan membuat bakti kepada kedua ibu bapanya sebagaimana dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ad-Dailami seperti berikut:

Dari Ali Radiallahuanhu berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Jauhkan dirimu dari menderhakai kedua ibu bapamu kerana sesungguhnya Syurga itu mempunyai bau yang jaraknya seribu tahun dan tidak dapat mencium baunya orang yang menderhakai ibu bapanya, orang yang memutuskan hubungan silaturrahim, orang tua yang berzina dan orang yang melabuhkan pakaiannya kerana kesombongan."

Berlaku derhaka amatlah ditegah oleh agama kita Islam bahkan berbakti kepada kedua-dua ibu bapa adalah suatu khidmat bakti yang mulia, jelas dalam perkara ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memandang sebagai suatu amalan bakti yang tinggi nilainya. Mengenai hal ini ada diterangkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim seperti berikut:

Dari 'Abdullah bin 'Amru bin Al-Ash Radiallahuanhu berkata yang bermaksud:

"Ada seorang lelaki menghadap Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu ia berkata: 'Aku berhai'ah kepadamu untuk berhijrah dan berhijrah semata-mata untuk mencari pahala dari Allah Subhanahu Wataala'. Baginda bertanya: 'Apakah terdapat salah seorang dari kedua ibu bapamu yang masih hidup?' Lelaki itu menjawab: 'Benar, bahkan keduanya masih hidup lagi'. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Apakah kamu mencari ganjaran pahala dari Allah?' Jawab lelaki itu: 'Ya'. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Dapatkanlah kedua ibu bapamu dan berbuat baiklah kepada mereka berdua.'"

Sayugialah sama-sama kita fahami dan mengingati mengenai perilaku berbuat baik kepada kedua ibu bapa amatlah penting sekali dalam kehidupan kita. Justeru pengorbanan bakti tidak boleh diketepikan atau dipandang ringan bagi setiap anak malah dengan kebaktian tersebut boleh menjamin si anak memperoleh ganjaran dan balasan yang tiada ternilai hinggan mendapat tempat di dalam Syurga.

PENTINGNYA PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA

BERSEMPENA tahun baru 2006 ini, seperti yang telah dinukilkan pada keluaran siri TEROPONG PELITA yang lalu, kita akan meniti tahun baru ini dengan serba-serbinya baru. Semangat baru, tekad baru, cita-cita baru, apatah lagi perwajahan dan sikap yang baru. Pokoknya semuanya hampir baru walaupun yang lama masih ada yang belum tertunai lagi. Namun apa yang penting bagi kita sekarang ialah mengatur strategi dan langkah bijak disertai dengan pembawaan dan keyakinan beragama yang lebih tinggi atau pendek kata, menjadikan agama sebagai utap utama dalam menempuh sebarang cabaran.

Antara lain yang penting untuk diperkukuh ialah akhlak. Akhlak kita biarlah terdiri daripada akhlak yang mulia yang dipandang tinggi dan dihormati serta digalati oleh segenap lapisan masyarakat. Namun apakah yang dikatakan akhlak yang mulia itu. Mari kita kupas bersama.

Akhlak merujuk kepada 'keadaan' atau 'suasana' jiwa seseorang, bukan perbuatan yang dapat ditonton. 'Suasana kejiwaan' mempunyai beberapa ciri khusus untuk melayakkannya dikategorikan sebagai akhlak, iaitu 'kekukuhan' dan 'sehati' serta berupaya memunculkan perbuatan secara spontan dan mudah. Misalnya, seseorang yang hanya bersikap pemurah dengan mengeluarkan derma atau sedekah setelah memikirkan kemiskinan kedudukannya di mata masyarakat akan terjejas kalau tidak bersikap demikian, tidak layak digelar pemurah.

Ruang lingkup semantik istilah akhlak tidak pernah memberi laluan kepada sikap hipokrit dan lakonan. Akhlak mestilah asli, yang benar-benar munculkan dari dasar diri seseorang yang sudah sedia memantapkan sifat atau sikap yang secara spontan terpancar bila-bila jua tanpa mengira suasana dan keperluan tertentu. Perkara inilah sebenarnya yang menjadi ciri penentu

yang menunjangi konotasi akhlak.

Oleh kerana persoalan akhlak merupakan persoalan batin seseorang, Imam Al-Ghazali menjelaskan persoalan berkenaan dengan membuat tamsil perbandingan dengan aspek zahir manusia bagi memudahkan kefahaman. Menurut beliau, batin manusia memerlukan gabungan beberapa unsur untuk berupaya tampil mempamerkan keindahan dan kecantikannya. Aspek batin yang indah dan cantik itulah yang melahirkan perlakuan akhlak yang baik dan mulia.

Unsur yang dimaksudkan di atas adakah merujuk kepada empat kekuatan yang ada dalam diri manusia iaitu daya ilmu, daya marah, daya syahwat dan daya keadilan serta kesederhanaan. Apabila setiap unsur berkenaan berada dalam keadaan baik dan wajar di dalam diri seseorang, sehingga unsur keadilan dapat memaksakan kekuatannya ke atas ketiga-tiga unsur lain maka akan terhasil akhlak yang baik dan mulia pada diri orang berkenaan. Manusia akan berkelakuan baik di tengah-tengah masyarakat, apabila daya marahnya dan kekuatan syahwatnya ditundukkan oleh petunjuk akal dan syarak.

Akhlak yang baik hanya dapat dimiliki apabila seseorang itu berupaya mengembangkan dan membawa potensi diri yang dimiliki - daya ilmu, daya marah, daya syahwat, daya keadilan - ke arah yang diredai oleh akal murni dan syarak. Umumnya, yang dimaksudkan dengan akhlak yang baik adalah apa jua perlakuan manusia, hasil terjemahan keadaan yang sudah sedia sehati di dalam dirinya dan perlakuannya yang muncul dan ianya mestilah juga sesuai dengan kehendak syarak dan akal murni manusia.

Akal dan syarak kita rujuk oleh Imam Al-Ghazali di atas adalah sebagai piawai dan pengukur kepada kebaikan dan keburukan seseorang. Ini bermakna bahawa pengukurannya kualiti akhlak ditentukan oleh akal dan

syarak. Kedua-duanya menjadi sumber rujukan perlakuan akhlak manusia. Apa jua yang baik dalam ukuran syarak dan akal, dikategorikan sebagai akhlak yang baik, begitu juga sebaliknya. Bertolak dari inilah, keseluruhan sistem akhlak didasari oleh dua asas iaitu asas Ilahi dan asas kemanusiaan.

Asas Ilahi sebenarnya aspek syarak manakala asas kemanusiaan merujuk kepada aspek akal. Kedua-dua aspek berkenaan memberi citra kepada keseluruhan sistem akhlak dalam Islam. Tidak ada satu ruang pun dalam keseluruhan kehidupan manusia yang ada jurang vakum dan tidak dijejaki oleh sistem nilai yang diberi oleh sistem akhlak Islam.

Sistem akhlak Islam yang mengawal keseluruhan perjalanan sistem hidup Islam adalah cukup lengkap dan sempurna, asalkan umat Islam sanggup menjadi manusia dinamik dan kritis serta kreatif menggunakan potensi akal mereka. Manusia diberi peruntukan yang cukup oleh Islam untuk bergerak bebas, asalkan tidak melimpasi kerangka besar sistem Ilahi yang terencana secara konkrit menerusi kehadiran wahyu dan pengutusan Rasul.

Proses pendidikan atau pembentukan akhlak bertujuan untuk melahirkan manusia yang berakhlak mulia. Akhlak yang mulia akan terwujud secara kukuh dalam diri seseorang apabila setiap empat unsur utama kebatinan diri iaitu daya akal, daya marah, daya syahwat dan daya keadilan, berjaya dibawa ke tahap yang seimbang dan adil sehingga tiap satunya boleh dengan mudah mentaati kehendak syarak dan akal. Namun apa yang perlu diberikan perhatian ialah bagaimana keseimbangan berkenaan dapat dicapai?

Akhlak manusia itu sebenarnya boleh diubah dan dibentuk. Orang yang jahat tidak semestinya akan selamanya jahat, begitu juga secara logiknya seekor binatang yang ganas dan buas boleh dijinakkan dengan latihan dan asuhan. Maka manusia yang berakal boleh diubah



OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn

dan dibentuk perangainya atau sifatnya. Setentunya usaha sedemikian memerlukan usaha yang gigih untuk menjamin terbentuknya akhlak yang mulia.

Sememangnya usaha yang disebutkan di atas hanya akan dapat dicapai melalui kesungguhan dalam melaksanakan usaha berkenaan dan juga latihan. Dengan yang demikian akhlak memerlukan ketahanan dan kesabaran sesuatu sifat di dalam diri seseorang. Dengan yang demikian berlatihlah melakukan sesuatu akhlak yang hendak dibentuk, iaitu suatu pendekatan yang memang disarankan. Dalam latihan berkenaan seseorang itu hendaklah bersemangat dan bersungguh-sungguh, kerana sifat tertentu mudah bertapak kukuh dalam diri seseorang melainkan setelah dipupuk secara sempurna dan diberikan pengukuhan tertentu. Semua sifat akhlak terpuji boleh dibentuk dengan menggunakan dua cara berkenaan iaitu kesungguhan dan latihan.

Proses berkenaan perlu dimulakan dengan mengenal pasti nilai akhlak yang hendak dibentuk dan apabila kepastian sudah diperolehi, proses kesungguhan dan latihan perlu dilaksanakan bagi memastikan kejayaan pembentukan akhlak berkenaan.

Dalam konteks negara kita yang giat berusaha mengatasi cabaran sosial dan krisis moral, kita memerlukan pemupukan dan pembajaan akhlak agar ia menjadi kukuh dan sehati dalam diri seseorang. Kita juga jelas peri-

hal nilai akhlak yang hendak ditanam dan dipupuk, khususnya dalam persekitaran masyarakat kita yang majmuk.

Sebenarnya jumlah nilai yang perlu diterapkan dan dihayati adalah banyak. Antaranya yang perlu kita utamakan ialah nilai-nilai baik hati, berdikari, berhemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, kebersihan fizikal dan mental, keberanian, kejujuran, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat ditambah lagi dengan kesungguhan dan iltizam yang tinggi dan kental menggunakan unsur kesungguhan dan latihan.

Kalau kita benar-benar serius mahu menyelesaikan isu-isu sosial maka kita seharusnya komited dalam melaksanakan pendekatan pendidikan akhlak berteraskan kesungguhan dan latihan. Melalui beberapa modifikasi atau penyesuaian dengan persekitaran kita, ianya akan dapat diterima pakai oleh masyarakat. Malah kokurikulum juga boleh diterapkan dalam kehidupan biasa di tengah-tengah masyarakat di luar alam persekolahan. Kita juga mengharap umat Islam menjadi contoh terbaik dalam perlakuan akhlak kerana keseluruhan gaya hidup Islam adalah berteraskan akhlak yang mulia. Untuk itu, kita perlu mendidik diri kita dengan menggunakan pendekatan yang boleh diharap untuk membentuk akhlak yang mulia dalam kehidupan kita.



OLEH SAHARI AKIM
sahari.akim@information.gov.bn

PAKEJ KOMPREHENSIF KOMPUTER APPLE

APPL telah melancarkan tiga produk komputer terbaru: Perisian Komputer Aperture aplikasi terkini dan komputer riba PowerBook G4 yang ditingkatkan dengan aplikasi terkini dan komputer Power Mac G5 berkuasa tinggi, sesuai untuk golongan profesional termasuk saintis.

Komputer riba PowerBook G4 dikhususkan kepada eksekutif dan profesional yang terbabit dalam dunia kreatif. Ia dilengkapi dengan paparan resolusi tinggi dan peningkatan jangka hayat bateri.

Dilengkapi skrin bersaiz 12, 15 dan 17 inci, kesemua model komputer riba PowerBook G4 ditingkatkan dengan Bluetooth 2.0+EDR, rangkaian tanpa wayar Airport Extreme 54 Mbps 802.11g, WiFi bersepadu, TrackPad dan teknologi Apple Sudden Motion Sensor.

Ia juga ditambah dengan berjuta-juta piksel berbanding model terdahulu. Semua PowerBook G4 (bersaiz 15 atau 17 inci) memberikan pengguna satu ruang kerja yang begitu selesa untuk sebarang tugas.

Komputer ini juga amat mudah untuk ditingkatkan kepada ciri-ciri SuperDrive kerana dilengkapi set penyalinan DVD yang pantas dalam sebarang sistem selain penyalin DVD dua lapisan dalam komputer riba itu sendiri.

Selain itu, slot penyalinan data SuperData tersebut juga boleh beroperasi dengan mudah bersama Mac OS X. Ia menawarkan kemudahan untuk pengguna menyalin data muzik CD dan DVD terus daripada komputer.

PowerBook G4 juga boleh disambungkan dengan sebarang penerima dan deck serta peralatan digital lain termasuk sistem bunyi sekeliling 5.1. Ia juga dilengkapi pembesar suara stereo untuk kemudahan menikmati muzik dan mikrofon bersepadu bertujuan menyenangkan panggilan telefon dibuat menggunakan aplikasi Chat AV.

Komputer Meja Power Mac terbaru pula dilengkapi ciri-ciri Power Mac G5 Quad selain prosesor teras quad dua pemroses 2.5 Ghz Power PC 5. Kesemua model ini juga dilengkapi ciri-ciri prosesor dual-core yang merupakan seni bina PCI Express terbaru dengan pilihan persembahan grafik yang bermutu tinggi termasuk NVIDIA Quadro 4500. Model ini membawakan standard industri untuk pusat grafik Mac.

Dengan kelebihan itu, Power Mac G5 Quad sesuai bagi kerja-kerja kreatif dan profesional termasuk saintis yang perlu menyimpan data dalam kapisiti yang besar. Contohnya, perisian Adobe Photoshop Power Mac G5 menggunakan siri 45 sebagai penapis dan bertindak 45 peratus lebih cepat berbanding dua Prosesor 2.7 GHz Power Mac G5.

Perisian Light Wave 3D pula memberikan efek video sehingga 59 peratus lebih pantas manakala penanda saintifik Bioinformatics Benchmark System (BBS versi 3) pula melengkapkan perbandingan jujukan genomik sehingga 39 peratus lebih cepat.

Sementara itu Perisian Komputer Aperture direka bentuk jurugambar yang bakal melangkah ke peringkat profesional. Ia dilengkapi pelbagai kelebihan yang diperlukan untuk tujuan penambahbaikan gambar yang diambil, sekali gus menjadikannya peralatan selepas produksi terpenting untuk jurugambar.

Bercirikan rangka kerja dengan fokus RAW, Aperture menjadikannya semudah JPEG bagi membolehkan jurugambar mengimport, mengedit, menyusun, menyelenggara, membaiki, menyiar dan menyimpan gambar-gambar tersebut secara lebih efektif dan cekap berbanding mana-mana perisian sebelum ini.

Aperture juga menyokong format RAW daripada ciri-ciri kamera digital di dunia termasuk Canon dan Nikon. (Sumber : Utusan Malaysia Online - Megabait).

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Sentiasalah berdisiplin dalam penggunaan air

AIR merupakan keperluan yang amat penting dalam kehidupan. Tanpa air, semua yang hidup seperti manusia, binatang dan tumbuhan akan mati, kerana setiap hari kehidupan kita memerlukan air untuk minum, memasak, mencuci, menyiram tumbuhan dan sebagainya. Oleh itu kita mestilah cermat setiap kali menggunakan air supaya dapat menjimatkannya.

Cuma apa yang sedihnya, sesetengah masyarakat kita masih belum sedar akan kepentingan air. Mereka membazir dengan berlebih-lebihan dalam menggunakan air mengikut sesuka hati. Sifat inilah yang akan menyusahkan kehidupan kita. Sikap sebegini seharusnya tidak wujud dalam diri setiap individu.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-

tuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk keperluan kehidupan rakyat termasuklah bekalan air. Jadi pihak yang paling berperanan dalam menjimatkan penggunaan air ialah kita rakyat Negara Brunei Darussalam yang mesti berdisiplin dan bertanggungjawab dengan menghargai usaha kerajaan baginda dengan mengamalkan sikap sentiasa berjimat dalam menggunakan air.

Selain itu, keprihatinan dan rasa tanggungjawab mestilah wujud dalam diri kita untuk menjadi pengawas bagi sebarang kejadian yang menjadikan air tercurah dengan sia-sia seperti kebocoran paip, kerosakan alat penyekat dan pelepas air, kecuaiannya pengguna di tempat kita dan di tempat-tempat awam, cepatlah bertindak dengan melaporkan kepada pihak berwajib.

Pihak seterusnya yang mesti berperanan ialah ibu bapa kerana antara yang turut banyak terlibat dalam pembaziran air ialah anak-anak. Jadi ibu bapa mestilah berperanan bijak-sana dengan alasan-alasan yang munasabah untuk memberikan kesedaran terhadap anak-anak akan kepentingan air dan perlunya diijamatkan.

Kemudian sebagai langkah berterusan mereka mestilah selalu mengawasi aktiviti-aktiviti anak-anak yang bersabit dengan penggunaan air pada setiap hari.

Satu pihak lagi yang juga mempunyai penting peranannya ialah guru. Umum sedia maklum bahawa gurulah yang selalu diikuti dan diyakini percakapan dan pengajarannya, jadi para guru mestilah menyelitikan baik sebagai bahan pelajaran khusus pada sesuatu tajuk yang sesuai atau sebagai pengajaran sivik sahaja

mahupun secara umum akan pentingnya air dalam kehidupan cara penggunaan dan kepentingan penjimatannya.

Kemudian untuk sasaran yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat dalam menyedarkan dan mengingati pentingnya penjimatan air ialah peranan media massa kerana bahan ini pengaruh penyebarannya adalah bersifat global.

Oleh itu media massa perlu memainkan peranannya sama ada melalui media elektronik atau cetak. Media massa boleh menyiarkan rancangan-rancangan khas (berbentuk lakonan, ceramah dan lain-lain) dan iklan-iklan yang boleh memberi kesedaran kepada orang ramai dalam

menjimatkan penggunaan air sama ada melalui televisyen, radio, internet, majalah ataupun akhbar.

Melalui kerjasama semua pihak tersebut di atas dalam memainkan peranan masing-masing, maka pembaziran air akan terpanau. Sikap bertanggungjawab dan berdisiplin semua pihak dalam menjimatkan penggunaan air dapat membantu memudahkan dan menyelesaikan kehidupan bersama.

**Saidah binti Saidin,
No: 12, Simpang 709,
Kampung Tasek
Meradun, Jalan Tutong,
BF 1520.
No. k/p: 00-309704**

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Semai dan Tingkatkan Budaya Membaca Dalam Keluarga'. Tarikh tutup 25 Januari 2006.

2. 'Menghormati Jiran Amalan Mulia'. Tarikh tutup 1 Februari 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn**

Amalan membazir mengundang masalah

BERSEMPENA menyambut Hari Air Sedunia yang telah dilancarkan pada 22 Mac 2005, marilah kita sama-sama menghayati makna di sebalik tema sambutan berkenaan iaitu 'Air Untuk Kehidupan'. Sudah tentu tema ini membawa makna yang amat mendalam kerana air itu memberikan suatu penghidupan kepada kita.

Alangkah ruginya jika kepentingan air itu tidak diambil peduli. Di negara kita ini kita patut berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-

tuan Negara Brunei Darussalam di mana melalui Jabatan Perkhidmatan Air berusaha membekalkan air bersih untuk kita nikmati.

Kita juga patut bersyukur terhadap negara kita, kerana harga air di negara ini adalah murah dan berkualiti.

Seperti yang kita maklumi melalui media-media massa, penggunaan air di negara ini setiap tahun meningkat dan amat tinggi sekali berbanding dengan negara lain. Perkara ini perlu diambil perhatian yang agak serius. Apa yang perlu dititikberatkan adalah cara kita menggunakan air tersebut agar tidak terlalu membazir.

beri risalah serta maklumat berguna mengenai kepentingan air dalam kehidupan kita seharian.

Perlu juga diingat kita selaku penduduk di negara ini jangan hanya mementingkan diri sendiri, kita juga patut menyedari terhadap usaha-usaha kerajaan yang tidak terkendur sentiasa memberikan pengajaran yang berguna, bagaimana cara untuk mengelakkan pembaziran air berlaku.

Sebagai contoh, sesebuah keluarga itu perlu menyedarkan di antara sesama mereka agar pembaziran atau penggunaan air secara berlebihan tidak berlaku. Dengan cara ini bukan saja menyedarkan ahli keluarga itu mengenai kepentingan air bahkan sikap tegur-menegur merupakan amalan yang sangat mulia. Begitu jua dengan kebocoran paip-paip air yang berlaku, janganlah kita bersikap 'camah mata' sebaliknya segera melaporkan perkara ini serta-merta agar pembaziran tidak akan berlaku. Untuk memberi kesedaran kepada pelbagai pihak-pihak kerajaan dan orang ramai perlulah berganding bahu bersama-sama menyedari akan kepentingan air kalau perlu penggunaannya yang banyak patutlah di gedung-gedung perniagaan juga boleh memberi kesedaran. Jika kita melihat saja poster ini tentu berdekat di setiap hati kita betapa bergunanya air kepada kita semua.

Oleh itu kita perlu mengambil perhatian yang

sewajarnya mengenai kepentingan air dalam kehidupan setiap insan. Kita perlu melatih diri kita sendiri agar sentiasa mengelakkan diri daripada menggunakan air secara berlebihan. Kita patut bersyukur nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kerana mengurniakan air yang amat berharga.

Jika kita tinjau keadaan kehidupan di negara-negara luar yang kurang menerima bekalan air bersih, kehidupan mereka amat menyedihkan. Anak-anak kebuluran dan kehausan penyakit berjangkit mula merebak, disebabkan kurangnya bekalan air bersih di negara yang terbabit. Setentunya perkara sebegini patut kita hindarkan melalui menyedarkan diri betapa air itu amat penting dalam kehidupan kita seharian.

Bil-bil air, jika ada yang masih tertunggak hendaklah dijelaskan seberapa segera supaya kita akan sentiasa menikmati bekalan air secara berterusan.

Demi untuk kepentingan kita semua selaku rakyat dan penduduk serta masyarakat hendaklah sentiasa beringat-ingat dan berjimat cermat dalam penggunaan air. Jangan sampai turut mengundangi masalah pembaziran kepada negara.

**Monica Yu Toh Cheng,
Peti Surat 2888, Bandar
Seri Begawan, BS 8675.
No. k/p: 00-k-0275481**

Sikap berjimat cermat membawa berkat

AIR merupakan salah satu ciptaan Allah Subhanahu Wataala yang amat bernilai kepada manusia di dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Air juga merupakan nikmat Allah yang boleh ditarik balik bila-bila masa sahaja apabila dikehendakinya.

Oleh itu penjimatan air amat perlu dilakukan oleh semua pihak. Agama Islam sendiri melarang umatnya untuk melakukan pembaziran kerana sifat membazir itu merupakan salah satu sifat syaitan.

Kepentingan air tidak dapat dinafikan lagi. Air me-

rupakan salah satu penyumbang utama kepada kehidupan manusia dan binatang.

Ianya merupakan pelengkap kehidupan, tanpanya manusia tidak akan hidup. Selain itu air juga digunakan untuk pelbagai perkara seperti mandi, berwuduk, mencuci dan sebagainya.

Dengan adanya kepentingan-kepentingan yang terhasil daripada air, maka jelaslah kepada kita bahawa penjimatan dalam penggunaan air amat perlu.

Setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing. Peranan pelbagai pihak amat perlu. Tanggung-

jawab ini jangan hanya diserahkan sahaja sepenuhnya kepada pihak kerajaan, namun ianya hendaklah bermula daripada diri setiap individu itu sendiri.

Langkah-langkah penjimatan tersebut hendaklah bermula dari rumah lagi. Setiap sebuah keluarga hendaklah memastikan ahli-ahlinya menggunakan air apabila diperlukan sahaja. Elakkan pembaziran terutama apabila kita mencuci kereta, mandi, menyiram bunga atau tumbuhan dan sebagainya.

Ibu bapa perlu menerangkan kepentingan air kepada anak-anak mereka. Didiklah mereka menggunakan air dengan betul, kerana jika perkara ini dilaksanakan, bukan sahaja penjimatan air dapat dilakukan malahan penjimatan bil kadar bayaran bulanan pemakaian air juga dapat dikawal.

Selain itu penggunaan air di bangunan-bangunan kerajaan juga perlu diawasi.

Elakkan penggunaan yang tidak penting. Pastikan kerosakan-kerosakan paip air segera diperbaiki, jangan diabaikan terabai terlalu lama kerana ianya boleh menyebabkan pembaziran berlaku. Oleh yang demikian pengawas bangunan perlu peka di dalam menjalankan tugas mereka.

Oleh itu jelaslah kepada kita bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing di dalam memastikan pembaziran air tidak berlaku. Maka berjimatlah kerana pengguna yang berjimat cermat menjadikan negara kita berkat dan selamat. Pengguna bijak menjana kemakmuran bersama.

**Mohd. Shahrol Azmi bin
Haji Abdul Muluk,
No. 9 Simpang 35, Jalan
Tanjong Bunut Kiri,
Kampung Tanjong Bunut,
BF 2920.
No. k/p: 00-293071**

**MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami
kemukakan iaitu 'Peranan Pelbagai Pihak
Dalam Menjimatkan Penggunaan Air'. Mereka
akan menerima hadiah sebanyak \$40.00.
Pendapat yang berjaya itu adalah
seperti berikut:**

Laporkan kepada pihak berkenaan jika ada kebocoran air

AIR adalah sumber alam ciptaan Tuhan yang sangat berguna terhadap semua benda yang hidup. Kita masih boleh hidup tanpa makanan tetapi tidak tanpa air.

Air datang dari beberapa sumber iaitu air hujan, air sungai, air laut, air tasik dan air yang digali (air perigi).

Namun air dari sumber yang tersebut di atas perlu menjalani beberapa proses sebelum dijadikan minuman harian kita. Proses penapisan air perlu dilakukan bagi menjadikan air bersih dan selamat untuk diminum. Kita amat bertuah dan patut bersyukur dengan adanya kemudahan air yang disalurkan terus ke rumah-rumah oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kita perlu ingat akan risikonya jika kita tidak menghargai akan kepentingan air. Pembaziran air dianggap perkara remeh bagi sesetengah orang. Mereka beranggapan merekalah yang membayar air, maka sesuka hatilah mereka menggunakannya. Tetapi terfikirakah merekalah apa akan terjadi jika air berkurangan atau kehabisan? Perkara ini bukan lagi suatu kemungkinan tetapi ianya akan terjadi kerana setiap detik manusia semakin bertambah dan keperluan penggunaan air semakin meningkat.

Pihak kerajaan sudah menjalankan pelbagai inisiatif untuk mengingatkan rakyat supaya menjimatkan air. Contohnya, melalui Radio Televisyen Brunei terdapat iklan

di televisyen mengenai pentingnya menjimatkan air. Kita hanya tersenyum bila melihat telatah pelakon veteran kita, Haji Rais Banih dalam iklan tersebut. Tetapi sampaikah mesejnya kepada kita?

Selain itu pihak swasta seperti kedai-kedai mencuci kereta yang memang banyak di negara kita ini, sering kita dapati memang banyak air digunakan ketika mencuci sebuah kereta dan bayangkan berapa buah kereta serta yang dicuci dalam sehari dan berapa banyak air telah dibazirkan? Jadi mereka perlulah lebih berhati-hati dalam penggunaan air dan memikirkan cara-cara untuk menjimatkan air seperti mengitar semua air yang telah digunakan.

Kita sebagai pengguna perlu mengambil peranan da-

lam sama-sama menjimatkan air. Kita juga perlu lebih prihatin jika mendapati kebocoran air, di mana-mana saja perlulah dilaporkan segera kepada pihak yang berkenaan.

Air janganlah disia-siakan dan perlu digunakan mengikut keperluan. Jika mandi, sediakan air secukupnya dan jangan biarkan air mengalir dan terbuang begitu saja. Begitu juga ketika melakukan aktiviti harian seperti mencuci kereta atau menyiram bunga, gunakanlah baldi dan jimatkanlah air. 'Air Sumber Kehidupan'.

**Ahmad Lufti bin Saidin,
No. 84, Jalan 3 Lot 209E,
Kampung Perpindahan
Rimba, Gadong, BE 3319.
No. k/p: 01-062583**

MENTALITI USAHAWAN

Sekolah tersebut mempunyai seramai 32 orang tenaga pengajar. Pada tahun lepas para penuntut yang menduduki l'dadi atau peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) telah lulus seratus peratus yang mana 15 penuntut mendapat 5 A daripada jumlah 51 orang yang menduduki PSR.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

SASTERA Undang-undang atau Sastera Kanun adalah hasil karya yang mengandungi peraturan-peraturan dan adat istiadat. Istilah 'Undang-undang' sekarang berbeza kerana undang-undang dahulu yang terkandung di dalamnya bukan dibuat oleh suatu badan perundangan dan terdapat perbezaan hukum antara satu golongan masyarakat dengan golongan yang lain. Ia bukan sahaja memperlihatkan sejarah perundangan tetapi juga menggambarkan masyarakat Melayu lama dalam masyarakat tradisi tentang lapisan masyarakat tradisional Melayu, peraturan hidup dan cara bermasyarakat.

Sebagai tambahan, Undang-undang Melayu Lama tidak boleh dianggap sebagai undang-undang, jika kita mengertikannya atau menafsirkannya sebagai undang-undang (law) yang diluluskan oleh kerajaan. Undang-undang Melayu tidak pernah diluluskan oleh kerajaan dan adalah adat kebiasaan orang-orang Melayu, adat kebiasaan yang dibentuk dengan peredaran masa. Itulah sebabnya unsur-unsur agama Hindu dan Islam dapat hidup berdampingan dalam kebudayaan Melayu, menjadi darah daging kebudayaan Melayu. Kesemua perubahan ini ada dicatat dalam undang-undang Melayu. Undang-undang Melayu sebenarnya boleh dikatakan sejarah pemikiran orang-orang Melayu.

Dengan itu terdapatnya pembahagian Undang-undang Melayu Lama yang telah digolongkan oleh beberapa ahli sasterawan antaranya ialah R.O. Winstedt. Beliau telah menggolongkan Undang-undang Melayu lama kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan adat Temenggong, Papatih dan terjemahan ajaran Islam. Namun begitu, penyelenggara Majlis Penyelidikan Malaysia menggolongkan genre sastera undang-undang kepada dua kumpulan yang besar iaitu Kumpulan Adat Temenggong dan Adat Papatih.

Bagi Kumpulan Adat Temenggong pula ialah mengenai perniagaan di negeri kota dan terbahagi kepada tiga jenis iaitu pertama hukum-hukum mengenai perlembagaan, jenayah dan awam, kedua peraturan-peraturan di pelabuhan untuk menjaga kepentingan kapal-kapal dan saudagar-saudagar dan ketiga, undang-undang laut atau undang-undang dalam pelayaran.

Manakala kumpulan Adat Papatih pula lebih mengkhususkan dalam masyarakat yang bergantung hidup kepada pertanian. Seterusnya kumpulan terjemahan Islam pula menge-

nai kumpulan peraturan yang membicarakan hubungan kekeluargaan seperti hukum nikah, cerai, talak, zina dan lain-lain mengikut Mazhab Syafie.

Jenis undang-undang Melayu lama juga tidak ditinggalkan yang mana terdapat dua jenis undang-undang darat dan undang-undang laut. Bagi undang-undang darat pula merupakan peraturan-peraturan dalam sebuah negeri atau negara, terkandung di dalamnya adat istiadat diraja, sikap dan tugas raja serta pegawai-pegawai, pantang larang, hal-hal jenayah seperti membunuh, merompak, mengamuk dan bahagian awam seperti nikah kahwin, perhambaan, jual belia, hutang dan sebagainya.

Hasil karya yang terkandung dalam undang-undang darat adalah Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor dan Undang-undang Palembang.

Undang-undang laut atau Undang-undang Pelabuhan adalah berkenaan peraturan-peraturan di pelabuhan dan semasa dalam pelayaran. Antara kandungannya ialah tanggungjawab nakhoda,

jurumudi dan anak-anak kapal yang lain, tatatertib di pelabuhan, cukai, peraturan berniaga dan tatatertib semasa dalam pelayaran.

Hasil karya yang membicarakan hal-hal ini adalah Adat Aceh, Undang-undang Laut Melaka dan Undang-undang Pelabuhan Kedah.

Manakala ciri-ciri Sastera Undang-undang adalah tidak jauh berbeza dengan hasil-hasil karya Melayu yang lain:

Pertama, tiadanya nama pengarang iaitu Undang-undang Melayu Lama mempunyai nama penyusunnya sahaja tetapi nama pengarangnya tidak diketahui, seperti contohnya Hukum Kanun Melaka yang disusun oleh Hang Sidi Ahmad atas perintah Sultan Mahmud Syah.

Kedua, hukuman berat sebelah iaitu hukuman yang dikenakan ke atas pesalah adalah berbeza iaitu mengikut status masyarakat seperti misalnya Hukum Kanun Melaka, orang biasa yang menampar hamba dikenakan hukuman denda tetapi jika sebaliknya iaitu jika hamba menampar orang biasa hukumannya ialah pontong tangan.

Ketiga mengagungkan

SASTERA UNDANG-UNDANG

OLEH MATUL

kepada golongan atasan iaitu peraturan dan undang-undang yang dititahkan Raja ataupun golongan atasan adalah wajib (najib) untuk rakyat biasa patuhi seperti misalnya dalam Undang-undang Riau menegah rakyat membina rumah berpintu tengah dan membina balai.

Keempat, sastera ini bercampur aduk di antara asal-usul, adat istiadat, tugas dan tanggungjawab, peraturan-peraturan dan sebagainya. Misalnya dalam undang-undang Aceh terkandung peraturan-peraturan pelabuhan, hukum pertanian dan penternakan, jual beli, tugas raja dan pembesar-pembesar, larang-larang dan adat meminang.

Kelima, pengaruh agung iaitu sastera undang-undang adalah sama dengan ciri-ciri sastera sejarah dan sastera rakyat. Pengaruh-pengaruh Hindu dari segi cara dalam melaksanakan hukuman. Pengaruh Hindu misalnya dalam Hukum Kanun Melaka orang yang dituduh mencuri harus mencelupkan tangannya ke dalam minyak yang mendidih untuk membuktikan kebenaran. Pengaruh Islam pula ialah misalnya Hukum Kanun Melaka orang yang tertuduh

disuruh bersumpah di atas mimbar masjid untuk membuktikan kebenarannya.

Keenam, kurang tegas iaitu dengan maksud hukuman yang diiktirafkan dari undang-undang terhadap pesalah adalah kurang jelas. Ini adalah kerana hukuman yang semestinya dijalankan terhadap pesalah adalah dapat dimaafkan kerana kuasa pemutus adalah terletak pada orang yang berkuasa seperti raja.

Ketujuh gaya bahasa iaitu sastera ini ditulis dalam bentuk puisi dan prosa penuh dengan perumpamaan. Misalnya terdapat perumpamaan, 'masuk kandang kerbau menguak, masuk kandang kambing mengembek' dan 'ayam hitam terbang malam, enggang lalu ranting patah'.

Kelapan atau terakhir bagi ciri sastera undang-undang ialah berunsur mitos, ini kerana ada kalanya penuh dengan mitos asal usul iaitu ciri-ciri yang tidak masuk akal. Misalnya dalam Undang-undang Dua Belas terdapat kisah anak damit yang dijumpai dalam serumpun buluh betung dan digelar Datu Langkat Pelanduk.

Apa pun terdapatnya gambaran masyarakat Melayu terhadap sistem beraja yang mana dua golongan masyarakat iaitu golongan

pemerintah yang terdiri daripada Raja, Bendahara, Temenggong, shahbandar dan pegawai-pegawai yang lain serta golongan diperintahkan iaitu masyarakat biasa yang terdiri daripada warganegara, rakyat asing dan hamba. Dalam hal ini raja berkuasa penuh dan bertanggungjawab dalam apa jua urusan negara dan titah raja mesti dipatuhi kerana ia mempunyai daulat dan keistimewaan yang tertentu.

Manakala rakyat biasa terpaksa mematuhi undang-undang yang tertentu seperti tidak boleh membina balai raya atau rumah yang berpintu tengah, rakyat biasa tidak boleh menggunakan perkataan misalnya titah, patik, murka dan sebagainya dan hanya golongan Raja sahaja yang boleh memakai pakaian yang berwarna kuning keemasan emas serta keris yang berhulukan emas.

Bagi golongan pembesar dan orang-orang tertentu mendapat keistimewaan seperti Bendahara boleh memangku jawatan raja jika raja berada di negara luar, Temenggong berkuasa menangkap pesalah tanpa sesiapa yang dapat menghalangnya.

Sebagai kesimpulan, sastera undang-undang merupakan hasil sastera Melayu yang dapat meng-

gambarkan masyarakat terdahulu. Walaupun undang-undangnya tidak dapat diterima mengikut tanggapan sekarang tetapi undang naskhah-naskhah dapat memperlihatkan golongan masyarakat Melayu, adat istiadat, aktiviti harian, agama dan kepercayaan serta peraturan dalam kehidupan masyarakat masa itu. Ternyata juga bahawa sistem pemerintahan beraja pada masa dahulu mengekalkan peraturan-peraturan tertentu untuk mewujudkan keamanan dan kemakmuran dalam sesebuah negara.

RUJUKAN

Md. Jani Hassan, 2000, Kajian Teks Sastera STPM Warna Sari Sastera Tradisional, Selangor Darul Ehsan, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Drs. Liaw Yock Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* 1975.

Md. Shuaib Che Din, *Sastera Melayu Lama* STPM, 1984.

Najibulharam b. Osman, 1989, *Strategi Menjawab Sastera (Sebelum & Sesudah 1800)*, Kuala Lumpur.

Prof. Madya Dr. Haji Muhd. Najib bin Prof. Madya Dr. Haji Osman, 1970, *Sastera Melayu Klasik*, Kelantan : Pustaka Aman Press.

Contohi pengorbanan orang terdahulu

OLEH SAMLE HAJI JAIT

samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Umat Islam di negara ini perlu sedar kemajuan yang dicapai dan kenikmatan kehidupan yang dikecapi ketika ini adalah hasil pengorbanan orang yang terdahulu daripada kita.

Pengorbanan mulia yang ditaburkan itu patut dicontohi dan dijadikan ikutan agar pengorbanan yang kita lakukan juga dapat dirasai oleh generasi akan datang.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Khatib-khatib yang menyampaikan khutbah pertama sempena Sembahyang Sunat Aidiladha di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Sifat sanggup berkorban adalah suatu kemestian dan tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan dengan dorongan melalui ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim dan Nabi Allah Ismail Alaihissalam dalam peristiwa korban.

Semangat ingin berkorban itu akan mudah dilahirkan jika kita mempunyai sifat taat menjadi darah daging dan akar umbi dalam diri kita seperti dalam Surah

An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya bermaksud menyuruh orang-orang yang beriman agar taat kepada Allah, Rasulullah dan kepada ulil-amri.

Taat kepada Allah bererti kita wajib beriman dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya, manakala taat kepada rasul adalah beriman kepada Rasulullah dengan mentaati dan mengamalkan segala ajaran yang diajarkan dan dibawa oleh Baginda.

Ketaatan kepada ulilamri iaitu ketua atau pemimpin, seperti suami, ibu bapa, ketua pejabat apatah lagi pemerintah negara adalah menjadi satu kewajipan dan dituntut dalam Islam selagi perkara-perkara yang dilakukan bukan perkara maksiat.

Dalam konteks bernegara yang berbilang bangsa dan agama setentunya memerlukan kepada pemerintahan raja yang adil lagi bijaksana, usaha integral rakyat dalam memelihara dan mempertahankan nikmat kesejahteraan, kerukunan, kesentosaan dan keharmonian hidup bermasyarakat yang ideal yang diharapkan oleh Islam.

Tidak syak lagi, masya-

rakat yang penuh dengan keceriaan, kebahagiaan, ketenangan dan kestabilan hidup adalah mereka yang berkorban untuk menyeru orang lain untuk melakukan kebaikan dan mencegah orang lain dari perbuatan mungkar, kejahatan dan ketidakadilan.

Oleh itu kita sebagai seorang mukmin yang berpegang kepada prinsip melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya memang tidak akan sanggup melihat dan membiarkan ketaatan yang diamalkan dicemar dengan ansur-ansur dan elemen-elemen yang tidak sihat.

Awal dari itu, para jemaah telah dijelaskan bawah erti pengorbanan yang amat luas dan meliputi pengorbanan harta benda, waktu, tenaga, fikiran, perasaan dan kepentingan diri.

Oleh itu kita diseru agar menghindari perasaan hasad dengki, iri hati, bermusuhan, berpecah belah, huru-hara dan bermacam-macam lagi yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian bermasyarakat dan bernegara.

Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memelihara kemanan dan kesejahteraan yang telah wujud dan menghargai nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata-

ala dalam apa jua keadaan.

Apa lagi ketika menemui suasana dunia yang serba canggih dan mencabar ini, kita perlu menjauhkan kufur nikmat yang menyebabkan Allah murka dan menarik balik nikmat yang dikurniakan-Nya.

Kebahagiaan hidup dan kejayaan di dunia dan di akhirat yang dicari oleh semua orang tidak akan menjelma sendirinya melainkan dengan adanya usaha dan pengorbanan.

Ketaatan Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam dan kesabaran Nabi Allah Ismail Alaihissalam ketika Allah memerintahkan Nabi Allah Ibrahim menyembelih anaknya Nabi Allah Ismail sebagai korban tetapi tidak ada sedikit pun keraguan atau was-was dalam hati mereka untuk melakukan apa yang diperintahkan demi mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala menunjukkan kekuatan dan keteguhan iman serta takwa yang dimiliki oleh mereka berdua.

Namun, Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang terhadap hamba-hamba-Nya dan dengan berkat kesabaran dan ketaatan kedua-dua beranak itulah, Allah Subhanahu Wataala menggantikan tempat Nabi Allah Ismail dengan seekor kambing (kibasy) untuk disembelih sebagai korban.

Fitnah boleh menimbulkan persengketaan

OLEH SAMLE HAJI JAIT

samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Januari. - Fitnah sangat dipandang berat dalam agama Islam kerana boleh menimbulkan permusuhan dan persengketaan yang membawa kepada perpecahan dalam keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Adalah menjadi kewajipan setiap Muslim untuk mencegah perbuatan fitnah dari merebak dan berleluasa di dalam masyarakat kerana perbuatan menabur fitnah juga boleh memesongkan iman.

Perbuatan keji itu hukumannya berdos besar kerana boleh mengakibatkan orang yang difitnah menghadapi tekanan perasaan dan kesengsaraan yang boleh menggugat keharmonian hidup bermasyarakat dan bernegara di sisi agama Islam.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Qalam ayat 10 - 11 yang tafsirnya, "Dan janganlah kamu menurut kemauan orang yang selalu bersumpah lagi yang hina, yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan untuk memecahbelahkan orang ramai."

Perkara itu ditekan dengan jelas oleh Khatib-khatib ketika menyampaikan khutbah Sembahyang Sunat Aidiladha di semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini.

Semua orang tahu bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan salah satu elemen yang penting dalam bidang pengurusan, perkhidmatan dan kini telah menjadi suatu keperluan yang penting dalam kehidupan masyarakat tetapi kecanggihannya kerap disalahgunakan dan dijadikan tempat kemudahan untuk menabur fitnah.

Penggunaan internet juga sangat meluas tanpa mengira perkara baik ataupun tidak seperti terdapatnya bahan-bahan lucah, ajaran-ajaran sesat dan lebih dahsyat internet dijadikan landasan mencemar dan menjatuhkan maruah orang seperti perbuatan memfitnah, berbohong, mengumpat, mengeji dan bermacam-macam lagi.

Dalam perkara itu, para khatib menjelaskan kemajuan dan kecanggihan teknologi maklumat tidak boleh dipersalahkan, malah

perlu menyalahkan kepada penggunaannya sendiri kerana Allah Subhanahu Wataala telah mengurniakan manusia akal fikiran yang boleh menilai kebaikan dan keburukan yang tidak bertindak mengikut hati, hawa nafsu dan hasutan syaitan.

Dari sinilah, kita perlu memanfaatkan penggunaan internet itu bagi perkara-perkara yang berkebaikan, betul dan lurus sekali gus bagi mempertahankan iman dan nilai-nilai akhlak serta memperluaskan lagi dakwah islamiah yang menjadi tanggungjawab kita semua umat Islam.

Bersikap positif dalam menguasai kemahiran teknologi maklumat ini sangat perlu kerana penggunaan komputer sudah menjadi budaya hidup masa kini malah penggunaan internet dan e-mel semakin meluas sebagai alat penting berkomunikasi dan berinteraksi.

Kita juga perlu bersyukur di atas limpah Allah Subhanahu Wataala yang telah mengurniakan pancaindera sempurna yang membolehkan kita bergerak dan melakukan apa jua yang kita kehendaki tetapi jangan lupa anggota inilah juga yang akan menjadi saksi terhadap apa yang kita lakukan di dunia ini dan di akhirat nanti.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/001/2006

"PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN BAGI MENINGKATKAN TARAF DAN MEMBESARKAN BANGUNAN DEWAN SANTAP KUALA BELAIT (JKR NO. 652) DI JALAN CAREY".

Tarikh tutup : **24 Januari 2006, hari Selasa** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran: \$500.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$56.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, V & VI (Kategori 5j) sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan Tingkat Dua (2), di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPB/105/2005

"PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN ELETRIK BAGI BANGUNAN INSTITUT PERUBATAN, UBD".

Tarikh tutup : **24 Januari 2006, hari Selasa** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran: \$1,000.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$152.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas IV, V dan VI (Kategori : 7a dan 7b sahaja).

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2nd floor), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/108/2005

"PRECOMMISSIONING OF 31 MVA 11/66KV UNIT TRANSFORMER FOR GTG 18 AT LUMUT POWER STATION, BELAIT DISTRICT".

Tarikh tutup : **24 Januari 2006, hari Selasa** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran: \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$25.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III ke atas, (Kategori : 7c sahaja).

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Bawah, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dari Kaunter pengambilan Dokumen. Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPB/003/2006

"ELECTRICAL AND FIRE PROTECTION SERVICES FOR PROPOSED ALTERATION & EXTENSION TO HISTORICAL CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tarikh tutup : **14 Februari 2006, hari Selasa** jam 2.00 petang.
Harga Tawaran: \$200.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : B\$86.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III, IV, V & VI (Kategori 7a & 7b) sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua (2), di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengambilan Dokumen, Tingkat Dua, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN
KOSONG SEBAGAI
PENGHULU MUKIM TANJONG MAYA**



**JABATAN
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong dengan sukacitanya mempelawa/menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Mukim Tanjong Maya, Tutong untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi Penghulu Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong.

TANGGAGAJI : C3 EB4 iaitu \$1,990.00 hingga \$2,620.00 (menurut surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bil : 5/1999 Negara Brunei Darussalam bertarikh 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999)

KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM

- Setiap calon Penghulu Mukim hendaklah:-
 - Seorang lelaki terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubungkait dengannya.
 - Berumur tidak kurang 40 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
 - Bermastautin di Kampung di bawah Mukim Tanjong Maya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim hendaklah benar-benar tinggal di Mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
 - Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
 - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta pemedulian.
 - Tidak pernah diisytiharkan mufliis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufliis telah dibatalkan oleh mahkamah.
 - Mempunyai pengetahuan yang baik dalam selok-belok kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat Mukim berkenaan.
 - Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak Swasta/Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Setiap pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim adalah dimestikan:-
 - Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Tutong dan ditandatangani oleh seorang calon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon berkenaan, sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya itu.
 - Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon bagi Penghulu Mukim berkenaan.
 - Sebarang penarikan diri dalam pencalonan itu hendaklah dibuat secara bertulis.
- Calon Penghulu Mukim akan terlebih dahulu ditapis dari segi kelayakan.
- Pencalonan dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat atau penduduk tetap yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh pencalonan diadakan.
- Pencalonan dan penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk Mukim Tanjong Maya dan tinggal bermastautin di Mukim Tanjong Maya.
- Pencalonan dan penamaan calon atau calon-calon selepas tarikh tutup pencalonan tidak akan diterima.
- Seorang Penghulu Mukim adalah dilantik atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Borang pencalonan bolehlah diperolehi dari Unit Institusi Penghulu dan Ketua -Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong dan hendaklah dikembalikan tidak lewat 5 Muharram 1427 bersamaan **4 Februari 2006 (Sabtu)** jam 2.00 petang.



**YAYASAN SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH**

**JAWATAN KOSONG
SEBAGAI PEMANDU**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkecualan bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH.

**1. PEMANDU (DALAM SKIM PERKHIDMATAN TETAP)
- 1 JAWATAN
SUKATAN GAJI M - \$555.00 - \$740.00**

KELAYAKAN :

- Rakyat Negara Brunei Darussalam
- Berumur di antara 25 hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan.
- Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya lulus Tingkatan III.
- Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu. Pemohon yang mempunyai lesen memandu kelas 5 dan 6 akan diberikan keutamaan (**Bukananya hanya Kelas 5 seperti yang diiklankan di keluaran 11 Januari 2006**).
- Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil pada kenderaan.
- Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja dan jawatan yang berkaitan tidak kurang dari 3 tahun dan boleh bertutur dengan baik dalam bahasa melayu dan bahasa inggeris akan diberikan keutamaan.

PERINGATAN:

Pemohon-pemohon hendaklah mengemukakan surat permohonan secara bertulis dan menyertakan butir-butir diri yang lengkap (CV), salinan sijil-sijil kelulusan serta dokumen yang berkenaan, dan nombor telefon yang mudah dihubungi, berserta dengan satu keping gambar baru berukuran paspot (tidak dikembalikan) kepada:

**Pengarah Urusan
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Jalan Kumbang Pasang
Gadong BA 1511
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**BILANGAN TAWARAN : JPH/S/TAW/197 DAN
JPH/S/TAW/198**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa dan tarikh tutup bagi tajuk tawaran adalah seperti berikut:-

**JPH/S/TAW/197 : MEMELIHARA DAN MENJAGA BANGUNAN-BANGUNAN DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG, JABATAN PERHUTANAN.
Tarikh tutup pada 31 Januari 2006.**

**JPH/S/TAW/198 : MEMBINA LALUAN BAGI JALAN TONGKAT ALI DI TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG, JABATAN PERHUTANAN.
Tarikh tutup pada 7 Februari 2006.**

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Setiap kontraktor yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran sebanyak B\$ 50.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**PENGIKLANAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG
DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(TARIKH TUTUP IKLAN : 8 FEBRUARI 2006)**

TEMPAT PENGHANTARAN BORANG

**PEJABAT SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**

Syarat-syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bagi jawatan B.3 ke atas, pemohon yang masih berkhidmat dalam Perkhidmatan awam hendaklah LULUS peperiksaan-peperiksaan berikut:-
- Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
 - Peraturan-Peraturan Kewangan
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Cara permohonan - Rujuk di perenggan akhir iklan.

**1. PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH,
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Ijazah Sarjana Muda Perundangan Islam dan Diploma Pentadbiran Undang-Undang / LLB (Syariah) / LLB atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan.

**2. PEGAWAI KAJI SELIDIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Ijazah Sarjana Muda Politik/Perhubungan Antarabangsa/ Undang-Undang atau kelulusan sebanding dalam bidang berkaitan.
- b) Mengetahui peraturan-peraturan am Kerajaan, hal ehwal semasa khusus dalam bidang politik dan hubungan antara-bangsa dan dasar-dasar Kerajaan termasuk bidang pertahanan adalah kelebihan.

**3. PEGAWAI ALAM SEKITAR
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) Ijazah Sarjana Muda Alam Sekitar atau kelulusan sebanding dalam bidang berkaitan.
- Kelulusan bersesuaian lebih tinggi merupakan kelebihan.

**4. PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3

- a) Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan/Sains Sosial/Pentadbiran Awam/Pengurusan/ Kajian Kerja Komuniti/Komunikasi Massa atau bidang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan.

BAGI TANGGAGAJI B.2

- b) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) Sains Kemasyarakatan/Sains Sosial/Pentadbiran Awam/Pengurusan/Kajian Kerja Komuniti/Komunikasi Massa atau bidang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji C.3 dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
- ii) Sedang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat atau jawatan bersesuaian di Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**5. PEGAWAI KAUNSELING
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3

- a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaunseling / Psikologi / Sains Kemasyarakatan / Sains Sosial / Pentadbiran Awam / Pengurusan / Kajian Kerja Komuniti atau bidang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan.

BAGI TANGGAGAJI B.2

- b) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kaunseling / Psikologi / Sains Kemasyarakatan / Sains Sosial / Pentadbiran Awam / Pengurusan / Kajian Kerja Komuniti atau bidang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam tanggagaji C.3 dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan tidak kurang 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Pembangunan Masyarakat dalam jawatan yang berkaitan dengan bidang kaunseling atau hal ehwal kemasyarakatan dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
- iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kemasyarakatan atau bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- c) Boleh menulis dan bertutur Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- d) Berkebolehan memahami dan bertutur dalam bermacam dialek puak-puak Brunei adalah sangat berfaedah dan diutamakan.

**6. PEGAWAI KAUNSELING
JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
TANGGAGAJI : B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
ATAU B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3

- a) Ijazah Sarjana Muda Kaunseling / Psikologi atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan.

BAGI TANGGAGAJI B.2

- b) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kaunseling / Psikologi atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 5 tahun. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang 7 tahun.
- c) Boleh bertutur dan menulis Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**7. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5(\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) bidang Kejuruteraan Elektrik/ Perkhidmatan Bangunan atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau Merinyu Meter Kanan atau jawatan sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan mengerjakan salah satu tugas-tugas berikut:-
- Penyelidikan kerja mengawasi dan memelihara sistem penghantaran 66KV.
 - Sistem Pembahagian LV dan 11KV, termasuk 'switching & operation' sistem janakuasa elektrik.
 - Sistem pemasangan jentera 'standby generators'.
 - Sistem pemasangan peralatan perkhidmatan bangunan dan sistem pemasangan lif-lif dan tangga geluncur.
 - Sistem janakuasa elektrik.
- b) Mempunyai sijil kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik merupakan kelebihan.
- c) Pengalaman kerja yang luar terbukti dalam kerja-kerja kejuruteraan elektrik/mekanikal atau sebanding merupakan kelebihan.

**8. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5(\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam Kejuruteraan Awam / Bangunan / Mekanik / Elektrik / Ukur Bahan / Arkitek.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau Tukang Pelan Kanan tidak kurang dari 3 tahun.

**9. KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5(\$1,990 - \$2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi merupakan kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan sebanding tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Pengetahuan dan pengalaman dalam bidang alam sekitar atau lanskap atau kejuruteraan adalah kelebihan.

**10. PENOLONG PENGAWAI PERBEKALAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5(\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau kelulusan yang sebanding dalam bidang Pembelian dan Perbekalan/Pengajian Perniagaan/Pentadbiran/Pengurusan Perakaunan/Perakaunan atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelenggara Stor Tingkat Khas dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**11. PENOLONG PENYUNTING TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
TANGGAGAJI : C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) bidang Penerbitan/ Penulisan atau bidang bersesuaian.
- Kelulusan lebih tinggi dalam bidang tersebut merupakan kelebihan. ATAU
- b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Penyunting Tingkat III atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- c) Kebolehan dan pengalaman dalam bidang penulisan dan penerbitan.
- d) Boleh bertutur Bahasa Melayu dan Inggeris serta boleh membaca dan menulis Jawi dengan baik.
- e) Kebolehan dalam menggunakan komputer.

CARA PERMOHONAN/MAKLUMAN :

- Mengisikan dan melengkapkan (1) satu salinan sahaja borang SPA1/2 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan; dimana Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memberikan atau menyertakan lampiran-lampiran seperti berikut :-

 - Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan).

- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan dengan kepujian 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa hendaklah dengan cara sekali duduk peperiksaan atau 2 kali pada 2 tahun berturut-turut.
- Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab: Maklumat boleh diperolehi dari pihak Kementerian/Jabatan masing-masing atau melayari laman web Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seperti di bawah.

TARIKH TUTUP IKLAN : 8 FEBRUARI 2006

TEMPAT MENDAPATKAN/MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN :

**PENYAMBUK TETAMU, TINGKAT 1
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN BB3150
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Website : www.spa.gov.bn
Tel. No : 2381961 ext 543 (Bahagian Iklan)
BILANGAN IKLAN : 3/1/06 (SPA/BMI)

**PEMBETULAN IKLAN JAWATAN KOSONG
KELUARAN AKHBAR RASMI KERAJAAN
(PELITA BRUNEI) KELUARAN 4 JANUARI 2006**

MERUJUK jawatan kosong sebagai **PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN (C.3-4 EB.5)**, di Jabatan Perhutanan yang telah diiklankan melalui Pengiklanan Jawatan-jawatan kosong Lembaga Kakitangan adalah dibetulkan kepada **PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT I (C.3-4 EB.5)**.



**DI DALAM
MAHKAMAH MAJISTRET
BANDAR SERI BEGAWAN**

SAMAN BIL : 566 TAHUN 1998

DI ANTARA

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**Plaintif

DAN

**PG HJ TUAH BIN PG HJ MENUDIN
K. P. BRUNEI 00-033977 - KUNING)
Berniaga di bawah nama dan gelaran (Express
Embroidery Ladies Fashion Dressmaking)**Defendan

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH
PENYAMPAIAN GANTI**

Kepada : **PG HJ TUAH BIN PG HJ MENUDIN**
Alamat yang terakhir diketahui
No. 103, Kampong Mengelait,
Pengkalan Gadong BE3919,
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA

SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, plaintif di mana tuntutan Plaintiff ialah yang berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut :

- 1) sebanyak \$3,749.45 ;
- 2) faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh;
- 3) dan kos;
- 4) sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

DAN bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan dengan melekatkan satu salinan Notis dan Perintah Penyampaian Ganti bersama dengan satu salinan Saman di alamat yang terakhir diketahui dan juga melalui pemberitahuan ini di satu keluaran "PELITA BRUNEI" dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada **24 Januari 2006 jam 8.30 pagi**, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang tersebut di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh : 14 Disember 2005.

DK MASNI PG HAJI BAHAR
Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan Peguambela bagi Plaintiff yang alamat penyampaiannya ialah Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA1910, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

PROJEK NO : JTB/KA/KFM/ELECT/01/2006

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong elektrik tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam kelas V ke atas dan Jabatan Telekom Brunei.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi 'REWIRING OF ELECTRICAL INSTALLATION SYSTEM FOR TELEPHONE HOUSE BUILDING (OLD) SUMBILING JABATAN TELEKOM BRUNEI BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM.
3. Tawaran-tawaran mestilah dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertanda:-

JTB/KA/KFM/ELECT/01/2006

**REWIRING OF ELECTRICAL INSTALLATION SYSTEM
FOR TELEPHONE HOUSE BUILDING (OLD) SUMBILING
JABATAN TELEKOM, BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI DARUSSALAM.**

Tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada:-

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
TINGKAT 4, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN,
JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Selasa, 14 Februari 2006** jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.
5. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci bolehlah didapati dari UNIT PENDAFTARAN PEMBORONG Tingkat 2, Bahagian Kewangan Korporat, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak B\$ 500.00 Dokumen tawaran (tidak dikembalikan).
6. Satu taklimat/perjumpaan bagi penerangan maklumat terperinci tender ini akan diadakan pada **6 Februari 2006 jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Wijaya Bangunan Ibu Pejabat, Lapangan Terbang Lama Berakas**. Kehadiran penender-penender adalah dimestikan dan merupakan satu syarat yang mesti dipenuhi.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

BILANGAN TAWARAN : JTB/KA/KAM/LTK/6109

**TAWARAN BAGI MENYEWA DAN MENGURUSKAN
KANTIN, JABATAN TELEKOM, LAPANGAN TERBANG
LAMA, BERAKAS.**

1. PEMBORONG hendaklah berdaftar dengan Jabatan Telekom Brunei.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Perhubungan, Bangunan Kementerian Perhubungan, jalan menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari **Selasa, 14 Februari 2006** bagi tajuk di atas.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Borang-borang tawaran, dokumen serta penerangan lanjut diperolehi dari Tingkat Dua 2, Unit Pendaftaran Pemborong dan Tawaran serta Sebutharga, Bangunan Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran berjumlah \$ 100.00 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**PERADUAN MENULIS BUKU SEJARAH BRUNEI ANJURAN
PUSAT SEJARAH BRUNEI,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
SEMPENA JUBLI PERAK PUSAT SEJARAH BRUNEI**

1. MUKADIMAH

PERADUAN Menulis Buku Sejarah Brunei adalah anjuran Pusat Sejarah Brunei sempena ulang tahun ke-25 (Jubli Perak) penubuhan jabatan ini pada tahun 2007. Peraduan ini merupakan julung-julung kalinya diadakan dan salah satu daripada rancangan yang telah disusun bagi memelihara sambutan tersebut seperti yang tercatat dalam booklet Pusat Sejarah Brunei - Perancangan dan Perkembangan 20 Tahun (2004- 2023).

2. TUJUAN

- 2.1 Menggalakkan para penulis bergiat dalam bidang penulisan sejarah.
- 2.2 Memberi peluang kepada para penulis mengemukakan pandangan atau pendapat yang bernilai dan mempunyai landasan yang kukuh berdasarkan sumber penyelidikan yang luas, terperinci dan bersistematik.
- 2.3 Meningkatkan kesedaran para penulis untuk benar-benar serius dalam penulisan sejarah Brunei dan memahami hakikat pentingnya penulisan sejarah sebagai pedoman dan iktibar, terutamanya dalam pembangunan Negara.
- 2.4 Mempeyakakan bahan bacaan sejarah.
- 2.5 Menarik minat orang ramai mengetahui sejarah tanah airnya sendiri.

3. ASPEK PENULISAN

- 3.1 Bidang pengkajian yang mencatatkan kisah masa silam sesuatu bangsa dan negara yang merangkumi semua aspek kehidupan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial ditulis dalam suatu kejutan yang bernilai dan dapat dipertanggungjawabkan kesahihan faktanya.
- 3.2 Antara aspek sejarah Brunei yang boleh diolah untuk maksud penulisan ini ialah pendudukan Jepun di Brunei, hubungan luar Brunei, sejarah sosioekonomi Brunei dan perkembangan pentadbiran dan politik Brunei atau aspek-aspek sejarah Brunei lain yang termasuk dalam perkara-perkara yang telah digariskan untuk diselidik dan ditulis oleh penulis-penulis tanah air kerana penulis-penulis tanah air yang lebih mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam akar umbi Sejarah dan Kebudayaan Brunei.

4. SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

- 4.1 Peraduan ini terbuka kepada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, kecuali Jawatankuasa Peraduan Menulis Buku Sejarah dan Panel Hakim.
- 4.2 Karangan mestilah karya asli, bukan terjemahan atau saduran, penyesuaian (adaptasi), kajian ilmiah ataupun apa saja pengertian yang boleh menyebabkan karangan itu bukan asli serta mestilah tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan. Bagaimanapun, sebarang petikan dan notakaki (footnote) adalah dibenarkan jika digunakan untuk menguatkan lagi hujah atau pendapat penulis.

4.3 Karangan boleh ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, dalam tulisan rumi menggunakan ejaan yang lazimnya terpakai di negara ini.

4.4 Tajuk dan isi kandungan adalah bebas berdasarkan kepada syarat 3.2 dan jumlah karya yang dihantar tidak dihadkan, tetapi setiap krangan itu mestilah menggunakan borang masuk peraduan yang telah disediakan.

4.5 Panjang karangan hendaklah tidak kurang daripada 80,000 perkataan (tidak termasuk petikan dan notakaki). Karangan hendaklah ditaip jarak langkau dua baris pada sebelah muka ukuran A4.

4.6 Pihak penganjur berhak mengambil keputusan setelah dipertimbangkan dengan saksama jika timbul suatu perkara di luar daripada syarat dan peraturan ini.

4.7 Pihak penganjur berhak mengambil keputusan setelah dipertimbangkan dengan saksama jika timbul suatu perkara di luar daripada syarat dan peraturan ini.

4.8 Nama penulis dan nama pena (jika ada) tidak boleh ditulis dalam manuskrip karangan, tetapi hanya ditulis dalam borang penyertaan yang disediakan oleh pihak penganjur. Karangan dan softcopy hendaklah dihantar bersama borang peraduan tidak lewat daripada 31 Januari 2007 kepada:

**Setiausaha,
Peraduan Menulis Buku Sejarah Brunei,
Pusat Sejarah Brunei,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

5. HADIAH

5.1 Tiga hadiah penghormatan akan diberikan kepada karangan yang dihakimkan terbaik:-

- 5.1.1 Hadiah Pertama \$ 12,000.00
- 5.1.2 Hadiah Kedua \$ 8,000.00
- 5.1.3 Hadiah Ketiga \$ 6,000.00

5.2 Empat hadiah penghargaan masing-masing bernilai \$ 3,000.00 juga akan diberikan.

5.3 Jika pada pendapat panel hakim tidak ada karangan yang patut menerima hadiah pertama, maka hadiah kedua dan ketiga sahaja akan diberikan.

6. PANEL HAKIM

1. Pusat Sejarah Brunei akan melantik sebuah Panel Hakim.
2. Keputusan Panel Hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan bersabit dengan keputusan ini tidak akan dilayan.
3. Keputusan peraduan akan diumumkan pada 31 Ogos 2007.

7. HAK CIPTA

1. Hak cipta terhadap karangan yang dikirim adalah dipegang oleh penulis sendiri, tetapi Pusat Sejarah Brunei mempunyai hak pertama untuk menerbitkannya dalam apa bentuk sekalipun.
2. Karangan sama ada yang memenangi hadiah atau tidak, jika diterbitkan oleh Pusat Sejarah Brunei akan dibayar royalti.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPB/65/2005

"PEMELIHARAAN SISTEM HAWA DINGIN :
PEMELIHARAAN BERKONTRAK SECARA MENYELURUH (FULLY COMPREHENSIVE) DAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN DALAM KUMPULAN 6B (KAWASAN PUSAT BANDAR BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN".

Tarikh tutup : **7 Februari, 2006 hari Selasa** jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$1,000.00 (tidak dikembalikan).



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN:
JPB/PP/1.5.12 (TUT) DAN JPB/PP/1.1.11**

1. TAWARAN-TAWARAN ini adalah dipelawa bagi:-
 - i) "PROJEK PENYEDIAAN PELAN PERANCANGAN DAERAH TUTONG bagi Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
 - ii) "PROJEK PELAN DAN KAJIAN SEMULA PERANCANGAN DAERAH BRUNEI MUARA bagi Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
2. Dokumen-dokumen terperinci bagi tawaran-tawaran di atas boleh diperolehi dari:-

**BAHAGIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN,
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,
TINGKAT 3, BANGUNAN
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3. Pembayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 bagi setiap satu tawaran (tidak dikembalikan) hendaklah terlebih dahulu dijelaskan di Bahagian Pembayaran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa pada setiap hari Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada **19 Januari 2006**.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam 2 sampul surat berasingan yang tertutup rapat. Sampul surat pertama mengandungi keterangan terperinci cadangan Teknikal. Sampul surat kedua mengandungi keterangan terperinci Harga Rancangan yang ditawarkan.
6. Pada bahagian atas kedua sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut (sama ada):-

**BILANGAN TAWARAN: JPB/PP/1.5.12 (TUT)
PROJEK PENYEDIAAN PELAN PERANCANGAN
DAERAH TUTONG
ATAU
BILANGAN TAWARAN:JPB/PP/1.1.11
PROJEK PELAN DAN KAJIAN SEMULA
PERANCANGAN DAERAH BRUNEI MUARA.**

Tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan kedua sampul surat berkenaan hendaklah ditujukan ke alamat seperti berikut:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL,
TINGKAT BAWAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 24 Januari 2006**.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

Harga Dokumen : B\$60.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas II, III, IV & V (Kategori 5j) DAN mempunyai tidak kurang dari Lapan (8) orang pekerja yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter pengeluaran Dokumen Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Dua, Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN - JPE/LTK/BPB/110/2005

"PEMELIHARAAN SISTEM HAWA DINGIN :
PEMELIHARAAN BERKONTRAK SECARA
MENYELURUH (FULLY COMPREHENSIVE) DAN
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI BANGUNAN-
BANGUNAN KERAJAAN DALAM KUMPULAN 3
(KAWASAN JALAN TUNGKU LINK)
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN".

Tarikh tutup : **7 Februari 2006, hari Selasa** jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$500.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Kotak Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan (Kelas II, III, IV, dan V Kategori : 5j sahaja) DAN mempunyai tidak kurang dari lapan (8) orang pekerja yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Dua (2nd floor), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Kaunter pengambilan Dokumen, Tingkat Dua, Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN PERKHIDMATAN
PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**"THE SUPPLY DELIVERY INSTALLATION TESTING,
COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF
PMONET - IT NETWORK INFRASTRUCTURE FOR
MANAGEMENT SERVICES DEPARTMENT"**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY DELIVERY INSTALLATION TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF PMONET - IT NETWORK INFRASTRUCTURE FOR MANAGEMENT SERVICES DEPARTMENT".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi setelah bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan) dibuat bahagian Pentadbiran, Tingkat 5, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910 pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
3. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada 16 Januari 2006.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tawaran seperti berikut: "THE SUPPLY DELIVERY INSTALLATION TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF PMONET - IT NETWORK INFRASTRUCTURE FOR MANAGEMENT SERVICES DEPARTMENT" tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Rabu, **1 Februari 2006**.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



KEMENTERIAN KESIHATAN

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan **Tawaran Biasa** seperti yang dilampirkan bersama dalam muka surat 3 & 4 dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang, **Hari Selasa 7 Februari 2006**.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang iaitu Hari Isnin hingga Hari Khamis dan Hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut dibawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

BIL. TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN
KK/01/2006	SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES ITEMS FOR RENAL UNIT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (PART 1)	\$200.00
KK/02/2006	SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES ITEMS FOR RENAL UNIT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (PART 2)	\$200.00
KK/03/2006	SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLES ITEMS FOR RENAL UNIT FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (PART 3)	\$200.00

... NOTIS JUALAN LELOG ...



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

ADALAH dimaklumkan bahawa jualan lelong yang tersebut di atas akan diadakan pada hari Sabtu, **28 Januari 2006**.

Lelong ini ada mengandungi syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang dan peralatan-peralatan makmal yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh jualan lelong tersebut.
2. Kegagalan mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
3. Peralatan-peralatan makmal yang dilelong ini adalah sebagai besi buruk.
4. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

KETERANGAN	TEMPAT LELOG	TARIKH/MASA
3 SET DAN 35 BUAH BARANG-BARANG DAN PERALATAN-PERALATAN MAKMAL	DI PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN BRUNEI, KILANAS	HARI SABTU, 28 JANUARI 2006 JAM 9.00 PAGI

CERPEN

OLEH HAJI JAMALUDDIN ASPAR

LAPANG dada Tuan Haji Abu Bakar. Alhamdulillah. Pekerjaannya selesai dengan selamat dan sempurna. Cuma menunggu waktu untuk kembali ke tanah air bersama kemenangan sebagai umat Islam yang telah menyempurnakan Rukun Islam Kelima.

Bola matanya kaku menerkam wajah Kaabah. Ini bukan lakaran dalam gambar, bukan wajah dalam televisyen, tapi ini wajah asli secara langsung depan mata. Sayu hatinya memandang Rumah Allah yang tersergam tenang itu dengan rasa rendah diri. Kesedaran dan keinsafan seorang insan yang daif dan hina di sisi Allah membuatkan air matanya mengalir lesu.

Sebetulnya dia tidak mahu menangis lagi. Kerana sudah banyak air matanya tumpah di Padang Arafah ketika wukuf beberapa hari lalu. Tapi dia tidak dapat mengelak dan menahan. Hatinya yang menangis bukan dirinya.

Dalam khemah itu dipenuhi oleh puji-pujian kepada Allah dan selawat ke atas Rasulullah. Dengan penuh keinsafan dan kekesalan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan, menyebabkan diri mereka teramat kecil berdepan dengan Allah. Memang mereka kecil, sekecil-kecilnya di mata Allah dan terlalu daif yang cuma dua helai kain putih penutup badan. Mereka seolah-olah sudah menjadi mayat.

Dalam diri Haji Abu Bakar berfikir adakah dia sudah menjadi mayat. Dia teringat ceramah agama dulu. Apabila saudaramara yang menghantar seseorang dalam rangka menunaikan fardu haji, adalah umpama menghantar jenazah. Manakala berada di dalam pesawat seolah-olah kerana berisi mayat untuk dikebumikan. Apakah sekarang dia sudah berada di alam barzakh.

Sedu dan tangis dalam perkhemahan di tengah-tengah padang yang luas itu amat mengharukan. Tidak kedengaran sedikit pun bunyi-bunyian selain zikir kepada Allah. Tengah hari selepas Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, tertulislah haji dan hajjah kepada umat Muhammad yang berwukuf di Padang Arafah waktu itu yang dikatakan jelmaan Padang

Mahsyar di Hari Kandila nanti.

Di luar udara sangat panas ... panas sekali. Angin bertiup juga tersangat panas. Apa lagi di tengah padang yang kering-kontang seluas mata memandang itu. Dengan deratan bukit-bukau ... barisan gunung-ganang yang berbatu-bata menambahkan lagi cuaca yang sedia panas semakin panas. Laksana matahari sejengkal dari kepala.

Hiruk-pikuk dalam khemah itu sudah tidak terkawal, bercampur-baur inda tantu lumihnya. Tangisan bersahut-sahutan, tapi apa yang mereka tangiskan di tengah-tengah padang pasir itu! Siapa yang meninggal mau dirau panjang-panjang! Siapa yang pergi maka hendak ditangisi dalam-dalam. Dengan kata kasarnya siapa yang mati!

Haji Abu Bakar adalah salah seorang jemaah haji yang berada di Padang Arafah dan tengah membilang dosa-dosa yang mohon diampunkan. Bukan senang hendak pergi ke Tanah Suci, jika harta setimbun gunung pun jika belum digerakkan Allah, biar harta itu lesap begitu saja di tempat lain.

Ada kemampuan dan kesihatan mengizinkan, tapi tidak juga tergerak hati untuk menjadi tetamu Allah. Maka tunggulah matinya nanti akan menjadi Yahudi atau Nasrani. Itu kata ustaz dan ustazah dalam ceramah-ceramah mereka. Barang di jauhkan Allah.

Haji Abu Bakar tidak lupa berdoa moga Allah akan menjadikan hajinya 'Haji Mabru' dan akan termasuk salah seorang yang diberikan rahmat oleh Allah. Mudah-mudahan. Semua kata-kata ustaz itu betul belaka. Ustaz mana boleh cakap yang tak betul.

Orang tua atau orang muda malah kanak-kanak pun menangis, riu-ring-sak sambil berpelukan dengan air mata bercucuran. Seolah-olah baru ber-

jumpa setelah berpisah bertahun-tahun lamanya. Tidak siapa pun tahu mengapa mereka menangis. Padahal mereka baru berkenalan ataupun bertemu kurang dari dua minggu.

Barangkali inilah rahmat yang diturunkan oleh Allah sebagaimana yang didengar oleh Haji Bakar semasa ceramah haji di hotel tempat mereka menginap di Mekah sebelum mereka berangkat ke Padang Arafah untuk berwukuf. Haji Abu Bakar merasa malu, kerana setua-tuanya menangis macam kanak-kanak. Ini baru di Padang Arafah apa lagi di Padang Mahsyar nanti.


Betapa besarnya nilai gelaran haji yang diperolehinya sebentar tadi. Bukan saja mengorbankan harta benda, malah jiwa dan raga. Jika Allah mengizinkan kita pulang ke tanah air maka kita akan pulang, jika tidak kita akan bersemadi di Tanah Suci.

Selaras jam atau kurang pesawat Penerbangan Diraja Brunei sudah menyadai di Lapangan Terbang King Abdul Aziz Jeddah. Cuma tidak lebih 30 hari dan tidak kurang dari 27 hari kita berada di Mekah dan Madinah, jika dibandingkan dengan lebih 30 tahun dulu dengan menggunakan kapal laut, memakan waktu sehingga empat atau lima bulan baru balik ke tanah air. Itu pun jika panjang umur, sebaliknya jasad kita akan menjadi penghuni dasar lautan.

Haji Abu Bakar belum merasa tenang, kerana satu lagi pekerjaan yang belum terlaksana. Melontar tiga jumrah di Mina. Baginya pekerjaan ini sangat berat apatah lagi sekarang usianya sudah lebih 56 tahun. Baru pencen dan inilah ganjaran daripada perkhidmatannya lebih 38 tahun. Mudah-mudahan Allah akan memberkatinya. Amin ...

Di Mina tempat Nabi Ibrahim mengorbankan anaknya Nabi Ismail. Haji Abu Bakar akan melontar tiga jumrah. Gambaran tiga syaitan yang cuba mematahkan semangat dan ketaatan Nabi Ibrahim kepada Allah berjaya ditumpaskan oleh kecintaan dan keimanan yang tidak berbanding kepada Allah. Nabi Ismail rela disembelih oleh ayahnya juga kerana Allah.

Inilah yang dilakukan oleh jemaah haji sebagai syarat Rukun Haji. Ramai jemaah terkorban akibat bersekesak-sesak semasa



DALAM khemah itu dipenuhi oleh puji-pujian kepada Allah dan selawat ke atas Rasulullah. Dengan penuh keinsafan dan kekesalan terhadap dosa-dosa yang telah dilakukan, menyebabkan diri mereka teramat kecil berdepan dengan Allah. Memang mereka kecil, sekecil-kecilnya di mata Allah dan terlalu daif yang cuma dua helai kain putih penutup badan. Mereka seolah-olah sudah menjadi mayat.

melontar jumrah. Ini yang mengguris dan menggesel urat saraf darahnya supaya naik sekali ganda. Haji Abu Bakar bukan takut mati, walaupun dia dimatikan biarlah mati yang bisai, bukan dengan mati tapihit ataupun tesapit. Mudah-mudahan tidak.

Saat-saat yang mencemaskan itu sering kali tergendala. Beberapa kali pengumuman tidak dibenarkan untuk melontar kerana tidak selamat untuk berbuat demikian. Sejuk ulu hatinya bagaikan digaul dengan ketulan ais, badannya menggigil dan menggeletar.

Haji Abu Bakar sudah dapat membayangkan padatnya manusia bagaikan giuk dalam gantang itu apabila terinjak atau tindih-menindih. Apatah lagi orang-orang Arab dan bangsa-bangsa lain di sekitarnya memang besar-besar dan gelojoh. Tidak mepedulikan orang lain, apatah lagi orang-orang dari sebelah timur yang

kecil-kecil saiznya. Macam samut penantangan bisdia.

Haji Abu Bakar pagi itu setelah selesai Sembahyang Fardu Subuh, masih tertanya-tanya bilakah mereka akan melontar. Bola matanya masih tidak mengerdip melihat berjuta-juta manusia berduyun-duyun berjalan menuju ke kawasan jumrah. Hatinya semakin berdebar.

"Batawakal katani ... mudah-mudahan Allah membarikan katani jalan yang mudah dan selamat," kawannya Haji Omar cuba menenangkan Haji Abu Bakar.

"Mandagar Tuan Aji orang mati tapihit Subuh antadi atu.

"Jangantah didangarkan banar bisikan syaitan atu ... Allah karang menyalamatkan katani semua."

"Ketungkalanku timbul dugalku," Haji Abu Bakar menekan perutnya guna menguatkan lagi perca-kapannya.

"Bawa beristighfar banyak-banyak, kuatkan hati dan berserah kepada Allah," Haji Omar pun merasa bimbang dengan peristiwa itu. Cuma tidak dinampakkannya kepada orang lain. Dia seolah-olah seperti orang yang paling berani.

"Katani nyangantah takut kepada siapa-siapa ... malainkan pada Allah." Haji Omar cuba menguatkan lagi semangat dan ketabahan hati Haji Abu Bakar dan juga dirinya sendiri.

Dengan kebesaran Allah dan pertolongan-Nya selesai juga pekerjaan melontar tiga jumrah yang dilakukan oleh Haji Abu Bakar dengan begitu mudah sekali. Tidak serumit dan sepayah yang dibayangkannya. Inilah berkat doa dan ketabahan hatinya. Doa itu adalah senjata mukmin.

Haji ...! Haji ...! Solat ... solat ...! Haji Abu Bakar dikejutkan dengan satu panggilan. Ia kenal

suara itu. "Jauh jua melayang atu ... ke Brunei udah!" kawan setianya Haji Omar mengusik.

"Talalaiku sakajap ... perasaanku lakat lagi katani di Arafah."

"Jangantah dikanangkanang lagi yang udah atu. Syukurtah ...!"

"Auu ... mun dada aral gundalanya esok lusa mulihlah katani ni."

"Insya-Allah. Bah mari tah katani minum aing jamjam dauhu."

"Baik jua ... wudukku pun batal jua udah."

Di ruang benak mereka sudah terpeta wajah Negara Brunei Darussalam yang kecil comel itu dari pandangan udara. Mereka juga membayangkan betapa ringsaknya saudaramara yang menyambut kepulangan mereka nanti dan berebut-rebut untuk memeluknya guna mengambil sedikit berkat kepulangan mereka dari Tanah Suci Mekah.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

PERMATAKU...

Di sebalik selendang muda biru
wajahmu bersembunyi malu
ternyata kau cantik alami
anugerah dari Ilahi
laksana seharum bunga berseri
yang kudus dan asli.

Betapa cias hati ini ingin mendampingi
betapa gemirap hati ini saat menyebut namamu
serasanya akulah yang sebinatang denganmu
memetik pesona hatimu
dan ...
tiada lelaki-lelaki yang akan membantah
mengenalmu
kerana murni kecantikan parasmu
kerana kemuliaan luhur budimu
dihiasi kelembutan tutur katamu
kerlip matamu ayu bagai intan berkilau
senyummu bak semanis madu
menggodaku
sering aku gambarkan
siang malamku berirama puisi keresahan
mengundang kelopak-kelopak pawana
kerinduan.

Engkaulah adiratinaku
permata yang aku dambakan
bertakhta di seluruh bucu jiwaku
selatan cinta kasih kuhamparkan yang
mengalir kebahagiaan.

Qishra

DALAM KEINSAFANKU

Dudukku di sini
mengenang dosa silamku
hanya kerana nikmat dunia
yang terang menjadi gelita
cahaya iman tiada lagi bermaya.

Kerana kenikmatan dan hasutan
aku hilang pegangan
hilang segala pedomam
dunia bagaikan Syurga bagiku
dosa bagaikan harta pencarianku
tetapi ...
Syurga dan harta inilah
yang akan menjadi
azab dan Neraka penghujung hariku.

Hatiku bertanya ...
apakah aku seperti alam ini?
berjalan di dalam kegelapan
beginikah duniaku di dalam sana?

Dalam keinsafanku
badan terasa menggigil ...
hati selalu menangis ...
jiwa sentiasa meronta ...
batin terus terseksa ...
ingin mencari jalan untuk
kembali kepada Ilahi.

Insafku ...
taubatku hanya pada-Mu
Ya Allah ... Ya Rabbi ...

WANITA ITU BONDAKU

Wanita itu
mencuri bangga hatiku
kagum aku akan
ketabahan hatinya
hati seorang perempuan.

Wanita itu bagiku
bagaikan dian
menyinari kelam malam
melupai peritnya tanggungan
demi sejalar sinar
menerangi kehidupan diri.

Wanita itu
sampai bila-bila pun akan
selalu kuingat
hari ini esok atau selamanya
walau berbatu-batu sekalipun
tempatnyanya adalah di hatiku
kerana wanita itu
adalah bondaku.

Zainis M. N.

BERLARI DI HATI LARA

Berlari-lari di tepian pantai
walau hanya seorang diri
walau tidak ditemani
namun atas dasar kata hati
memberi semangat pada diri.

Di sebalik lari-larinya di tepi pantai
ada tersimpan lara di hati
hatinya yang pedih
hatinya yang sedih.

Tiada siapa yang mengetahui
kerana diri sendiri tak menyatakan
walau dikatakan seribu kata sekalipun
tiada yang memahami
tiada yang mengerti
akan maksud perasaan hati.

Yang sentiasa ingin berteman ... berkasih ...
sepertinya tempat bermanja ... mengadu ...
ingin dibelai ... dimanja ... dikasihi ...
disayangi ...
dicintai ... apa lagi dirindui ...

Hatinya kecewa, bercampur rawan
menahan sebak
hati yang pedih lalu jatuh air-air kecil
di sisi mata ...
entah mengapa ianya terjadi, adakah salahnya?
adakah yang lain salah.

Yang pastinya ia tetap berlari-lari
di tepian pantai yang memahami isi hati ini ...

LUKA HATI

Hati ... kenapa kau selalu disakiti
oleh insan yang kukasihi
jiwa ini sebak bagai dihiris
hiris pedih rasanya
ingin kulupakan kisahnya dengan seseorang
tapi bayangan mereka seperti mengejekku.

Ku tak sanggup membencinya
kerana aku begitu menyayanginya sepenuh
jiwa dan ragaku
tak rela berpisah.

Busukkah kau hati
hingga orang sanggup melukaimu
hanya air mata menemani
hati yang terluka ini.

Percaya dan tidak
aku pasrah dengan keadaan dan perasaan itu
aku tak dapat berbuat apa
aku tak dapat menahan.

Sedikit air mata, aku tak dapat menahan rasa
terluka kerana fikiran yang berkecamuk
antara benci dan sayang
biarlah aku begini hingga air mata reda
berhenti menghilang kesunyian ini.

Agar dia tahu aku teramat menyayanginya
walaupun aku berkali disakiti olehnya.

Tulip Jingga 2005

MENCARI KASIH PERI KEMANUSIAAN

Kita bagaikan bebunting

kepatahan sayap
tapi terbang juga
di sini ...
di khemah-khemah pelarian
jauh di kampung halaman
ada yang mengemis kasih
menumpang teduh
kuasa dunia membayangi hidup manusia
di tepi jalan
hidup segan mati tak mahu.

Saban hari menghirup keresahan
saban waktu mengunyah kepahitan
ada yang terjebak di ambang pintu kematian
di sini ...
jauh dari kampung halaman
anak-anak kecil terhidu bau kekejaman dan
penindasan
mencerut leher kemanusiaan
saban masa ada tangisan
dicarik kuku kezaliman
saban waktu kesepian bercambah
dicekik tangan-tangan kehancuran.

Kita merayu pada dunia
tolonglah kembalikan harga diri mereka pada
satu tahap yang wajar
di tanah air mereka sendiri.

RELAKANLAH

Bukan lagi irama semalam
atau kelip si kunang-kunang
waktu aku pulang
hanya Yaa Siin dan tahlil
yang berkumandang.

Waktu selesai menyudah kifayah
setiap sendu di hujung ingatan
kau kami lepaskan
menyudahkan tugas di hadapan Tuhan
bawalah apa yang jadi milikmu kini
kerana tiada siapa menghantarmu ke sana.

Hentikan ratap itu
perjalanan ini akan jadi tidak tentu
kita yang tinggal
kan menyusul bila-bila
iringkan doakan sapukanlah tangismu
Tuhan telah menjemputnya
relakan dia pergi
relakanlah.

Manja Rimba

TETAMU PILIHAN

Duhai insan tetamu pilihan
lambaian suci menjemput kini
beruntung diri tiada terperi
ke Tanah Suci impian di hati.

Duhai insan tetamu pilihan
persiap diri ...
perkemas hati ...
kerana ia panggilan suci.

Amal ibadat dipertingkat
bersihkan hati
sucikan niat
sebelum melangkah ke Tanah Suci.

Tiap tutur ...
tiap perbuatan ... harus ...
terbatas ... harus ...
sempadan.

